

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Vol. 5, No. 1, 2011

LEMBAGA EDITOR

Ketua Editor

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh
*Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri*

Editor Perujuk Luar

Dr. Ramli Hasan
*Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi*

Dr. Hj. Muhamad Rahimi Osman
Pengarah Institut Kajian Zakat, UiTM

Editor Perujuk Dalaman

En. Khalid Mohamed
Timbalan Ketua Pengarah, JAWHAR

Dr. Norazman Ismail
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan, JAWHAR

Penyelia

En. Mizhar Hj. Mazlan
*Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan, JAWHAR*

Editor

Pn. Rosmawati Yas

Penerbitan

Cik Kamariah Nor Mohd Nong

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Vol. 5, No. 1, 2011

KANDUNGAN

Kata-kata Ketua Editor	<i>iii</i>
1. Konsep Wakaf Menurut Syeikh Daud B. ‘Abdullah Al-Fatani Dalam Furu‘ Al-Masa’il Hadenan Towpek	1
2. Perubahan Dalam Perakaunan Zakat Di Malaysia Dr. Zahri Hamat	19
3. Instrumen Hibah Dan Takaful Dalam Aspek Pengurusan Harta Pusaka Dr. Alias Azhar & Ahmad Munir Ishak	35
4. Wakaf Dalam Agenda Pembangunan Ekonomi Negara Di Malaysia Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed	63
5. Ibadah Haji Perjalanan Menuju Ke Arah Pendidikan Spiritual: Satu Analisis Menurut Pandangan Imam Al-Ghazali Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin & Khairul Asfani Nasir	83
6. Sektor Ijtimai: Ke Arah Pemantapan Sosio-Ekonomi Ummah Razali Othman & Rohayu Abdul Ghani, PhD	99
7. Kelayakan Dan Kedudukan Pelajar Sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam Dr. Azman Ab. Rahman & Dr. Ahmad Wifaq Makhtar	131
8. Prestasi Pengendalian Operasi Haji Tanah Air Bagi Musim 1431H/2010M Dato’ Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh & Ahmad Azhan Mohd Noh	149

KATA-KATA KETUA EDITOR

Pertama sekali, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR ini. Penerbitan jurnal ini adalah sebahagian daripada usaha memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan JAWHAR ini mengandungi lapar penulisan terpilih yang mengupas pelbagai sudut kajian berkaitan institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta pengurusan.

Artikel pertama merupakan hasil nukilan Hadenan Towpek yang membincangkan konsep wakaf menurut pandangan Syeikh Daud b. 'Abdullah Al-Fatani yang dikemukakan dalam Kitab *Furu' Al-Masa'il* ini adalah masih lagi relevan dari dulu, kini dan akan datang. Artikel kedua pula menganalisis perubahan yang telah berlaku dalam perakaunan zakat di institusi zakat dan pandangan cendekiawan zakat terhadap perubahan perakaunan zakat di Malaysia. Artikel ini ditulis oleh Dr. Zahri Hamat iaitu pensyarah di Bahagian Perancangan dan Pengurusan Pembangunan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

Artikel seterusnya adalah sumbangan Dr. Alias Azhar dan Ahmad Munir Ishak yang meninjau konsep dan aplikasi semasa instrumen hibah dan takaful dalam pengurusan harta pusaka di negara ini. Artikel keempat adalah hasil tulisan pensyarah dan pelajar Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Sanep Ahmad dan Nur Diyana Muhamed. Kajian ini bertujuan menyelidiki dan meneliti apakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan peranan wakaf dalam agenda pembangunan ekonomi negara dan kepentingannya dalam pembangunan ekonomi negara.

Seterusnya artikel hasil tulisan bersama Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin dan Khairul Asfani Nasir, artikel ini menyelami perjalanan spritual ibadah haji menurut pandangan Imam Al-Ghazali. Artikel keenam pula adalah sumbangan Razali Othman dan Rohayu Abdul Ghani yang membincangkan konsep ijtimai iaitu kesejahteraan sosial sebagai salah satu daripada sektor ekonomi Islam (muamalat). Pemilikan dan penggunaan harta dalam aspek sektor ijtimai turut dikupas bagi melihat pendekatan Islam mengenainya.

Seterusnya ialah penulisan bersama pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia iaitu Dr. Azman Ab. Rahman dan Dr. Ahmad Wifaq Makhtar. Artikel ini mengupas isu kelayakan dan kedudukan pelajar sebagai penerima zakat menurut perspektif Islam. Artikel yang terakhir adalah laporan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berkaitan Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji yang merangkumi pemantauan terhadap pelaksanaan Kursus Haji Perdana dan Operasi Pelepasan Jemaah Haji Malaysia ke Tanah Suci Bagi Musim 1431H/2010M.

Kesemua penulisan yang terkandung di dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan yang mampu memberikan impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pengurusan amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada perujuk luar dan dalam serta penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi Allah S.W.T. jua hendaknya.

KONSEP WAKAF MENURUT SYEIKH DAUD B. 'ABDULLAH AL-FATANI DALAM *FURU' AL-MASA'IL*

Oleh:
Hadenan Towpek¹

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis pandangan Syeikh Daud b. 'Abdullah Al-Fatani terhadap konsep wakaf sebagaimana yang dibincangkan dalam kitabnya Furu' Al-Masa'il dengan menggunakan versi cetakan Matba'ah b. Halabi, Patani Thailand dan dirujuk khusus pada tajuk kitab Al-Waqf. Untuk itu, kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis kandungan teks dalam korpus kajian yang menumpukan perbahasan khusus mengenai rukun-rukun wakaf dan hal-ehwal pengurusan harta wakaf. Analisis secara perbandingan dengan pandangan fuqaha' Al-Syafie yang lain juga diterapkan. Dapatan menunjukkan bahawa pandangan Syeikh Daud Al-Fatani terhadap konsep wakaf adalah dalam ruang lingkup perbincangan fiqh Al-Syafie, bahkan konsep wakaf yang dikemukakan dalam Kitab Furu' Al-Masa'il ini adalah masih lagi relevan dari dulu, kini dan akan datang.

Perkataan Teras : Konsep Wakaf, Rukun Wakaf, Pengurusan Wakaf, *Kitab Furu' Al-Masa'il*

Klasifikasi JEL : N35, N45, R52, Z12

¹ Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Sarawak, yang sedang mengikuti program PhD di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

PENDAHULUAN

Syeikh Daud b. 'Abdullah Al-Fatani merupakan tokoh pemikir Islam yang teragung di Nusantara ini yang pernah mengharumkan nama bangsa Melayu di kalangan negara-negara Islam hingga ke saat ini. Beliau merupakan ulama kitab teristimewa dan sering dianggap sebagai pelopor penulisan kitab-kitab jawi sepanjang abad ke-19. Sebagai penulis yang prolifik, pembabitannya dalam penulisan dianggap yang paling produktif dalam melahirkan kitab-kitab jawi. Beliau berkarya dalam pelbagai disiplin keilmuan Islam seperti tauhid, fiqh, tasawwuf dan sebagainya, yang di antaranya masih lagi diterbitkan hingga ke hari ini dan menjadi rujukan serta kajian para ulama, ilmuwan, penyelidik, pelajar dan sebagainya.

Namun begitu, ketokohan dan populariti beliau kurang dibuat penyelidikan berbanding dengan ulama Melayu yang lain sebagaimana diakui oleh penyelidik seperti Matheson & Hooker (1988:1) Mohd. Zamberi A. Malek (1994:111), Mohd Mokhtar Shafii (2005:1), dan Francis R. Bradley (2007). Sehubungan itu, artikel ini berhasrat menyahut cabaran ini dengan menganalisis pandangan beliau terhadap konsep wakaf sebagaimana yang dibincangkan dalam kitabnya *Furu' Al-Masa'il* dengan menggunakan versi cetakan Matba'ah b. Halabi, Patani, Thailand dan dirujuk khusus pada tajuk *Kitab Al-Waqf*.

RIWAYAT RINGKAS HIDUP SYEIKH DAUD AL-FATANI

Nama penuh beliau ialah Syeikh Wan Dawud b. Syeikh Wan Abdullah b. Syeikh Wan Idris @ Tok Wan Derasid @ Syeikh Wan Senik b. Tok Wan Abu Bakr b. Tok Kaya Pandak b. Andi (Faqih) Ali Datuk Maharajalela. Beliau lebih dikenali sebagai "Tok Syeikh Daud Fatani". Beliau juga mendapat gelaran-gelaran lain seperti "*Al-'Alim Al-'Allamah Al-'Arif Al-Rabbani*", "Syeikh Daud Waliullah", "Syeikh Daud Keramat" dan "Syeikh Daud Pengarang Kitab". (Wan Mohd. Shaghir, 1990:21-22; 1991a:18; Hooker, 1991:73)

Beliau dilahirkan di Kampung Kerisik (Wan Mohd. Shaghir, 1990:20; 1991a:8) berasaskan hujah yang merujuk kepada syair yang ditulis oleh Hj. Muhammad

Hussain b. Abd Al-Latif Al-Fataniy, pada kitab *Hidayat Al-Muta'allim Wa 'Umdat Al-Mu'allim* iaitu: "*Fatani yang masyhur negeri muallifnya; kampungnya itu Keresik yang hampir sungainya*". (Wan Mohd. Shaghir, 1991a:8)

Para penyelidik juga tidak sependapat dalam menentukan tahun kelahiran beliau sama ada 1133H/1720M atau 1153H/1740M atau 1183H/1769M (Wan Mohd. Shaghir, 1990:23). Namun hujah yang lebih kuat berpandukan kepada Tn. Guru Hj. Abd Al-Hamid B. 'Abd Al-Qadir Al-Sanawiy dalam bukunya *Risalah Bahasan Niat Sembahyang* telah menyimpulkan bahawa beliau telah dilahirkan pada tahun 1131H/1718M. (Wan Mohd. Shaghir, 1991a:4-7; 2003:7)

Beliau adalah anak sulung daripada enam orang adik beradik iaitu Syeikh Wan 'Abd Al-Qadir, Syeikh Wan 'Abd Al-Rasyid, Syeikh Wan Idris, Haji Wan Nik dan seorang perempuan. Di samping belajar dengan keluarga sendiri beliau juga berguru dengan ulama-ulama setempat yang datang dari Timur Tengah atau Yaman. Kemudian, beliau juga dikatakan belajar di Aceh selama dua tahun sebelum beliau berangkat ke Hijaz. Beliau belajar di Mekah selama tiga puluh tahun dan di Madinah selama lima tahun. (Wan Mohd. Shaghir, 1990:24-25)

Beliau meninggal di Ta'if. Tahun kematiannya belum dipastikan, tetapi ada yang berpendapat bahawa beliau meninggal pada tahun 1265H/1847M berdasarkan salah satu catatan keluarganya. (Wan Mohd. Shaghir, 1991a:5)

KITAB FURU' AL-MASA'IL

Judul penuh kitab ini ialah *Furu' Al-Masa'il Wa Usul Al-Wasa'il*. Ia dihasilkan oleh Syeikh Daud Al-Fatani pada tahun 1254H/1838M dan diselesaikan pada tahun 1257H/1841M (Wan Mohd. Shaghir, 2003:20). Kitab ini adalah karya besar beliau dalam bidang perundangan dan pemikiran Islam yang pernah didapati di Mekah sejak tahun 1880an lagi (Matheson & Hooker, 1988:22).

Manuskrip asal kitab ini boleh didapati di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia yang disenaraikan sebanyak 22 katalog (Bradley, 2007:136-137). Sementara dalam versi cetakan yang terawal, kitab ini mempunyai pelbagai

versi cetakan, di antaranya termasuklah cetakan Al-Taraqq Al-Majdiyyah Al-'Uthmaniyyah Al-Kainah Makkah Al-Mahmiyyah (1302H/1885M); cetakan *Matba'ah Al-Masriyah Al-Mahmiyyah* di Kampung Dandiriyah Muhammad Affandi Mustafa (1307H/1889M); dan cetakan Matba'ah Dar Ihya' Al-Kutub Al-'Arabiyyah, Mesir (1348H/1929M). (Wan Mohd. Shaghir, 1991b:58-59) Pada masa sekarang, versi cetakan kitab yang masih diulang-cetak, dijual di pasaran dan digunakan di institusi pengajian tradisional di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Patani Thailand adalah versi cetakan Matba'ah Bin Halabi, Patani Thailand yang menggunakan versi cetakan Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir (*Furu' al-Masa'il*, Jld. 2, hlm.389).

Syeikh Daud Al-Fatani menulis kitab *Furu' Al-Masa'il* ini sebagai sebuah kitab fiqh yang membincangkan perkara-perkara *furu'* atau cabang-cabang fiqhiyyah yang direka dengan model kitab fatwa iaitu mempunyai soalan dan jawapan dengan kupasan yang terperinci dan sempurna serta merangkumi semua bab tanpa menyatakan identiti pihak yang menyoal. Sebagai sebuah kitab model fatwa, Syeikh Daud Al-Fatani mereka bentuk *Furu' Al-Masa'il* dalam bahagian *Fiqh Mu'amalat* telah memuatkan sekurang-kurangnya 724 set soalan jawapan. (Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan, 2010:5 dan 7)

Selain itu, Syeikh Daud Al-Fatani telah menyusun secara sistematik kandungan *Fiqh Mu'amalat* yang terdapat dalam kitab *Furu' Al-Masa'il*, Jilid 2 ini mengikut susunan tajuk-tajuk utama dalam *Fiqh Mu'amalat* dalam Mazhab Syafie. Ia merangkumi 28 tajuk yang dimulai dengan *Kitab Al-Bay'* iaitu hukum jual beli dan yang berkaitan dengannya, dan diakhiri dengan *Kitab Al-Wadi'Ah* iaitu akad di antara tuan punya barangan dengan pihak yang menyimpan untuk menyimpan barangan tertentu. Sementara tajuk *Kitab Al-Waqf* adalah tajuk yang ke-24 dalam senarai tajuk tersebut.

KONSEP WAKAF MENURUT SYEIKH DAUD AL-FATANI

Syeikh Daud Al-Fatani telah memuatkan tajuk *Kitab Al-Waqf* sebagai salah satu tajuk *Fiqh Mu'amalat* dalam kitab *Furu' Al-Masa'il* pada Jilid 2, halaman 121 hingga 124 (**Lampiran 1**). Ia mengandungi 15 set soalan jawapan yang boleh dikelompokkan kepada dua perbincangan utama iaitu pertama, mengenai rukun

wakaf dan kedua, mengenai pengurusan harta wakaf. Dalam korpus kajian ini, Syeikh Daud Al-Fatani menghuraikan rukun wakaf menerusi set 1-9 dan pengurusan harta wakaf dibincangkan dalam set 10-15. Sebelum perbincangan dilanjutkan, artikel ini terlebih dahulu menerangkan definisi wakaf sebagai asas pemahaman dan penelitian.

a. Definisi Wakaf

Syeikh Daud Al-Fatani Ketika memulakan perbincangannya di bawah tajuk *Kitab Al-Waqf* tidak mengemukakan takrifan perkataan wakaf sama ada dari sudut bahasa ataupun istilah fiqh sebagaimana kebiasaan para ulama fiqh yang lain. Namun begitu, sebagaimana yang difahami, wakaf dari segi bahasa memberi erti sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai sebagai derma atau bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam (Kamus Dewan, 2007:1796). Dalam bahasa Arab, wakaf berasal daripada perkataan *waqf* bererti berdiri atau berhenti (Ibn Manzur, 1990:359). Perkataan lain yang sama erti dengan perkataan wakaf ialah *Al-habs* yang bermaksud berhenti, menahan atau *habbasa* yang bererti menahannya pada jalan Allah S.W.T. (*Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa Al-A' Lam*, 1992: 114).

Sementara dari sudut istilah syarak, ulama Al-Syafie menjelaskan bahawa wakaf harta merujuk kepada penahanan harta yang berkekalan dan dapat dimanfaatkan harta tersebut manakala pemilik harta itu akan terputus hak pemilikannya. Penggunaan harta tersebut adalah berbentuk kebajikan untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T. Dengan perkataan lain, wakaf adalah menahan harta yang kekal bentuknya (zatnya) dan manfaatnya dapat digunakan untuk tujuan kebaikan dan diserahkan kepada pihak yang telah ditentukan oleh syarak atau penahanan ke atas harta yang boleh dimanfaatkan dan penghasilan daripada harta tersebut boleh digunakan bagi tujuan yang diharuskan. (Al-Syirazi, T.Th:442; Al-Nawawi, T.Th:320; Al-Khatib Al-Syarbini, 1995:510, Al-Bakri, 1991:707, Al-Zuhayli, 1989:154-155)

b. Rukun Wakaf

Sungguhpun Syeikh Daud al-Fatani tidak menggunakan istilah rukun wakaf dalam perbincangan di bawah *Kitab Al-Waqf* ini, namun kandungan penulisan

dalam korpus kajian ini memuatkan perbincangan mengenai rukun wakaf yang empat iaitu *waqif* atau pewakaf, *mawquf* atau harta yang diwakafkan, *sighah* dan *mawquf 'alayh*. Dalam hal ini, pembahagian rukun wakaf kepada empat perkara ini dilihat adalah selari dengan penulisan fiqh jumhur mazhab kecuali mazhab Hanafi yang menyatakan rukun wakaf hanya satu sahaja iaitu *sighah* (Wahbah Al-Zuhayli, 1989:159; *Al-Mawsu'Ah Al-Fiqhiyyah*, 2006:112). Bagi mazhab Al-Syafie, rukun wakaf itu terbahagi kepada empat sebagaimana dicatat oleh Al-Ramli (1984:359); Al-Khatib Al-Syarbini (1995:510); Al-Bayjuri (1994:61); Al-Bakri (1991:712); dan Al-Zuhayli (1989:159).

i. Rukun Pertama: Waqif atau Pewakaf

Penulisan Syeikh Daud Al-Fatani di bawah tajuk *Kitab Al-Waqf* ini dimulakan dengan rukun wakaf yang pertama iaitu *waqif* atau pewakaf menerusi perbincangan mengenai syarat sah bagi seseorang yang hendak melakukan pewakafan. Menurut Syeikh Daud Al-Fatani, syarat sah bagi seseorang yang hendak melakukan pewakafan itu hendaklah seseorang yang ahli bagi berbuat kebajikan sama ada dia seorang Islam ataupun bukan Islam (Set 1, *Furu' Al-Masa'il*, Jld. 2, h.121).

Pendapat ini selari dengan ulama Al-Syafie yang mengatakan seseorang pewakaf itu, sama ada Islam atau bukan Islam, hendaklah tergolong dalam dua ciri yang diistilahkan sebagai *Sihhat Al-'Ibarah* atau waras pemikirannya dan *Ahliyyat Al-Tabarru'* atau mempunyai autoriti untuk memberi sumbangan harta. (Al-Ramli, 1984:359; Al-Khatib Al-Syarbini, 1995:510-511; Al-Bayjuri, 1994:63; Al-Bakri, 1991:712-713; Al-Zuhayli, 1989:176)

Seterusnya Syeikh Daud Al-Fatani menyenaraikan tujuh golongan yang tidak sah melakukan pewakafan yang tidak memenuhi dua ciri di atas iaitu kanak-kanak, orang gila, orang yang disekat berbelanja kerana bodoh, orang yang dipaksa, orang yang berhutang, muflis dan wali kanak-kanak. Dalam hal ini, Syeikh Al-Ramli (1984:359-360), Al-Khatib Al-Syarbini, (1995:510-511) dan Syeikh Ibrahim Al-

Bayjuri (1994:63) mengategorikan dua golongan yang awal itu sebagai tidak memenuhi ciri *Sihhat Al-'Ibarah* dan lima golongan berikutnya pula sebagai tidak memenuhi ciri *ahliyyat al-tabarru'*.

ii. Rukun Kedua: Mawquf atau Harta yang Diwakafkan

Syeikh Daud Al-Fatani membincangkan rukun kedua wakaf iaitu *mawquf* atau harta yang diwakafkan sebagaimana yang dimuatkan menerusi set 1 hingga 4 dalam *Furu' Al-Masa'il*. Dalam set 1 ini, selepas membincangkan syarat pewakaf, Syeikh Daud Al-Fatani turut membahaskan syarat bagi harta tersebut. Beliau mensyaratkan tiga unsur yang mesti ada pada harta tersebut iaitu harta yang tertentu, di bawah pemilikannya dan boleh dipindah.

Selanjutnya, berasaskan kepada tiga unsur ini, Syeikh Daud Al-Fatani menyimpulkan bahawa sah wakaf yang dibuat oleh pihak penguasa terhadap harta tanah milik baitulmal bagi tujuan masalah umum. Dalam pertimbangan yang sama, beliau juga mengatakan bahawa sah mewakafkan kambing jantan bagi tujuan pembenihan kambing betina; sebagaimana sah hukumnya mewakafkan anak himar yang masih kecil. Begitu juga sah hukumnya mewakafkan dirham untuk ditempa menjadi pakaian. Syeikh Daud Al-Fatani seterusnya dalam set 2 menyatakan sah waqaf bangunan dan pohon kayu yang berada di tanah yang disewa. Sekiranya tempoh sewaan itu tamat, maka terbatallah wakafnya. Dalam set 2 ini juga dinyatakan tiada sah hamba yang lumpuh kekal itu diwakafkan.

Set 3 pula Syeikh Daud Al-Fatani menyatakan tidak sah wakaf makanan dan raihan yang sudah dikerat. Beliau menambah raihan yang masih dipohon itu adalah sah diwakafkan kerana masih dapat dicitum baunya dan dapat bersuka-suka melihatnya. Sebaliknya bagi pokok gaharu perlu dipotong terlebih dahulu bagi mendapatkan manfaatnya. Dalam set 3 ini juga dikaitkan dengan harta yang *'aqar, manqul*, harta yang bersekutu dan harta yang *musya'*. Dalam hal ini, Syeikh Daud Al-Fatani menyatakan sah

wakaf harta *'aqar* iaitu harta yang tetap seperti rumah dan tanah, dan wakaf harta *manqul* iaitu boleh dipindah seperti pinggan dan periuk. Beliau juga menyatakan sah wakaf bagi harta yang bersekutu walaupun ia tidak mengetahui kadar bahagiannya sekalipun, tanpa menghapuskan hak rakan kongsinya. Bagi harta tanah yang *musya'* iaitu yang bebas terbuka, sah sekiranya diwakafkan untuk dijadikan masjid, lantas haram orang junub masuk dan berhenti di dalamnya. Oleh sebab itu, harta jenis ini perlu dibahagikan dengan tertentu.

Dalam set 4, Syeikh Daud Al-Fatani membincangkan hukum wakaf masjid pada tanah yang disewa. Beliau menyatakan sah wakaf masjid yang dibuat pada tanah yang disewa. Dalam hal ini, beliau berpendapat bahawa ibadat sembahyang hanya sah dilakukan di dalamnya dengan keizinan daripada pihak penyewa tanah tersebut. Sebaliknya pula bagi iktikaf dan sembahyang *tahyatul Al-Masjid* adalah sah dilakukan tanpa keizinan pihak penyewa.

Penulisan Syeikh Daud Al-Fatani dalam menghuraikan hukum *mawquf* di atas adalah amat jelas menunjukkan bahawa penulisan beliau masih dalam ruang lingkup perbahasan dalam fiqh mazhab Syafie. Umpamanya syarat tiga unsur yang mesti ada pada *mawquf* itu beserta dengan contoh-contohnya, sebenarnya sealiran dengan pendapat Syeikh Al-Ramli (1984:360) yang menyatakan tiga unsur tersebut mesti terdapat pada harta yang hendak diwakafkan itu, bahkan ia hendaklah mempunyai faedah atau manfaat secara berkekalan. Sementara contoh-contoh yang terdapat set 2 hingga 4 ini pula sudahpun diperbahaskan oleh Syeikh Al-Ramli (1984:360-363). Dalam hal ini, fuqaha Al-Syafie mengertikan 'faedah' sebagai susu, hasil tanaman dan seumpamanya, manakala 'manfaat' pula diertikan sebagai tempat tinggal, pakaian dan seumpamanya (Al-Khatib Al-Syarbini, 1995:511; Al-Bakri, 1991:713). Perbincangan fuqaha Al-Syafie seumpama ini boleh juga didapati dalam Al-Bayjuri (1994:63); *Al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyyah* (2006:161-172) dan Al-Zuhayli (1989:176).

iii. Rukun Ketiga: Sighah Wakaf

Syeikh Daud Al-Fatani seterusnya melanjutkan perbincangan *Kitab Al-Waqaf* ini berkaitan dengan rukun wakaf ketiga iaitu *sighah* yang dimuatkan dalam set 5. Dalam set ini, Syeikh Daud Al-Fatani menyatakan *sighah* wakaf itu terbahagi dua iaitu lafaz yang *sarih* iaitu jelas dan lafaz secara *kinayah* atau simbolik. Antara contoh lafaz *sarih* ialah 'aku waqafkan ini', 'aku sedekahkan bahagian harta ini nanti tidak boleh dijual', dan 'aku jadikan harta aku ini sebagai masjid'. Dalam kategori ini, ia tidak memerlukan kepada niat. Sementara lafaz *kinayah* seperti contohnya 'aku haramkan', 'aku abadikan' dan 'aku sedekahkan untuk fakir-miskin'. Dalam kategori ini, ia menjadi harta wakaf yang sah sekiranya ia bersifat kekal dan muktamad iaitu tidak boleh ditarik lagi selepas membuat wakaf.

Dalam penulisan fuqaha Al-Syafie juga boleh dilihat bagaimana *sighah* wakaf itu terbahagi dua iaitu lafaz *sarih* dan lafaz *kinayah*, sebagaimana yang dicatat Al-Ramli (1984:373); Al-Khatib Al-Syarbini (1995:517-518); Al-Bayjuri (1994:62-63); Al-Bakri (1991:715); dan *Al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyyah* (2006:112-117). Bahkan Al-Khatib Al-Syarbini menegaskan bahawa *sighah* wakaf secara lafaz *sarih* itu adalah lebih utama berbanding dengan lafaz *kinayah*.

Ditinjau dari aspek *Al-Ijab* dan *Al-Qabul*, Syeikh Daud Al-Fatani hanya menyentuh dari sudut satu pihak sahaja iaitu *Sighat Al-Ijab* tanpa memperjelaskan kedudukan *Sighat Al-Qabul*. Dalam hal ini, Al-Ramli (1984:372) dan Al-Khatib Al-Syarbini (1995:519) menyatakan bahawa sekiranya sesuatu *sighat al-ijab* wakaf ke atas harta *mawquf* tertentu yang mensyaratkan wujudnya *Sighat Al-Qabulnya*, maka *sighah* ini tertakluk kepada pihak *qabulnya*. Sekiranya pihak *qabulnya* belum layak, maka ia kembali kepada walinya.

iv. Rukun Keempat: Mawquf 'Alayh

Dalam *Furu' Al-Masa'il*, Syeikh Daud Al-Fatani turut membincangkan rukun wakaf yang keempat iaitu *mawquf 'alayh* atau pihak yang menerima faedah atau manfaat daripada harta wakaf. Dalam perbincangan ini beliau ditanya mengenai kedudukan wakaf bagi *mawquf 'alayh* yang mempunyai rantaian berperingkat-peringkat dan bagaimana sekiranya ia terputus dalam rantaian tersebut sama ada terputus peringkat awal, peringkat pertengahan dan peringkat akhir. Menerusi set 6, Syeikh Daud Al-Fatani menyatakan bahawa tidak sah perwakafan bagi *mawquf 'alayh* yang terputus pada peringkat awal seperti kata pewakaf: "Aku waqafkan harta ini kepada anakku yang belum lahir, kemudian kepada golongan fakir-miskin". Dalam kes ini, wakaf tersebut tidak sah kerana rantaian *mawquf 'alayh* di peringkat awal itu tidak wujud kerana belum lahir lagi.

Sebaliknya pula sah perwakafan bagi *mawquf 'alayh* yang terputus pada peringkat pertengahan mahupun peringkat akhir seperti kata pewakaf: "Aku waqafkan harta ini kepada anakku, kemudian kepada 'seorang lelaki', kemudian kepada golongan fakir-miskin". Dalam contoh ini, rantaian *mawquf 'alayh* di peringkat awal itu wujud dan boleh menerima manfaat dan faedah daripada harta perwakafan. Ia hanya terputus dirantaian pertengahan kerana tidak diketahui dan tidak dikenal pasti siapakah yang dimaksudkan seorang lelaki dalam *sighah* wakaf ini. Sedangkan rantaian *mawquf 'alayh* itu hendaklah tertentu dan dikenal pasti barulah sesuatu *sighah* wakaf itu sah.

Pendapat Syeikh Daud Al-Fatani dalam set 6 ini adalah selari dengan penulisan fiqh Al-Syafie, seperti Al-Ramli (1984:374-475), Al-Nawawi (t.th:334-338); Al-Syirazi (t.th:441-442), Al-Bayjuri (1994:64-65), dan Al-Bakri (1991:708-709), menyatakan bahawa *sighah* wakaf yang terputus pada peringkat awal adalah batal wakafnya. Namun sekiranya ia terputus peringkat pertengahan atau peringkat penghujung, maka *sighah* wakaf itu adalah sah.

Bahkan menurut Al-Nawawi (t.th.:321) dan al-Syirazi (t.th:441), adalah tidak sah sekiranya *mawquf 'alayh* itu ditujukan kepada 'seorang lelaki' yang tidak ditentukan dan tidak diketahui.

Selanjutnya dalam set 7 hingga set 9, Syeikh Daud Al-Fatani menjelaskan mengenai kesan huruf-huruf '*ataf*' dan pengecualian dalam *sighah* wakaf terhadap rantaian *mawquf 'alayh*. Pada set 7, Syeikh Daud Al-Fatani menjelaskan bahawa pihak-pihak dalam *mawquf 'alayh* jika disambungkan dengan huruf *waw*, maka mereka mempunyai hak-hak yang sama. Ini kerana huruf *waw* tidak bermaksud mengikut tertib susunan dalam *sighah* wakaf. Sebaliknya jika pihak-pihak *mawquf 'alayh* disambungkan dengan huruf *thumma* dan *fa'*, maka hendaklah ia mengikut tertib susunan dalam rantaian *mawquf 'alayh*. Ini bermaksud bahawa peringkat kedua dalam rantaian *mawquf 'alayh* tidak boleh mengambil faedah dan manfaat daripada harta wakaf melainkan dengan syarat peringkat dalam rantaian tersebut telah mengambil hak mereka.

Bagi set 8 ini pula, Syeikh Daud Al-Fatani menjelaskan maksud dan kedudukan zuriat sebagai *mawquf 'alayh*. Beliau berpendapat bahawa zuriat atau keturunan sebagai *mawquf 'alayh* sama ada anak-anak lelaki mahupun perempuan adalah mempunyai hak yang sama dalam mendapatkan faedah atau manfaat daripada harta wakaf tersebut. Selain itu, sekiranya dinyatakan lafaz *mawla* dalam rantaian *mawquf 'alayh* itu, maka ia adalah merujuk kepada sama ada tuan yang memerdekakan pewakaf ataupun hamba yang telah dimerdekakan oleh pewakaf. Kedua-dua pihak ini mempunyai hak yang sama.

Seterusnya dalam set 9 pula, Syeikh Daud Al-Fatani mengaitkan perbincangan dengan kedudukan *sifat* dan *istisna'* dalam hukum wakaf pada lafaz. Dalam hal ini, beliau berpendapat bahawa adalah sah wakaf sekiranya dalam lafaz *sighah* wakaf ini mengandungi *sifat* dan *istisna'*, sama ada peringkat awal, pertengahan atau penghujungnya, dan tidak dipisahkan dengan percakapan yang

panjang. Contoh apabila ia berlaku di peringkat awal: “Aku waqafkan harta ini kepada yang memerlukan [sifat] daripada anak-anakku dan cucu-cucuku dan saudaraku melainkan yang fasiq daripada mereka itu [istisna]’”. Contoh apabila ia berlaku di peringkat pertengahan: “Aku waqafkan harta kepada anakku dan anak kepada anakku dan saudaraku iaitu yang memerlukan [sifat] daripada mereka itu melainkan yang fasiq daripada mereka itu [istisna]’.” Contoh apabila ia berlaku di peringkat penghujung: “Aku waqafkan harta kepada anakku iaitu yang memerlukan [sifat] daripada mereka itu dan cucuku dan saudara aku atau atas segala yang tersebut itu melainkan yang fasiq daripada mereka itu [istisna]’”.

Apa yang dapat disimpulkan bahawa perbincangan Syeikh Daud Al-Fatani di atas adalah sama dalam perbincangan fiqh Al-Syafie. Umpamanya mengenai kesan huruf-huruf ‘*ataf* seperti huruf *waw* untuk bersekutu dalam hak, dan huruf *thumma* dan *fa’* untuk tertib susunan, telah dibahaskan oleh Al-Ramli (1984: 379) dan Al-Khatib Al-Syarbini (1995: 523); kedudukan zuriat atau keturunan sama ada lelaki atau perempuan juga dibincangkan oleh Al-Ramli (1984: 382), Al-Syirazi (t.th:444), Al-Bayjuri (1994:65), Al-Bakri (1991:712); dan kedudukan *sifat* dan *istisna’* dalam *sighah* wakaf telah dinyatakan oleh Al-Ramli (1984:385).

b. Pengurusan Harta Wakaf

Pada bahagian ini, Syeikh Daud Al-Fatani membicarakan mengenai pengurusan harta wakaf yang dimuatkan dalam 6 set iaitu bermula set 10 hingga set 15. Pada set 10, beliau menghuraikan mengenai siapakah pemilik harta yang diwakafkan. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa harta yang diwaqafkan itu adalah milik bagi Allah S.W.T. Manakala segala faedahnya seperti upah, buah, anak dan seumpamanya adalah menjadi hak *mawquf ‘alayh*.

Apa yang menarik ialah Syeikh Daud Al-Fatani menulis bahagian ini dengan begitu teliti dan mendalam. Umpamanya, beliau memberi contoh yang terperinci

seperti binatang yang diwaqafkan mati kemudian disamak kulitnya, maka hukum kulit ini sama seperti asal binatang tersebut ketika masih hidup iaitu masih menjadi harta wakaf. Dalam penulisan fiqh Al-Syafie juga menyatakan bahawa kulit binatang wakaf yang mati hendaklah kembali menjadi harta wakaf sebagaimana dinyatakan oleh Al-Nawawi dalam kitab *Al-Majmu' Syarh Al-Muhadhdhab* (t.th: 335) dan Al-Khatib Al-Syarbini (1995: 529).

Begitu juga dengan harga ganti rugi bagi hamba yang diwakafkan dibunuh, menurut Syeikh Daud, adalah tidak boleh diambil oleh *mawquf 'alayh* tetapi hendaklah dibelikan gantinya. Sekiranya tidak cukup, maka hendaklah dibelikan *mawquf* yang baru yang hampir nilainya dengan *mawquf* yang asal. Selain itu, sesuatu harta wakaf itu tidak boleh dijual walaupun ia binasa melainkan kesukaran untuk membaikinya seperti tikar yang rosak atau batang kubah yang roboh. Dalam keadaan ini, ia boleh dijual kemudian hasil jualan ini hendaklah digunakan untuk membeli ganti harta wakaf asal dengan sekadarnya.

Selanjutnya dalam set 11 mengandungi persoalan mengenai syarat bagi mewujudkan pengurus bagi harta yang diwakafkan. Syeikh Daud al-Fatani menyatakan bahawa sekiranya pewakaf yang mensyaratkan hendaklah harta yang diwakaf itu ada pengurusnya, maka hendaklah dipenuhi. Sekiranya pewakaf tidak menyediakan pengurus bagi harta tersebut, maka ia hendaklah dirujuk kepada hakim atau pihak penguasa untuk menyediakan pengurusnya. Sebenarnya pendapat Syeikh Daud ini tidak asing dalam perbincangan fiqh Al-Syafie kerana Al-Khatib Al-Syarbini dalam *Mughni Al-Muhtaj* (1995: 534-535) dan Al-Nawawi dalam kitab *Al-Majmu' Syarh Al-Muhadhdhab* (t.th:360-361) juga membincangkan perkara yang sama iaitu pengurusan harta wakaf itu adalah di atas syarat yang ditetapkan oleh pewakaf. Bahkan Al-Nawawi menambah sekiranya wakaf itu tidak disyaratkan pengurusnya, maka ia tiga keadaan iaitu pertama, ia kembali kepada pewakaf sebagai pengurusnya kerana sebelum ini dia yang mengurusnya; kedua, kepada *mawquf 'alayh* kerana dia yang mendapatkan manfaat dan faedah wakaf tersebut; dan ketiga, hakim atau pihak penguasa kerana pihak ini yang mengatur keharmonian hidup antara pewakaf dan *mawquf 'alayh*. Dalam hal ini, Al-Khatib Al-Syarbini dan Al-Nawawi meletakkan hakim atau pihak penguasa sebagai pihak yang lebih utama menjadi pengurusnya.

Seterusnya, Syeikh Daud Al-Fatani menyatakan syarat bagi pengurus seperti dibincangkan dalam set 12. Syeikh Daud Al-Fatani menyatakan bahawa pengurus itu hendaklah seorang yang adil dan mengetahui mengurus harta tersebut seperti memperbaiki bahagian harta yang rosak dan membahagikan bagi pihak yang berhak. Dalam hal ini, Al-Nawawi dalam kitab *Al-Majmu' Syarh Al-Muhadhdhab* (t.th:363) menyatakan bahawa syarat pengurus itu hendaklah seorang yang bersifat *Al-'Adalah Al-Batinah* secara mutlak sebagaimana yang telah ditarjihkan oleh Al-Azra'i. Namun sebaliknya bagi Al-Subki, memadai ia bersifat *Al-'Adalah Al-Zahirah*. Sementara bagi Al-Khatib Al-Syarbini (1995:535) pula, selain daripada sifat adil, pihak pengurus hendaklah *Al-Kifayah Wa Al-Ihtida'* iaitu mempunyai kekuatan fizikal dan mental untuk mengurus harta wakaf dari sudut mengimarahkan, penyewaan, penjanaaan keuntungan dan pembahagiannya kepada pihak yang berhak.

Sementara dalam set 13 pula memuatkan perbincangan sejauhmana pihak pengurus boleh mengambil manfaat atau faedah dengan kadar upahnya daripada harta yang diwakafkan. Dalam hal ini, Syeikh Daud Al-Fatani berpendapat bahawa pihak pengurus mempunyai hak untuk mengambil manfaat atau faedah daripada harta wakaf sebagai ganjaran upah yang sepadan. Namun, sekiranya dalam urusan pewakafan ini disyaratkan pengurus tidak dibenarkan mengambil sesuatu ganjaran sebagai upah daripada harta wakaf, maka hal ini boleh diadukan kepada hakim untuk menentukan kadar upahnya.

Selanjutnya perbincangan dalam set 14 amat menarik iaitu mengenai pengurus yang fasiq kemudian kembali pula adilnya, adakah masih sah menjadi pengurus atau sebaliknya. Dalam hal ini, Syeikh Daud Al-Fatani menegaskan bahawa ia masih kekal menjadi pengurus dan tidak perlu menukar kepada pihak yang lain. Namun sekiranya pengurus itu masih kekal dengan sifat fasiqnya, maka dia boleh menukarnya dengan pihak lain sebagai pengurusnya. Pendapat Syeikh Daud ini sealiran dengan pendapat ulama Al-Syafiiyah yang lain sebagaimana yang difatwakan oleh Al-Nawawi, dipersetujui oleh Ibn Al-Raf'ah dan lainnya (*Al-Mawsu'Ah Al-Fiqhiyyah*, 2006:101).

Selanjutnya dikemukakan satu persoalan mengenai pengurus yang buta. Syeikh Daud berpendapat bahawa orang buta sah menjadi pengurus melainkan sudah disyarat oleh pewakaf bahawa pengurus itu terdiri daripada seorang yang boleh melihat.

Dalam set yang terakhir iaitu set 15, Syeikh Daud Al-Fatani menjelaskan sama ada perlu atau tidak bagi pihak pengurus harta wakaf mendapatkan kebenaran daripada hakim atau penguasa untuk membaiki sesuatu harta wakaf. Menurut beliau, pengurus tidak perlu untuk mendapatkan kebenaran tersebut kerana sudah berlaku adat pada segala tanggungjawabnya adalah untuk memelihara harta wakaf termasuklah dalam soal memperbaikinya. Selain itu, Syeikh Daud Al-Fatani menjelaskan bahawa pihak pengurus tidak boleh berhutang dengan pewakaf bagi menampung kos membaiki harta wakaf kecuali dengan izin qadhi.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa konsep wakaf menurut Syeikh Daud Al-Fatani sebagaimana yang dibincangkan dalam kitab *Furu' Al-Masa'il* adalah dalam ruang lingkup perbincangan fiqh Al-Syafie. Ia dapat dilihat dengan jelas menerusi perbincangan mengenai rukun-rukun wakaf dan juga pengurusan harta wakaf. Sudah tentu sumbangan dan warisan penulisan beliau ini yang telah sekian lama wujud sejak pertengahan abad ke 19 lagi tidak dipersia-siakan sejak zaman-berzaman. Bahkan penulisan beliau mengenai konsep wakaf ini khasnya dan kitab *Furu' Al-Masa'il* amnya adalah masih lagi relevan dari dulu, kini dan akan datang.

RUJUKAN

Al-Bakri, Muhammad b. Abu Bakr b. Sulayman (1991), *Al-I'Tina' Fi Al-Farq Wa Al-Istithna'*, jld. 2, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Al-Bayjuri (1994), *Hasyiat Al-Syaikh Ibrahim Al-Bayjuri 'Ala Syarh Al-'Allamat Ibn Qasim Al-Ghazi 'Ala Matn Al-Syeikh Abi Suja'*, Juz 2, Beirut: Dar Al-Fikr.

Al-Khatib Al-Syarbini, Muhammad (1995), *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'Rifat Ma'Ani Alfaz Al-Minhaj*, Jld.2, Beirut: Dar Al-Fikr.

Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa Al-A'Lam (1992), Cet. 33, Beirut: Dar Al-Masyriq.

Al-Mawsu'Ah Al-Fiqhiyyah (2006), Juz 41, Kuwait: Wizarat Al-Awqaf Wa Al-Syu'Un Al-Islamiyyah.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Mahy Al-Din B. Syarf (t.th), *Al-Majmu' Syarh Al-Muhadhdhab*, Jld.15, Dar Al-Fikr.

Al-Ramli, Muhammad B. Ahmad B. Hamzah (1984), *Nihayat Al-Muhtaj Ila Syarh Al-Minhaj*, Jld. 5, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Al-Syirazi, Ibrahim B. 'Ali (t.th.), *Al-Muhadhdhab Fi Fiqh Al-Imam Al-Syafi'i*, J.1, Dar Al-Fikr.

Al-Zuhayli, Wahbah (1989), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Juz 8, Damsyik: Dar Al-Fikr.

Bradley, Francis R. (2007), "Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani's Writing Contained In The National Library Of Malaysia", *Jurnal Filologi Melayu*, J. 15, h. 121-141.

Daud b. Abdullah, Syeikh (t.th), *Furu' al-Masa'il*, Patani: Matba'ah b. Halabi.

Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan (2010), "Beberapa Metodologi Penulisan Syeikh Daud Bin 'Abdullah Al-Fatani Dalam Kitab *Furu' al-Masa'il* Dengan Tumpuan Kepada Fiqh Mu'amalat", *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo III*, anjuran Pusat Penyelidikan & Pengembangan Islam Borneo UiTM Sarawak bertempat di STAIN Pontinak Kalimantan Barat pada 4-5 Oktober.

Hooker, M.B. (1991), *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Manzur (1990), *Lisan Al-'Arab*, Jld. 9, Beirut: Dar Al-Fikr.

Kamus Dewan (2007), Ed. 4, Cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Matheson, V. & Hooker, M.B. (1988), "Jawi Literature In Patani: The Maintenance Of An Islamic Tradition", *JMBRAS*, 1988, Vol. 61, Part 1, h. 1-86.

Mohd Mokhtar Shafii (2005), *Sheikh Daud Al Fatani: His Life History and Works*, Monograph, Kajang Selangor: Academy for Civilization Studies, Kolej Dar Al-Hikmah.

Mohd. Zamberi A. Malek (1994), *Patani dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990a), *Syeikh Daud b. Abdullah Al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam: HIZBI.

_____ (1991a), "Sejarah ringkas Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani dan karya-karyanya", *Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat*, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Akademi Islam Universiti Malaya, 17-19 Disember.

_____ (1991b), "Mengkaji gaya bahasa dalam kitab Furu' Al-Masa'il Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani", *Jurnal Dewan Bahasa*, J. 35 Bil. 1, Januari, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (2003), *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fathani: Pengetahuan Sembahyang Masyhur*, Cet. Keenam, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

PERUBAHAN DALAM PERAKAUNAN ZAKAT DI MALAYSIA

Oleh:
Dr. Zahri Hamat¹

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis perubahan yang telah berlaku dalam perakaunan zakat di institusi zakat dan pandangan cendekiawan zakat terhadap perubahan perakaunan zakat di Malaysia. Data tentang perubahan perakaunan zakat di institusi zakat diperoleh tinjauan bacaan, manakala data tentang pandangan daripada cendekiawan zakat diperoleh melalui soalselidik. Dapatan kajian mempamerkan berlakunya perubahan dalam perakaunan zakat di institusi-institusi di Malaysia khususnya perakaunan zakat pendapatan dan perniagaan. Para cendekiawan zakat pula berpandangan bahawa asas-asas pendapatan dan perniagaan adalah berbentuk umum, oleh itu perubahan dalam perakaunan zakatnya boleh berubah bersesuaian dengan keperluan semasa dan keadaan setempat.

Perkataan Teras : Perakaunan Zakat, Perakaunan Zakat Pendapatan, Perakaunan Zakat Perniagaan, Cendekiawan Zakat.

Klasifikasi JEL : P48, Q59, Z12

¹ Pensyarah di Bahagian Perancangan dan Pengurusan Pembangunan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

PENDAHULUAN

Pengurusan dan perakaunan zakat telah mengalami beberapa perubahan sejak pemerintahan Khulafa' Al-Rasyidin lagi. Perubahan ini dijangka akan berterusan. Syeikh Mahmud Syaltut, bekas Syeikh Al-Azhar pernah menyebut hal ini berlaku, antara lainnya disebabkan oleh perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha' terhadap harta yang diwajibkan zakat (Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal, 2000).

Cadangan perubahan dalam perakaunan zakat turut dibangkitkan di Malaysia. Nor Aini Ali (2006) misalnya telah membangkitkan paling tidak dua perkara. Pertama, zakat pertanian perlu diperluaskan kepada tanaman kelapa sawit, getah dan koko yang memberikan pulangan yang lebih tinggi. Kedua, kadar zakat pendapatan perlu dilihat semula sama ada dikekalkan pada kadar 2.5% atau dikenakan pada kadar baru seperti 5% atau 10%. Di samping itu, amaun yang dibenarkan untuk ditolak daripada pendapatan kasar perlu dikaji semula memandangkan kos sara hidup di bandar dan di luar bandar tidak sama.

Artikel ini menyorot perubahan yang berlaku dalam perakaunan zakat dan meneroka pandangan cendekiawan zakat terhadap perubahan dalam perakaunan zakat seterusnya di Malaysia. Perbincangannya dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian Pertama ialah tinjauan tentang beberapa perubahan dalam pengurusan dan perakaunan zakat pada zaman Khulafa' Al-Rasyidin. Bahagian Kedua ialah analisis tentang perubahan dalam perakaunan zakat yang telah dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia. Bahagian Ketiga pula ialah analisis beberapa pandangan cendekiawan zakat di Malaysia terhadap perubahan kaedah perakaunan zakat khususnya perakaunan zakat perniagaan.

PERUBAHAN DALAM PERAKAUNAN ZAKAT DI ZAMAN KHULAFQA' AL-RASYIDIN

Perubahan dalam pengurusan dan perakaunan zakat telah berlaku sejak pemerintahan Khulafa' Al-Rasyidin lagi. Perubahan tersebut boleh dibahagikan kepada empat kategori (Zahri Hamat, 2006). Kategori pertama ialah pemerintah

boleh menggunakan kuasa untuk menentukan zakat ditunaikan oleh semua pihak yang telah cukup syarat sekalipun terpaksa mengisytiharkan perang ke atas mereka. Khalifah Abu Bakar misalnya memerangi mereka yang enggan membayar zakat.

Kategori kedua ialah pemerintah boleh mengkaji semula pelaksanaan hukum zakat yang telah ditetapkan sebelumnya dan mengubahnya bersesuaian dengan keadaan dan suasana semasa. Khalifah Umar Al-Khattab misalnya mengenakan zakat ke atas kuda walaupun pada zaman Rasulullah S.A.W. kuda dikecualikan daripada zakat. Sebaliknya semasa pemerintahan Khalifah Ali Abi Talib, kuda tidak dikenakan zakat. Unta yang digunakan untuk pengangkutan turut dikecualikan daripada zakat.²

Kategori ketiga ialah pemerintah boleh memperluaskan asas zakat dengan mengenakan zakat ke atas sesuatu harta yang baru ditemui atau baru wujud dalam kalangan masyarakat. Khalifah Umar Al-Khattab misalnya memperluaskan asas zakat ternakan dengan mengenakan zakat ke atas kuda, asas zakat pertanian dengan mengenakan zakat ke atas kacang, kapas dan buah zaitun serta beberapa jenis hasil keluaran laut.

Kategori keempat pula menunjukkan bahawa pemerintah boleh membuat perubahan ke atas perakaunan zakat yang diamalkan. Khalifah Umar al-Khattab misalnya mengenakan zakat ke atas madu pada kadar 5% - 10% berdasarkan kaedah guna tenaga yang digunakan dalam memproses hasil tersebut. Khalifah Uthman b. Affan pula mengenakan zakat ke atas harta bersih. Dengan itu, semua hutang pembayar zakat ditolak terlebih dahulu. Zakat hanya dikenakan ke atas baki harta kekayaan yang ada. Khalifah Ali Abi Talib pula memperkenalkan kadar zakat, iaitu setiap 5 ekor unta boleh diganti dengan unta yang lebih muda atau tua dengan syarat dibayar ganti rugi kepada tuannya 2 ekor kambing biri-biri atau 10 dirham.

² Perubahan hukum ini berlaku disebabkan tujuan kuda yang ditenak telah berubah. Semasa Khalifah Umar Al-Khattab, kuda ditenak untuk tujuan komersial, sebaliknya semasa Khalifah Ali Abi Talib, kuda ditenak untuk tujuan pengangkutan dan pembajakan.

Perubahan bagi kategori ketiga dan keempat mempamerkan perubahan khususnya dalam perakaunan zakat. Perakaunan zakat di sini bermaksud proses mengenal pasti harta-harta yang diwajibkan zakat, menentukan syarat-syarat harta yang diwajibkan zakat, memastikan kadar zakat yang dikenakan dan kemudian membuat taksiran zakat ke atas harta tersebut.³

Harta-harta yang diwajibkan zakat sebenarnya telah disebut dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W.⁴ Allah S.W.T. menyebut harta-harta yang diwajibkan zakat dalam dua bentuk. Pertama, dalam bentuk umum dan kedua dalam bentuk khusus (Ahmad Hidayat Buang, 1998; Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003). Dalam bentuk umum, Al-Quran hanya menyebut perkataan sebahagian harta (At-Taubah, 9: 103) atau harta-harta (Al-Dharyat, 51: 19). Dalam bentuk khusus pula Al-Quran menyebut emas dan perak (At-Taubah, 9: 34), pendapatan pertanian (An'am, 6: 141), pendapatan perniagaan dan hasil galian (Al-Baqarah, 2: 267).

Menurut Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), meskipun Al-Quran menyebut jenis-jenis harta tertentu yang dikenakan zakat (At-Taubah, 9: 34; An'am, 6: 141; dan al-Baqarah, 2: 267) tetapi tidak ada apa-apa pernyataan atau isyarat yang ia menghadkan pengertian umum yang terdapat dalam ayat 103 surah At-Taubah dan ayat 19 surah Al-Dharyat. Menurut beliau, ketiga-tiga ayat tersebut hanya menerangkan beberapa jenis harta yang diwajibkan zakat tetapi ini tidak bermakna harta-harta lain tidak diwajibkan zakat.

Kedua-dua bentuk tersebut juga terdapat di dalam As-Sunnah Rasulullah S.A.W. (Ahmad Hidayat Buang, 1998; Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003). Dalam bentuk umum, Rasulullah S.A.W. hanya menyebut perkataan harta-

³ Perakaunan zakat dalam bahasa Arab ialah *muhasabah al-zakah*. Perakaunan zakat sebenarnya melibatkan lima tahap. Tahap pertama adalah menentukan harta-harta yang diwajibkan zakat. Tahap kedua adalah menilai harta-harta yang diwajibkan zakat. Tahap ketiga pula adalah dengan menentukan kadar zakat yang sesuai. Tahap keempat adalah memungut zakat daripada pembayar zakat dan mengagihkannya zakat kepada penerima zakat. Manakala tahap kelima adalah menyediakan laporan kepada pihak berkuasa mengenai pungutan dan agihan zakat (Husain Shahatah, 2003).

⁴ Perkataan harta ialah terjemahan daripada perkataan Arab, iaitu *amwal*. Perkataan *amwal* boleh juga diterjemahkan sebagai kekayaan (*wealth*). Misalnya, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud: "Ambillah (sebahagian) dari harta (*amwal*) mereka menjadi sedekah (zakat), (supaya dengannya) engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) ..." (al-Taubah, 9: 103).

harta, manakala dalam bentuk khusus, Rasulullah s.a.w. menyebut jenis-jenis harta, iaitu emas dan perak, barangan perniagaan, hasil pertanian seperti gandum, barli dan anggur, ternakan seperti kambing, lembu dan unta, dan hasil galian.

Kalaulah begitu keadaannya, maka adalah dijangkakan perubahan dalam perakaunan zakat akan berlaku secara berterusan. Hal ini selari dengan kelenturan (*murunah*) Syariat Islam itu sendiri.

PERUBAHAN DALAM PERAKAUNAN ZAKAT DI INSTITUSI ZAKAT

Terdapat dua bentuk perubahan yang ketara di institusi zakat di Malaysia. Pertama ialah perubahan dalam pengurusan zakat. Kedua ialah perubahan dalam perakaunan zakat. Perubahan dalam pengurusan zakat telah membabitkan pihak Majlis Agama Islam Negeri yang antara lain mengambil tindakan memperkemaskan insitusi zakat masing-masing. Majlis Agama Islam Negeri Kedah misalnya menubuhkan Jabatan Zakat Negeri Kedah Darulaman. Majlis Agama Islam Negeri Selangor menubuhkan Pusat Zakat Selangor kemudian menukarkannya kepada Lembaga Zakat Selangor. Selain daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Selangor, terdapat MAIN lain-lain yang mengkorporatkan pengurusan zakat dengan menubuhkan pusat zakat masing-masing. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menubuhkan misalnya Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang menubuhkan Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Pahang menubuhkan Pusat Kutipan Zakat Pahang dan Majlis Agama Islam Melaka menubuhkan Pusat Zakat Melaka.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerbitkan sebuah buku Panduan Zakat di Malaysia pada tahun 2001 yang menyentuh mengenai perubahan dalam perakaunan zakat. Penerbitan buku panduan zakat ini telah melibatkan pakar-pakar dalam bidang syariah, perakaunan dan golongan profesional.⁵

⁵ Pakar-pakar yang terlibat ialah Dr. Zainuddin Jaafar - Pengerusi (ketika itu di Kolej Islam Selangor Darul Ehsan), Dr. Abdullah Ibrahim (ketika itu di Institut Agama Islam Negeri Kedah), Dr. Hailani Muji Tahir (Universiti Kebangsaan Malaysia), Dr. Mohd. Bakar Daud (ketika itu di Universiti Islam Antarabangsa), Dr. Mohd. Mokhtar Safie (Ahli Majlis Syariah Selangor), Nasir Hj. Masud (Kolej Islam Selangor Darul Ehsan), Mohd. Salleh Ahmad (ketika itu di Universiti Malaya), Dr. Syed Musa al-Habshi (ketika itu di Universiti Islam Antarabangsa), Hassan Hj. Ahmad (Mufti Pulau Pinang), Abdul Majid Omar (Timbalan Mufti Selangor) dan Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (Universiti Kebangsaan Malaysia).

Perbahasan dalam buku tersebut boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah zakat hanya dikenakan ke atas sesuatu harta. Ia meliputi zakat emas dan perak. Kategori kedua ialah zakat dikenakan ke atas sesuatu harta dan pendapatan yang diperoleh daripada harta tersebut. Ia meliputi zakat binatang ternakan dan zakat perniagaan. Kategori ketiga ialah zakat dikenakan hanya ke atas pendapatan yang diperoleh daripada sesuatu harta. Ia meliputi zakat pertanian, zakat *ma'adin*, *kunuz* dan *rikaz* serta zakat pendapatan sendiri.

Harta yang diwajibkan zakat dapat dibahagikan kepada lapan jenis. Pertama ialah emas dan perak; kedua ialah perniagaan; ketiga ialah binatang ternakan; keempat ialah hasil pertanian; kelima ialah wang; keenam ialah *ma'adin*, *kunuz* dan *rikaz*; ketujuh ialah saham dan bon; dan kelapan ialah pendapatan (JAKIM, 2001). Buku ini diterbitkan semula oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2008 dengan judul *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*. Daripada pelbagai jenis harta tersebut, peratusan pungutan untuk zakat pendapatan dan perniagaan adalah yang tertinggi di Malaysia (MAIWP, 2006).⁶

Perubahan dalam perakaunan zakat pula antara lainnya meliputi perluasan asas harta yang diwajibkan zakat, perubahan ke atas kadar zakat pertanian, zakat dikenakan ke atas pendapatan bersih, penentuan kadar perbelanjaan *daruriyah*, dan kaedah perakaunan zakat perniagaan. Daripada semua perubahan tersebut, perubahan ke atas kaedah perakaunan zakat yang lebih menonjol.

Majlis Agama Islam Negeri atau melalui Pusat Zakat Negeri telah membuat beberapa perubahan terhadap perluasan asas harta yang diwajibkan zakat dan dibuat melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri. Antara perluasan asas harta tersebut ialah zakat ke atas pendapatan. Majlis Agama Islam Kelantan misalnya mewajibkan zakat ke atas pendapatan yang diperoleh daripada usaha dalam bentuk gaji, elaun, ganjaran, pampasan atau pendapatan pindahan atau yang diperoleh melalui kerjaya yang bercorak profesional, kepakaran atau kemahiran

⁶ Bagi tahun 2005 misalnya pungutan zakat pendapatan dan perniagaan adalah sebanyak 73% daripada jumlah keseluruhan pungutan zakat sebanyak RM411.11 juta. Ia terdiri dari 52% untuk zakat pendapatan dan 21% untuk zakat perniagaan.

(Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, 1999). Majlis Agama Islam Negeri lain juga telah mengambil tindakan sedemikian. Majlis Agama Islam Negeri Perak misalnya berpendapat zakat wajib dikenakan ke atas pendapatan (*al-Mal al-Mustafad*) (Jawatankuasa Syariah Negeri Perak, 1990). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-31 yang bersidang pada 9 Disember 1992 dan kemudian Muzakarah (khas) Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 22 Jun 1997 turut mewajibkan zakat ke atas pendapatan.

Secara umumnya, pendapatan bermaksud perolehan yang diterima, yang merangkumi pendapatan penggajian dan pendapatan bebas. Pendapatan penggajian merupakan ganjaran perkhidmatan seseorang dengan majikan yang meliputi gaji tahunan, tunggakan gaji, pelbagai elaun dan pendapatan lain-lain yang berkaitan dengan penggajian. Pendapatan bebas ialah pendapatan seseorang melalui sesuatu kerja atau usaha kepakaran yang merupakan ganjaran daripada perkhidmatannya. Pendapatan ini meliputi khidmat guaman, khidmat nasihat, perundingan, rawatan perubatan, kejuruteraan, seniman dan lain-lain (JAWHAR, 2008).

Perubahan ke atas kadar zakat turut berlaku. Kadar zakat pertanian ditentukan oleh sumber air yang digunakan. Bagi tanaman yang disiram dengan air tanpa menggunakan tenaga seperti dengan air hujan, maka kadar zakatnya ialah 10%. Bagi tanaman yang disiram dengan air yang diangkut atau dibeli, maka kadar zakatnya ialah 5%. Bagi tanaman yang disiram dengan menggunakan 50% air hujan dan 50% dengan air yang diangkut, maka kadar zakatnya ialah 7.5% (JAWHAR, 2008).

Perkiraan zakat pula dibuat berdasarkan pendapatan bersih. Dalam membuat taksiran bagi zakat hasil pertanian misalnya, semua perbelanjaan pengeluaran seperti pembajakan, benih, baja dan racun adalah dibenarkan diambil kira. Perbelanjaan keperluan *daruriyah*, iaitu perbelanjaan keperluan asasi harian berasaskan perbelanjaan masa kini juga turut diberikan pertimbangan dalam perkiraannya.

Di negeri Kelantan misalnya, kadar perbelanjaan *daruriyah* yang ditetapkan mestilah yang paling sederhana bagi satu tahun. Kadar ini meliputi diri sendiri dan keluarga di bawah tanggungan, iaitu perbelanjaan diri sebanyak RM5,000,

perbelanjaan isteri sebanyak RM3,000 dan perbelanjaan anak-anak sebanyak RM2,000. Kadar ini hanyalah sebagai panduan umum sahaja kerana kadar sebenar perbelanjaan *daruriyah* bergantung kepada bilangan tanggungan dan perbelanjaan *daruriyah* lain seperti perbelanjaan pelajaran dan sebagainya (Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, 1999). Jabatan Zakat Selangor membenarkan perbelanjaan diri sebanyak RM8,000, manakala perbelanjaan anak-anak sebanyak RM1,000 seorang.

Secara umumnya perbelanjaan *daruriyah* adalah meliputi diri sendiri, isteri, anak-anak, ibu bapa dan tanggungjawab lain seperti adik beradik, jiran dan musafir. Selain itu perbelanjaan ini juga meliputi caruman wajib seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan kadar zakatnya ialah 2.5% ke atas baki bersih pendapatan (JAWHAR, 2008).

Bagi perakaunan zakat perniagaan pula, terdapat tiga kaedah yang diamalkan oleh negeri-negeri di Malaysia. Kaedah pertama ialah, zakat dikenakan hanya ke atas aset semasa⁷ dan diamalkan di negeri Kedah, Johor dan Kelantan. Kaedah kedua ialah zakat yang dikenakan ke atas aset modal kerja dan diamalkan di negeri Perlis.⁸ Kaedah ketiga ialah zakat dikenakan ke atas modal kerja yang diselaraskan dan diamalkan di negeri-negeri selain daripada negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Perlis. Namun ketika ini, hanya negeri Kelantan yang mengenakan zakat ke atas aset semasa, manakala negeri-negeri lain mengenakan zakat ke atas modal kerja terselaras.

Perubahan dalam perakaunan zakat perniagaan yang begitu terserlah dapat dilihat menerusi pelarasan ke atas aset semasa dan liabiliti semasa. Item yang dikeluarkan daripada aset semasa adalah seperti barang-barang dan hasil yang haram, bayaran deposit air, deposit telefon, elektrik dan lain-lain kerana item-item ini tidak memenuhi syarat milik sempurna; wang yang dipinjamkan kerana tidak memenuhi syarat milik sempurna; nilai dividen yang sudah dibayar

⁷ Aset semasa ialah wang tunai atau aset lain yang mudah ditukarkan kepada wang tunai, yang boleh dijual atau digunakan dalam pembuatan barangan pada tempoh yang terpanjang antara satu tahun perakaunan atau satu kitaran kendalian seperti akaun belum terima, inventori dan belanja bayar dahulu.

⁸ Modal kerja ialah aset semasa ditolak liabiliti semasa. Liabiliti semasa ialah tanggungan yang perlu dijelaskan dalam tempoh terpanjang antara satu tempoh perakaunan atau satu kitaran kendalian.

zakat oleh syarikat yang dilaburkan; hutang lapuk dan stok lupus; sumbangan kepada tabung-tabung yang bersifat kebajikan; dan stok bahan mentah serta kerja dalam proses. Liabiliti semasa yang ditolak daripada aset semasa adalah liabiliti yang bersifat operasi sahaja, seperti pemiutang perdagangan dan kos operasi seperti gaji, elektrik, telefon dan cukai (JAWHAR, 2008).

PERUBAHAN DALAM PERAKAUNAN ZAKAT DAN PANDANGAN CENDEKIAWAN ZAKAT DI MALAYSIA

Pandangan para cendekiawan zakat di Malaysia terhadap perubahan dalam perakaunan zakat diperoleh melalui kajian lapangan. Mereka dibahagikan kepada 3 kumpulan. Pertama ialah kumpulan fuqaha⁹; kedua ialah kumpulan ahli ekonomi;¹⁰ dan ketiga ialah kumpulan pengamal zakat.¹¹ Setiap kategori diwakili oleh 4 orang cendekiawan zakat. Bilangan semua cendekiawan zakat ialah seramai 12 orang.

Satu set soal selidik telah diedarkan kepada setiap cendekiawan zakat. Persoalan-persoalan kajian yang ditimbulkan kepada mereka ialah perubahan dalam perakaunan zakat di Malaysia seperti berikut:

- i. Apakah alasan yang membolehkan perubahan dalam perakaunan zakat dapat dibuat?
- ii. Apakah asas yang digunakan dalam merealisasikan perubahan dalam perakaunan zakat?
- iii. Apakah perkaedahan yang boleh dipakai bagi melaksanakan perubahan dalam zakat?
- iv. Bagaimanakah perubahan ke atas kaedah perakaunan zakat perniagaan boleh dibentuk?

⁹ Mereka terdiri daripada Pengarah Akademi Islam (ketika itu), Universiti Malaya, Ketua Jabatan Syariah (ketika itu), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan dua orang Mufti.

¹⁰ Mereka terdiri daripada pertama ialah seorang profesor ekonomi, seorang profesor percukaian dan dua orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan Islam khususnya zakat.

¹¹ Mereka terdiri daripada dua orang pengurus zakat, dua orang ahli akademik yang terlibat secara langsung dengan perakaunan zakat di Malaysia.

Berdasarkan semua persoalan di atas, analisis pandangan cendekiawan zakat di Malaysia dibahagikan kepada empat kategori. Kategori pertama ialah menganalisis alasan perubahan dalam perakaunan zakat. Kategori kedua, menganalisis asas kepada perubahan dalam perakaunan zakat. Kategori ketiga ialah menganalisis kaedah kepada perubahan dalam zakat. Kategori keempat ialah menganalisis dalam perubahan perakaunan zakat perniagaan. Pandangan cendekiawan di Malaysia zakat terhadap perubahan dalam perakaunan zakat dapat dirumuskan di dalam Jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1: Perubahan Dalam Perakaunan Zakat

Asas	Fuqaha'	Ahli Ekonomi	Pengamal	Jumlah
Alasan Perubahan Dalam Perakaunan Zakat	3	3	4	10
Asas Perubahan Dalam Perakaunan Zakat	2	4	4	10
Perkaedahan Perubahan Dalam Perakaunan Zakat	2	3	3	8
Perubahan Kaedah Dalam Perakaunan Zakat Perniagaan	3	1	3	7

Alasan Perubahan Dalam Perakaunan Zakat

Kajian terdahulu mempamerkan bahawa ijtihad telah memainkan peranan penting dalam perkembangan hukum (Muhammad Saeed Siddiqi, 1988). Ia berlaku baik semasa Rasulullah S.A.W., sahabat ataupun semasa tabi'in. Malah ijtihad ini sepatutnya berlaku secara berterusan.

Majoriti cendekiawan zakat juga berpandangan begitu. Jadual 1 menunjukkan 10 cendekiawan zakat (83.3%) bersetuju bahawa perubahan perakaunan zakat boleh dilakukan melalui ijtihad. Namun menurut seorang ahli ekonomi,

kefardhuan zakat adalah *qat'i* manakala perkembangan perakaunan zakatnya adalah *ijtihad*. Sebarang perubahan pula mestilah mengikut garis panduan hukum syarak. Seorang lagi ahli ekonomi, berpendapat bahawa ia boleh dilakukan melalui beberapa kaedah seperti qiyas, *maslahah mursalah* dan lain-lain kaedah *fiqhiyah*.

Seorang lagi ahli ekonomi menegaskan, walaupun perubahan perakaunan zakat boleh dibuat berdasarkan ijtihad, namun perubahan tersebut mestilah dibuat bersandarkan dasar yang dibenarkan oleh Syarak. Perubahan ini mesti mengambil kira tujuan sesuatu nas, sama ada nas yang bersumberkan Al-Quran atau Rasulullah S.A.W. Di samping itu, *'illah* di sebalik ketetapan sesuatu hukum zakat perlu juga dikaji.

Walau bagaimanapun, seorang fuqaha' berpandangan bahawa ijtihad hanya dibenarkan kepada harta-harta yang baru ditemui seperti hasil daripada saham dan bon. Pelbagai hasil pertanian yang tidak disebut oleh Hadis Rasulullah S.A.W. seperti kelapa sawit, getah, kelapa dan sebagainya juga terbuka kepada ijtihad. Malah bagi harta yang baru ditemui, ijtihad perlulah dibuat segera.

Lebih khusus lagi, seorang lagi ahli ekonomi menegaskan bahawa pihak yang membuat ijtihad perlu memenuhi dua syarat utama sebelum berijtihad. Syarat pertama adalah memahami dalil-dalil Al-Quran dan As-Sunnah dalam membentuk kaedah-kaedah hukum. Syarat kedua adalah memahami bahasa Arab yang dipakai oleh pakar bahasa Arab. Bagi memantapkan keputusan yang diambil, beliau mencadangkan ijtihad diputuskan secara kolektif sama ada melalui muzakarah, seminar, perbincangan dan seumpamanya.

Asas Perubahan Dalam Perakaunan Zakat

Perubahan dalam perakaunan zakat ini dibolehkan bersandarkan kepada harta (At-Taubah, 9: 103) dan hasil usaha (Al-Baqarah, 2: 267) yang difardhukan zakat disebut dalam bentuk umum. Ia adalah antara alasan utama perubahan perakaunan zakat boleh dilakukan.

Majoriti cendekiawan zakat bersetuju bahawa harta disebut dalam Al-Quran adalah bentuk umum (Al-Taubah, 9: 103; Al-Baqarah, 2: 267) dan Jadual 1 mempamerkan jawapan 10 cendekiawan zakat (83.3%) dalam hal ini. Menurut

seorang ahli ekonomi, ayat-ayat tersebut terdedah kepada perubahan tafsiran. Malah ia telah membuka ruang kepada fuqaha' untuk mengkaji, menganalisis dan seterusnya membuat kaedah perakaunan zakat harta. Dengan itu, menurut seorang lagi ahli ekonomi, kaedah-kaedah perakaunan zakat yang dibentuk akan mengambil kira kesesuaian, keperluan dan keadaan semasa.

Dalam memahami persoalan ayat Al-Quran yang umum itu, seorang lagi ahli ekonomi mencadangkan supaya rujukan perlulah dibuat kepada As-Sunnah Rasulullah S.A.W., sirah Rasulullah S.A.W., amalan Khulafa' Al-Rasyidin dan para sahabat. Malah seorang lagi ahli ekonomi mencadangkan supaya perkataan-perkataan yang membawa maksud zakat *sadaqah, jariah, infaq, qard al-hasan* dan lain-lain perlu dikaji secara mendalam. Kajian ini perlu dijalankan supaya perkataan-perkataan itu dapat ditafsirkan maknanya bersesuaian dengan perkataan itu sendiri.

Perkaedahan Perubahan Dalam Perakaunan Zakat

Bagi memastikan perubahan boleh berlaku dalam perakaunan zakat, perkaedahan yang boleh dipakai untuk merealisasikan adalah dengan mencari '*illah* kefardhuan zakat itu sendiri. Para fuqaha' telah sepakat bahawa sesuatu harta akan diwajibkan zakat sekiranya harta tersebut mempunyai '*illah* berkembang atau berpotensi untuk berkembang. Berkembang boleh didefinisikan sebagai 'kemampuan untuk menghasilkan pendapatan atau keuntungan' (Yusuf al-Qaradawi, 1999). Selain daripada '*illah* berkembang, terdapat pandangan yang mengatakan kekayaan (*al-ghina'*) itu sendiri merupakan '*illah* (Monzer Kahf, 1991).

Majoriti cendekiawan zakat berpandangan bahawa '*illah* boleh berubah. Jadual 1 menunjukkan 8 cendekiawan zakat (66.7%) bersetuju dengan pandangan tersebut. Selain itu, seorang ahli ekonomi berpandangan bahawa terdapat persamaan antara '*illah* berkembang dan '*illah* kekayaan. Hal ini berlaku kerana sesiapa yang memiliki harta yang berkembang dan melebihi had tertentu yang diwajibkan zakat, maka mereka dikategorikan sebagai kaya.

Malah keadaan semasa juga boleh mempengaruhi *'illah* sesuatu harta. Menurut seorang lagi ahli ekonomi, jika sesiapa memiliki banyak harta yang tidak berkembang seperti wang tembaga yang telah tidak laku lagi, walau sebanyak mana dimiliki sekalipun, beliau tidak dianggap kaya walaupun tembaga itu sendiri ada harganya.

Dengan itu, berkembang dan kekayaan boleh diterima sebagai *'illah* harta diwajibkan zakat. Kedua-dua *'illah* ini tidaklah bertentangan antara satu sama lain. Apabila aplikasi ke atas *'illah* kekayaan digunakan, maka harta yang diwajibkan zakat dapatlah diperluaskan lagi.

Perubahan Kaedah Dalam Perakaunan Zakat Perniagaan

Perubahan dalam kaedah perakaunan zakat perniagaan adalah antara perubahan perniagaan yang paling terserlah di Malaysia. Dua kaedah perakaunan perniagaan telah diperkenalkan. Pertama ialah kaedah modal kerja; dan kedua ialah kaedah modal berkembang. Kaedah perakaunan zakat perniagaan modal kerja telah dibentuk berdasarkan laporan Maimun bt. Mahran di dalam *Kitab Al-Amwal*. Persoalannya, apakah kaedah modal kerja ini tidak boleh diubah untuk selama-lamanya tanpa melihat kepada suasana semasa, *'illah* dan tempoh waktu?

Jadual 1 menunjukkan bahawa 7 cendekiawan zakat (58.3%) tidak bersetuju kaedah modal kerja, yang sebenarnya merupakan kaedah yang paling tepat dengan kehendak syarak. Majoriti cendekiawan zakat berpandangan bahawa kaedah perakaunan zakat perniagaan adalah tidak *rigid*. Keadaan ini boleh diubah suai melalui perubahan selaras dengan situasi dan harta perniagaan yang dikenakan zakat.

Secara lebih khusus, seorang fuqaha' berpandangan bahawa kaedah perakaunan zakat perniagaan modal kerja bukanlah sesuatu yang *qat'i*. Oleh itu, perubahan ke atas kaedah tersebut boleh dibuat. Seorang pakar zakat menyebut bahawa kaedah ini telah diterima sebagai kaedah yang menghampiri kehendak syarak dan boleh diubah selama mana punca *'illah* adalah sama.

Pandangan ini disokong oleh seorang ahli ekonomi yang menyebut, jika pun kita bersetuju dengan kaedah ini namun skop dan tafsiran 'barangan perniagaan' masih terlalu luas. Oleh itu, perlu ada satu usaha yang serius untuk mentafsirkan definisi 'barangan perniagaan' dengan seluas-luasnya.

Seorang lagi fuqaha' menyebut satu kaedah umum dalam pembentukan sesuatu hukum, iaitu jika sesuatu hukum yang tiada nas *qat'i*, maka hukum ke atas perkara itu adalah, ia boleh dipinda dan diubah suai. Keadaan ini memberi ruang yang cukup luas kepada apa-apa perubahan yang berlaku ke atas hukum tersebut.

Berdasarkan pandangan cendekiawan zakat di atas, maka dapat dirumuskan bahawa cendekiawan zakat tidak bersepakat mengatakan bahawa kaedah modal kerja merupakan kaedah yang paling tepat dengan syarak. Hal ini kerana kaedah modal kerja dibentuk bukan berasaskan nas *qat'i*, maka kaedah perakaunan zakat perniagaan boleh berubah bersesuaian dengan keperluan semasa.

KESIMPULAN

Pihak institusi zakat di Malaysia dari semasa ke semasa melakukan perubahan terhadap perakaunan zakat. Perubahan ini dapat dilihat dengan jelas dalam perakaunan zakat pendapatan dan perniagaan. Cendekiawan zakat di Malaysia pula berpandangan bahawa asas-asas yang dipakai dalam pembentukan perakaunan zakat pendapatan dan perniagaan adalah berbentuk umum. Malah mereka berpandangan bahawa perakaunan zakat perniagaan dibentuk bukan berdasarkan nas *qat'i*. Melalui aplikasi qiyas misalnya, beberapa kaedah perakaunan zakat boleh diubah suai bersesuaian dengan keperluan semasa dan keadaan setempat. Dengan itu, adalah wajar pihak institusi zakat dan para cendekiawan zakat berkerjasama secara berterusan agar perakaunan zakat yang diamalkan akan sentiasa mengambil kira keperluan semasa dan keadaan setempat.

RUJUKAN

Ahmad Hidayat Buang, 1998. "Harta-harta Yang Dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum". *Jurnal Syariah*, Jld. 6.

Husain Shahatah, 2003. *Kaedah Agihan Zakat Harta, Pengertian, Sistem dan Agihannya*, Terj. Hamid Fahmy Zarkasyi dan Harun Ar-Rashid Tuskan, Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2001. *Panduan Zakat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2008. *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 2006. *Laporan Zakat 2005*, Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003. *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Monzer Kahf, 1991. "Zakat: Unresolved Issues", dlm. *Development and Finance in Islam*, sunt., AbulHasan Muhammad Sadeq, Ataul Huq Pramik dan Nik Mustapha Nik Hassan, Kuala Lumpur: International Islamic University Press.

Muhammad Saeed Siddiqui, 1981. "A Study of Evolution of Ijtihad (Legal Reasoning) in the Development of the Zakat Law During the 1st Century A.H", Tesis Ph.D, University of Edinburgh.

Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal, 2000. Terj. Salahudin Abdullah, *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, Jld. I, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Aini Ali, 2006. "Analisis Perakaunan Zakat di Malaysia". *Jurnal Syariah*, Jld. 14.

Yusuf al-Qaradawi, 1999. *Fiqh az-Zakat: A Comparative Study*, Terj. Monzer Kahf, London: Dar Al Taqwa Ltd.

Zahri Hamat, 2006. "Perakaunan Zakat Pendapatan: Satu Kajian Semula" dlm. *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, sunt., Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

INSTRUMEN HIBAH DAN TAKAFUL DALAM ASPEK PENGURUSAN HARTA PUSAKA

Oleh:

Dr. Alias Azhar¹

Ahmad Munir Ishak²

ABSTRAK

Islam adalah agama syumul yang meliputi hubungan manusia dengan Penciptanya dan sesama makhluk. Dalam urusan sesama manusia, Islam turut mengatur dan menetapkan manual yang perlu diikuti demi menjamin kehidupan duniawi yang harmoni dan sejahtera termasuklah dalam aspek perancangan dan pengurusan harta pusaka. Ianya merujuk kepada usaha dan rancangan persediaan yang perlu dan wajar dilakukan oleh pemilik harta semasa masih hidup bagi membahagi dan mengagihkan harta yang dimilikinya kepada para waris ataupun penerima yang lain setelah pemiliknya meninggal dunia. Secara umumnya, Islam telah menetapkan beberapa kaedah atau instrumen seperti wasiat, wakaf, hibah dan sedekah yang boleh diaplikasikan mengikut keadaan dan kriteria-kriteria tertentu. Instrumen-instrumen ini perlu diuruskan dengan teratur dan menepati kehendak syarak supaya harta peninggalan seseorang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berhak dan tidak menjadi sia-sia. Justeru, artikel ini akan meninjau konsep dan aplikasi semasa instrumen hibah dan takaful dalam pengurusan harta pusaka di negara ini.

Perkataan Teras : Pengurusan Harta Pusaka, Hibah, Takaful

Klasifikasi JEL : K11, D18, Z12, Z13

¹ Pensyarah Kanan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

² Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

PENDAHULUAN

Jaminan kejayaan hidup di dunia dan akhirat akan tercapai sekiranya setiap insan mengurus dan mengatur kehidupannya berteraskan hukum dan syariat Islam. Selain menjaga hubungan dengan Allah S.W.T. hubungan sesama manusia juga amat penting diberikan perhatian. Hubungan sesama manusia boleh diaplikasikan melalui pelaksanaan amanah yang diberikan oleh Allah S.W.T. seperti kuasa dan harta. Kuasa dan harta merupakan amanah Allah S.W.T. yang perlu diuruskan dengan bijak dan berlandaskan syariatNya.

Konsep pengurusan harta secara Islam meliputi lima elemen utama:

- i. Penghasilan harta dengan usaha dan tenaga (Al-Jumu'ah:10, Al-Qasas: 77);
- ii. Pengumpulan harta melalui cara penyimpanan dan pelaburan (Yusuf: 47-48);
- iii. Perlindungan harta demi keselesaan masa depan (Al-Hasyr:18);
- iv. Pengagihan harta melalui instrumen seperti wasiat (Al-Baqarah: 180), hibah (Al-Baqarah: 177) dan wakaf (Ali Imran: 920); dan
- v. Penyucian harta melalui zakat dan amal jariah (Al-Baqarah: 195).

Secara ringkasnya, pengurusan harta secara Islam bermatlamat memperolehi *hasanah* di dunia dan akhirat. Justeru, untuk memastikan matlamat ini tercapai, pengurusan harta perlu mengambil kira perancangannya semasa hidup dan selepas kematian. Syariat Islam yang syumul turut menggariskan panduan lengkap berkaitan pengurusan harta selepas kematian melalui undang-undang pusaka Islam yang lengkap dan sistematik (Al-Nisa': 11, 12 dan 176).

Sehubungan itu, artikel ini akan memfokuskan kepada instrumen hibah dan takaful dalam aspek pengurusan harta pusaka. Hibah dan takaful merupakan dua instrumen penting dalam pengurusan harta menurut undang-undang Islam. Hibah merupakan elemen keempat iaitu pengagihan harta dan takaful pula menyamai elemen ketiga iaitu perlindungan harta daripada lima elemen yang terkandung dalam konsep pengurusan harta secara Islam.

Hibah dan takaful perlu difahami secara mendalam kerana kedua-duanya mempunyai kedudukan tersendiri dari segi hukum dan cara pelaksanaan. Pertikaian dalam kalangan masyarakat sering timbul selepas kematian

pihak yang memberi hibah atau pencarum takaful sehingga menyukarkan penyelesaian harta pusaka. Oleh itu, sekiranya kedua-dua instrumen ini diuruskan dengan teratur dan menepati kehendak syarak, maka nasib kaum kerabat terdekat yang berhak akan terbela dan harta yang ditinggalkan dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya.

DEFINISI ISTILAH

Berikut adalah beberapa istilah berkaitan pengurusan harta pusaka berserta definisinya secara ringkas bertujuan untuk memudahkan kefahaman dan perbincangan:

a) Ilmu Faraid

Satu cabang ilmu fiqh yang disyariatkan kepada umat manusia bertujuan menyelesaikan masalah berkaitan dengan harta pusaka atau apa juga harta peninggalan si mati yang bernilai. Ilmu faraid menjelaskan secara terperinci golongan yang dianggap waris kepada si mati yang berhak menerima harta pusaka dengan kadar bahagian tertentu dan adil. Turut ditetapkan satu kaedah mengira atau membahagikan harta si mati kepada waris-waris yang berhak dengan tepat. Terdapat ayat-ayat yang dikenali sebagai *ayat Mawarith* iaitu dalam surah Al-Nisa' ayat 11-12 dan ayat 176 (Ahmad Zohdi, 2009).

Ilmu Faraid juga disebut ilmu *Mawarith*, kata jama' bagi *mirath* (warisan) yang juga disebut *turath* atau *irth*. Penggunaan bahasa Melayu ialah harta pusaka bermakna harta yang diwarisi daripada si mati (Mustafa Al-Khin, *et. al*, 2005).

b) Faraid

Faraid dari segi bahasa ialah ketetapan (Al-Baqarah: 237). Ia adalah kata *jama'* bagi *faridhoh* yang bermaksud sesuatu yang diwajibkan atau sesuatu yang ditetapkan. Ini kerana di dalam faraid terdapat

pembahagian yang telah ditetapkan oleh syarak. Menurut istilah syarak, faraid ialah bahagian yang ditetapkan oleh syarak kepada pewaris.

c) Pusaka

Makna pusaka berdasarkan bahasa ialah kekal atau perpindahan sesuatu daripada seseorang kepada seseorang yang lain. Makna lain, harta yang diwarisi atau warisan (Al-Fajr: 19). Bagi istilah syarak pula, ia merupakan hak milik yang boleh dibahagikan kepada yang layak (ahli waris) selepas kematian pemiliknya kerana hubungan kekeluargaan.

d) Perancangan harta pusaka

Sebarang usaha dan rancangan persediaan yang perlu dan wajar dilakukan bagi membahagikan dan mengagihkan harta-harta yang dimiliki oleh pemilik harta kepada para waris ataupun bakal penerima harta yang lain setelah pemilik harta meninggal dunia. Perancangan pembahagian ini dibuat semasa pemilik harta masih hidup.

e) Ahli waris

Orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan si mati sama ada melalui hubungan keturunan seperti ayah, ibu, adik-beradik dan anak atau hubungan perkahwinan yang sah iaitu isteri/ suami dan hubungan *wala'* iaitu bekas pemilik hamba kepada si mati yang sebelumnya adalah seorang hamba kemudian dibebaskan (Mustafa Al-Khin, *op-cit*).

f) Wasiat

Merupakan sebahagian daripada kaedah pembahagian harta di dalam Islam. Wasiat bermaksud satu perbuatan kebajikan dengan suatu hak yang terlaksana selepas kematian (Ahmad Hidayat, 2002). Secara ringkasnya, wasiat ialah pindah milik harta atau manfaat untuk beramal jariah kepada bukan ahli waris dan hanya setakat 1/3 daripada nilai harta dan kuat kuasa pindah milik tersebut ialah selepas kematian pemiliknya. Bukan ahli waris ialah sama ada individu atau pertubuhan seperti anak angkat, cucu atau rumah anak yatim dan badan-badan kebajikan.

g) Hibah

Hibah ialah satu pemberian daripada pemberi kepada penerima yang dibuat atas dasar kasih sayang (Ibn Rushd, 1996). Secara prinsipnya, pemilik harta boleh memberikan hartanya sebagai hibah kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya. Hibah boleh diberikan kepada ahli waris atau bukan ahli waris. Kuat kuasa pindah milik adalah serta merta semasa pemberian atau semasa hidup. Perbahasan mengenainya akan dibuat selanjutnya.

h) Wakaf

Menurut bahasa, wakaf bererti tahan (Al-Marbawi, 1995). Mengikut istilah syarak, menahan sesuatu harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya dengan cara menyerahkan hak miliknya kepada seorang pengguna yang harus dan wajib. Wakaf bertujuan untuk amal jariah demi kebajikan umum.

i) Sedekah

Sesuatu pemberian untuk mendapatkan pahala di akhirat. Sedekah diberikan kepada golongan yang memerlukan dengan harapan dapat meringankan kesusahan dan memudahkan urusan penerima sedekah (Al-Baqarah: 264, An-Nisa': 114). Penggunaan sedekah di dalam al-Quran juga merujuk kepada Zakat (Al-Taubah: 60).

j) Hadiah

Sesuatu pemberian untuk penghargaan atau memuliakan seseorang. Ini merujuk sepotong hadis Nabi yang bermaksud: *Kamu saling memberi hadiah, kamu saling mengasihi* (Riwayat Al-Bukhari, Al-Baihaqi dan Al-Hafiz Ibn Hajar). Pemberian hadiah dapat memupuk rasa kasih sayang.

k) Takaful

Di dalam aspek muamalah, takaful boleh diertikan sebagai satu kontrak atau perjanjian sesebuah kumpulan di mana para ahlinya bersetuju untuk saling jamin menjamin sesama mereka terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin terjadi. Ia

merupakan rancangan perlindungan berasaskan hubungan persaudaraan insan (Wahbah Zuhaili, 1989). Takaful dalam konteks pengurusan harta pusaka akan dibincangkan selanjutnya.

l) Insurans konvensional

Konsep insurans konvensional adalah sama dengan takaful iaitu kontrak jaminan perlindungan bagi sebarang musibah yang disebabkan sesuatu. Namun pelaksanaan konsep penjaminannya berbeza iaitu jaminan bukan dalam konteks sesama peserta tetapi penjaminan perlindungan daripada syarikat insurans terhadap peserta (Mohd Fadzli, 1996).

m) Pemegang amanah

Orang yang bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal anak, pemulangan pinjaman atau pembayaran hutang dan bertindak sebagai wakil kepada si mati melalui tanggungjawab yang diberikan oleh si mati (Mustafa Al-Khin, *op-cit*).

n) Penama

Orang yang dinamakan di dalam polisi insurans oleh pemegang polisi sama ada menerima dan/atau mentadbir wang polisi apabila pemegang polisi meninggal dunia.

o) Benefisiari

Orang berhak menerima wang polisi di bawah polisi insurans hayat untuk manfaat sendiri (*beneficial*) dan bukan hanya setakat menjadi wasi atau pemegang amanah.

p) Wasi

Orang yang dilantik dalam wasiat untuk mentadbir harta pusaka si mati mengikut kehendak wasiat si mati dan diberi perintah probet oleh mahkamah untuk berbuat demikian.

q) Ruqba

Pemberian dengan syarat kematian salah satu pihak sama ada pemberi hibah atau penerima hibah sebagai syarat pemilikan kepada salah satu pihak yang hidup. Pemberi hibah meletakkan syarat di mana pemilikan harta hanya berkuat kuasa sekiranya dia mati terlebih dahulu. Jika sebaliknya, hibah akan kembali kepada pemberi hibah.

r) Umra

Pemberian bersifat sementara dengan syarat hidup salah satu pihak. Selepas kematian pemberi hibah, harta tersebut perlu dikembalikan kepada waris pemberi hibah. Jika penerima hibah meninggal dunia, maka harta dikembalikan kepada pemberi hibah.

HIBAH DALAM ASPEK PENGURUSAN HARTA PUSAKA

Perbincangan tentang harta pusaka turut melibatkan instrumen hibah. Secara asasnya bermaksud pemberian, sedekah atau hadiah melibatkan akad yang mengandungi pemberian hak milik oleh pemilik harta kepada seseorang secara sukarela semasa hayatnya atas dasar kasih sayang tanpa mengharapkan balasan. Hukum hibah adalah sunat dan ianya tidak boleh ditarik balik atau membatalkannya setelah berlaku Al-Qabd (penerimaan). Pengecualian bagi kes menarik balik hibah hanya terhad kepada pemberian hibah seorang bapa kepada anaknya atau datuk kepada cucunya.

Dalam keghairahan masyarakat kini yang cuba untuk mencari kaedah alternatif agihan harta melalui instrumen hibah telah menyebabkan timbul kekeliruan dalam pembahagian harta pusaka Islam. Masalah ini timbul disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

- i. Tiada satu undang-undang khusus berkaitan hibah. Oleh itu, wujud terma-terma bersifat dokumentasi yang dinamakan 'perisytiharaan hibah' dan 'amanah hibah';
- ii. Ketidaktahuan masyarakat terhadap instrumen hibah secara mendalam yang mengakibatkan berlaku pemberian hibah tanpa

dipindah milik harta atau pertukaran nama di dalam hak milik. Selepas kematian pemberi hibah, para waris akan mula mempertikaikan hibah tersebut;

- iii. Prosedur pengesahan hibah yang agak kompleks dan melibat dwi sistem perundangan dan pentadbiran antara syariah dan sivil; dan
- iv. Aplikasi hibah yang bersifat *ijtihadi* dalam kalangan fuqaha mazhab. Sebagai contoh, segolongan masyarakat membuat hibah bersyarat seperti '*Umra*' dan '*Ruqba*' sedangkan di dalam mazhab Syafie dan pendapat jumhur fuqaha, berpendapat hibah tersebut adalah sah tetapi syaratnya tidak terpakai. Bagaimanapun masyarakat mungkin berpegang kepada pendapat Imam Malik dan mazhab Maliki bahawa '*Umra*' dan syaratnya adalah harus. Manakala mazhab Al-Zuhri dan Imam Malik turut berpendapat bahawa '*Ruqba*' adalah sah sebagai wasiat tetapi bukan dianggap hibah.

Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan konsep dan prinsip hibah secara terperinci di samping contoh-contoh kes berkaitan. Secara literalnya, hibah boleh disimpulkan dengan ciri-ciri spesifik seperti berikut:

- i. Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak;
- ii. Harta yang boleh dihibahkan ialah *ain* harta (secara konkrit), bukannya hutang atau sekadar manfaat;
- iii. Akad hibah dibuat tanpa sebarang barang (*'iwad*);
- iv. Akad hibah berkuat kuasa semasa hidup penghibah;
- v. Dibuat secara sukarela tanpa paksaan atau pengaruh; dan
- vi. Akad dibuat bukan bertujuan mendapat pahala atau memuliakan seseorang, dalam erti kata berbeza sifatnya dengan sedekah dan hadiah.

Hukum hibah adalah sunat dan digalakkan dalam Islam terutama hibah diberikan kepada kaum keluarga terdekat. Dalil hibah terkandung di dalam Al-Quran yang bermaksud:

“Berikanlah mas kahwin kepada kepada wanita-wanita (para isteri) dengan pemberian yang wajar” (Surah An-Nisa’ ayat 4); dan

“Berikanlah harta yang disayangi itu kepada kaum kerabat” (Surah Al-Baqarah ayat 177)

Jenis harta yang boleh dihibahkan ialah semua jenis harta yang menjadi milik sah penghibah seperti hartanah (rumah, tanah dan apartmen), saham syarikat (sendirian berhad atau berhad), saham unit amanah, polisi insurans atau takaful dan lain-lain harta bernilai yang boleh dimiliki dan dipindah milik. Tujuan dan kesan hibah ialah semata-mata ingin memenuhi kehendak penghibah berkenaan yang ingin memberikan hartanya kepada sesiapa yang dikehendaknya. Contohnya, seorang ibu yang ingin memberikan rumahnya kepada anak angkatnya setelah kematiannya nanti, beliau boleh mengisytiharkannya melalui dokumen hibah dan secara terus rumah yang dihibahkan akan terkeluar daripada senarai harta pusaka dan tidak akan difaraidkan kepada ahli waris. Sesiapa saja boleh melakukan hibah ke atas hartanya kepada sesiapa saja yang dikehendaknya.

Menyentuh berkaitan dokumen hibah, ia merupakan prosedur khas yang digalakkan untuk dilakukan penghibah semasa hayatnya. Fungsi dokumen ini ialah untuk memastikan harta yang diberikan kepada orang tersayang diterima tanpa boleh dicabar oleh waris lain. Manfaat dokumen hibah adalah seperti berikut:

- i. Memudahkan proses agihan harta si mati dan dapat mengelakkan pertikaian antara penerima hibah dan waris setelah kematian pemilik harta;
- ii. Waris tidak boleh mencabar harta yang telah dihibah;
- iii. Dokumen dibuat semasa hidup tetapi pertukaran hak milik dibuat selepas kematian;
- iv. Harta boleh diberikan kepada bukan waris tanpa boleh dicabar;
- v. Harta yang dihibah terkeluar daripada harta pusaka;
- vi. Pewarisan harta lebih jelas; dan
- vii. Proses turun milik lebih jelas.

Amalan hibah adalah berkesan terutamanya kepada orang Islam yang berhasrat untuk memberikan harta tertentu mengikut fomulanya sendiri. Namun, setiap kontrak dalam muamalah Islam mempunyai rukun-rukun dan syarat-syaratnya yang perlu dipenuhi, termasuk juga instrumen hibah dalam aspek pengurusan harta pusaka. Akad hibah menjadi sah setelah rukun-rukun dan syarat-syaratnya menepati syarak.

Rukun-rukun hibah ialah pemberi hibah (*Al-Wahib*), penerima hibah (*Al-Mauhub Lahu*), benda yang dihibahkan (*Al-Mauhub*) dan penawaran serta penerimaan atau ijab dan qabul (*Sighah*). Setiap rukun perlu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi mengesahkan keseluruhan akad hibah.

Syarat sah bagi penghibah ialah merupakan pemilik yang sah ke atas harta (*Al-Mauhub*) dan tidak wujud halangan ke atas pemilikan dan pengurusannya. *Al-wahib* juga sempurna akal, baligh dan *rushd* (bijak menguruskan harta). Hibah dilakukan dengan rela hati tanpa paksaan atau pengaruh, jika berlaku atau didapati wujud paksaan maka hibah akan terbatal.

Syarat sah penerima pula, sesiapa saja sama ada Muslim atau bukan Muslim asalkan maksudnya tidak melanggar syarak dan penerima adalah mukalaf serta berkeupayaan memiliki dan menguruskan harta hibah. Sekiranya penerima tidak/belum mukalaf seperti belum baligh atau kurang upaya, hibah boleh diberikan kepada wali/pemegang amanahnya. Penerima juga disyaratkan wujud semasa proses hibah dijalankan.

Barangan atau harta yang dihibahkan perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Barangan atau harta adalah halal;
- ii. Mempunyai nilai di sisi syarak;
- iii. Milikan penuh penghibah;
- iv. Boleh diserahkan;
- v. Benar-benar wujud semasa akad; dan
- vi. Harta wujud secara berasingan dan boleh dipisahkan daripada harta-harta yang tidak termasuk dalam hibah. Barangan bercagar boleh dihibahkan dengan syarat mendapat keizinan daripada penggadai atau peminjam.

Sighah hibah merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan hibah. Ianya tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Ada persambungan dan persamaan di antara ijab dan qabul;
- ii. Tiada bersyarat yang tertentu; dan
- iii. Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu. Dalam kes hibah '*Umra*' dan '*Ruqba*' adalah sah hukumnya namun syarat tempoh masanya terbatal.

Berkenaan *sighah* juga terdapat konsep penerimaan yang diistilahkan dengan *Al-Qabd*. Secara jelasnya *Al-Qabd* bererti mendapat sesuatu, menguasai dan boleh melakukan *tasarruf* (pengurusan) terhadap barangan atau harta. Di sini wujud perbezaan pendapat mengenai syarat penerimaan sebagai keesahan hibah. Perbezaan pandangan tersebut dapat diringkaskan seperti berikut:

- i. Mazhab Hambali dan Maliki tidak mensyaratkan penerimaan, memadai dengan akad. Maksudnya apabila berlaku kematian tanpa sempat proses penyerahan maka hibah adalah sah; dan
- ii. Abu Hanifah dan Syafie menetapkan bahawa penerimaan adalah syarat sah hibah. Jadi, jika kematian berlaku sebelum penyerahan maka hibah terbatal. Malah berdasarkan mazhab Syafie, *Al-Qabd* merupakan syarat *Luzum* (wajib), akad hibah tidak sempurna dan tidak boleh dikuat kuasakan dengan ijab dan qabul semata-mata kecuali selepas berlaku *Al-Qabd*.

Al-Qabd direalisasikan mengikut jenis harta sama ada harta tak alih atau alih. Bagi harta tak alih, *Al-Qabd* boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan *tasarruf* seperti menyerahkan kunci rumah. Bagi harta alih pula, melalui kaedah memindah atau mengasingkan harta tersebut daripada harta-harta yang tidak termasuk dalam hibah.

ISU-ISU HUKUM BERKAITAN HIBAH

a) Penarikan Balik Hibah

Apabila sempurna rukun dan syarat hibah serta berlaku penyerahan dan penerimaan (*Al-Qabd*) maka harta telah sah menjadi milik penerima hibah. Persoalan lain yang penting ialah aspek penarikan balik atau pembatalannya. Secara umumnya, keharusan pembatalan hibah dilakukan dalam tiga keadaan iaitu:

- i. Hibah bapa kepada anak/datuk kepada cucu; atau
- ii. Wujud keadaan redhai meredhai antara penghibah dan penerima; atau
- iii. Melalui keputusan hakim.

Namun begitu, sekiranya harta telah berpindah milik daripada penerima hibah kepada pihak ketiga melalui jualan, wakaf atau hibah, maka hibah tidak boleh ditarik balik dengan apa keadaan sekali pun.

b) Kadar Atau Had Hibah Yang Dibenarkan

Secara prinsipnya tiada had atau kadar tertentu dalam akad hibah. Harta adalah milik penuh pemberi hibah, maka tidak ada halangan kepada pemilik untuk menghibahkan sebahagian atau semua hartanya. Namun pertimbangan lain turut diambil kira seperti keadilan sekiranya hibah diberikan dalam kalangan anak-anak pemilik harta. Sunat menyamakan pemberian antara anak-anak untuk menjamin keadilan dan makruh sekiranya melebihi antara satu sama lain. Hukum juga boleh menjadi harus sekiranya melebihi ke atas sebahagian anak-anak sekiranya bapa tidak mempunyai niat menimbulkan fitnah atau bahaya dalam kalangan anak-anak. Bahkan, pemberian secara *tafdil* (melebihi) satu pihak ke atas yang lain, hanya dibenarkan sekiranya tidak mendatangkan kemudaratan.

c) Hibah Ketika Sakit Yang Boleh Menyebabkan Kematian (*Marad Al-Maut*)

Isu ini mempunyai polemik pandangan yang pelbagai. Sebelum itu, syarat-syarat *Marad Al-Maut* perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Syarat-syarat tersebut ialah:

- i. Penyakit yang benar-benar boleh menyebabkan kematian;
- ii. Penyakit yang menimbulkan kecemasan kematian dalam fikiran pesakit; dan
- iii. Terdapat gejala-gejala yang menunjukkan bahawa penyakit adalah kronik dan kritikal.

Selain syarat-syarat di atas, terdapat ciri-ciri khusus *Marad Al-Maut*, seperti berikut:

- i. Tempohnya sepanjang setahun, sekiranya berlalu tempoh setahun maka tidak termasuk kategori tersebut;
- ii. Penyakit yang kebiasannya menyebabkan kematian seperti kanser, AIDS dan H1N1; dan
- iii. Penyakit yang menjadikan pesakitnya sudah tidak mepedulikan duniawi lagi.

Hibah ketika *Marad Al-Maut* ialah pemberian dibuat dalam keadaan sakit tenat yang boleh membawa kematian. Kesan pemberian ketika itu mempunyai implementasi yang berbeza bergantung kepada keadaan pemberi selepas melakukan pemberian sama ada menjadi hibah atau wasiat. Jika pemberi meninggal dunia sejurus selepas lafaz pemberian, maka harta dikategorikan sebagai wasiat dan tertakluk kepada undang-undang wasiat. Dalam erti kata, tidak boleh melebihi 1/3 daripada harta si mati dan tidak melibatkan pemberian kepada ahli waris kecuali ada persetujuan daripada ahli waris. Tetapi sekiranya pemberi masih hidup selepas lafaz pemberian, maka ianya sah menjadi hibah.

REALITI APLIKASI HIBAH DI MALAYSIA

Di Malaysia, tiada peruntukan khusus mengenai hibah yang diperundangan. Setakat ini, kita hanya mengaplikasi peruntukan berkenaan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang termaktub di dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut menyebut terma 'pemberian'. Peruntukan tersebut menunjukkan bahawa hibah adalah sebahagian urusan yang diletakkan di bawah pentadbiran agama Islam di setiap negeri dan secara langsung melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Merujuk peruntukan yang terkandung di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri pula, terdapat tiga terma berbeza yang digunakan merujuk kepada hibah. Terma 'alang' semasa *Marad Al-Maut* atau semasa hidup dan 'penyelesaian yang dibuat tanpa balasan' yang diguna pakai di negeri Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Johor, Perak, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Sementara negeri Sembilan menggunakan terma spesifik 'hibah', dan Pahang serta Perlis menggunakan terma 'pemberian', manakala Kelantan dengan terma 'alang hayat'.

Secara umumnya, peruntukan hibah wujud dalam sistem perundangan di Malaysia. Hibah melibatkan dua aspek utama semasa hidup dan *Marad Al-Maut*. Jika ditinjau kes-kes berkaitan hibah di Mahkamah Syariah kebanyakan melibatkan pengesahan Hibah (Harian Metro, 7 Januari 2009, Berita Harian, 24 Oktober 2007), pertikaian takat atau kadar hibah (kes Harun b. Muda dan lain-lain lwn Mandak bt. Mamat dan lain-lain [1999] XIII (I), Jurnal Hukum 63) (kes Salmiah bt. Che Mat lwn Zakaria b. Hashim [2001] XIV Jurnal Hukum 79) dan penarikan balik hibah (kes Eshah bt. Abdullah dan Lima Yang Lain lwn Che Aminah bt. Abdul Razak dan Dua Yang Lain [2004] XVIII (I) Jurnal Hukum 47). Kes-kes tersebut membuktikan bahawa hibah boleh dicabar di Mahkamah Syariah. Pertikaian berlaku daripada aspek sahnya mengikut hukum syarak atau ada waris yang tidak bersetuju dengan kandungan hibah selepas kematian pemberi hibah.

Sehubungan itu, aplikasi hibah menjadi lebih sistematik dan bersifat komersial masa kini. Wujud agensi yang terlibat secara aktif dalam soal pelaksanaan hibah. Alternatif hibah dilakukan bagi mengelakkan krisis dan pertikaian selepas kematian pemberi hibah. Hibah Trust merupakan salah satu kaedah hibah yang bercirikan integrasi antara hibah dan amanah. Harta yang dihibah akan dipegang oleh pemegang amanah dan akan diserahkan kepada penerima selepas kematian pemberi. Selain itu juga, ianya bersifat memelihara hak pemberi, sekiranya penerima mengabaikan pemberi, maka satu akad berasingan dibuat bagi membolehkan pemberi menggunakan dan mengurus harta sehingga dia meninggal dunia. Secara prinsipnya, ianya menyamai hibah '*Umra*' dan '*Ruqba*' seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Namun, Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan Kali Ke-56 pada 5 Oktober 2000 telah memutuskan bahawa peletakan syarat adalah dibenarkan setelah berlaku ijab dan qabul. Begitu juga Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti turut memutuskan dalam mesyuarat ke-44 pada 15 Januari 2003 bahawa prinsip hibah *Ruqba* boleh diaplikasikan sebagai asas syariah. Hibah *Ruqba* diguna pakai dalam pelaksanaan borang akuan hibah untuk transaksi yang melibatkan akuan bersama tabung unit amanah terutamanya bagi orang Islam.

Selain itu, terdapat sebuah syarikat yang bercirikan organisasi keusahawanan iaitu Wasiyyah Shoppe, KL. Syarikat turut menjalankan urus niaga perkhidmatan secara francais berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di bawah Akta Francais 1998. Ini bermakna, syarikat dipantau dan dikawal sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Perkhidmatan yang ditawarkan dalam aspek hibah secara khususnya ialah Dokumen Hibah. Syarikat Amanah Hibah Sdn Bhd turut tersenarai dalam kategori syarikat yang beroperasi secara aktif dalam aspek pengurusan dan perancangan hibah. Terdapat juga syarikat yang menawarkan perkhidmatan terus ke rumah, syarikat beralamat di www.wasiat4U.com. Secara umumnya, terdapat banyak syarikat di Malaysia yang menjalankan aktiviti komersial berorientasikan perkhidmatan pengurusan pusaka amnya dan hibah khususnya.

Realiti pelaksanaan hibah di Malaysia mendapat sambutan dan berkembang pesat. Ini dibuktikan dengan kewujudan syarikat-syarikat komersial yang menawarkan khidmat penulisan, penyediaan dan penyelesaian masalah hibah dalam kuantiti yang hampir menyeluruh di setiap negeri. Setelah memahami konsep dan prinsip hibah yang sebenar, maka kita seharusnya melaksanakan pengurusan hibah secara yang hakiki. Namun, dalam aspek hukum yang bersifat *ijtihadi* dan terdapat perkara *khilafiah*, kita harus menanganinya dengan sistematik dan konsisten. Aspek teknikal dan perundangan harus diperkemas dan diseragamkan agar kekeliruan dapat dielakkan. Aspek dokumentasi merupakan perkara terpenting dalam mengelakkan pertikaian instrumen selepas kematian penghibah. Mekanisme penyediaan borang sebagai salah satu elemen dokumentasi hibah perlu diperbaiki dan dimantapkan daripada segi format, kandungan dan prosedur pengesahannya.

Sebagai tambahan, hibah turut diadaptasikan sebagai konsep tambahan kepada produk-produk takaful dan diamalkan oleh kebanyakan pengendali takaful seperti produk Pelan Pendidikan oleh Takaful Ikhlas Sdn Bhd. Sebagai contoh, produk ini ditawarkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak. Ibu bapa bertindak sebagai pembayar sumbangan (pemberi hibah) dan anaknya merupakan peserta takaful (penerima hibah). Hibah seperti ini diharuskan kerana memenuhi semua rukun dan syarat.

PENGENALAN TAKAFUL

Takaful adalah suatu bentuk perlindungan bagi membantu diri sendiri, keluarga dan orang tersayang. Kita orang Islam perlu sentiasa membuat persediaan bagi masa kini, hadapan dan selepas kematian. Setiap yang hidup pasti akan mati (Al-'Ankabut: 57, Al-Anbiya':35 dan Ali 'Imran: 185) dan kita mampu merancang tetapi ternyata Allah S.W.T. Maha Menentukan. Takaful merupakan salah satu instrumen dalam pengurusan harta Islam yang bersifat jaminan pemeliharaan diri, keluarga dan harta. Risiko merupakan akibat atau kesan yang buruk mungkin menimpa seseorang disebabkan sesuatu perkara. Sebagai Muslim kita wajib percaya risiko adalah qada' dan qadar Allah S.W.T. Ia bersifat ujian atau cubaan keimanan (Al-Baqarah: 155-157). Kadangkala ujian diturunkan Allah S.W.T. berpunca tindakan dan perbuatan manusia itu sendiri (Al-Rum: 41).

Namun kita tidak dibenarkan sama sekali hanya duduk berdiam diri tanpa usaha dan ikhtiar mengelak daripada risiko atau meminimumkan risiko (Al-Ra'd: 11). Konsep tawakal yang sebenar ialah berserah kepada Allah S.W.T. hanya setelah kita cuba sedaya mungkin melakukan usaha yang wajar. Ini bertepatan sebagaimana Rasulullah S.A.W yang telah mengajar sahabat tentang konsep tawakal, iaitu setelah unta diikat dengan kemas kemudian baru berserah kepada Allah S.W.T. Selain itu, pengurusan risiko perlu kebijaksanaan dan kecekapan meminimumkan impak yang negatif. Di antara sejarah para anbia' mengenai pengurusan risiko adalah kisah Nabi Nuh A.S. yang membina kapal yang besar bagi persediaan menghadapi banjir besar (Hud: 37, Al-Mukminun: 27), Nabi Yusuf A.S. yang mengarahkan penduduk Mesir membuat persediaan menghadapi krisis ekonomi dan kemarau panjang bagi tempoh 7 tahun (Yusuf:

47-48) dan Nabi Yaakub A.S. yang menyuruh anak-anaknya memasuki Mesir dengan menggunakan pintu-pintu dan jalan-jalan yang berbeza bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini (Yusuf: 67). Semua kisah ini yang tercatat dalam Al-Quran menjadikan rujukan dan panduan bahawa perancangan risiko adalah merupakan gagasan wahyu yang dipraktikkan oleh para nabi.

Pengurusan risiko boleh difahami sebagai satu disiplin yang membolehkan individu atau organisasi mengendalikan sebarang ketidaktentuan dengan mengambil langkah-langkah awal melindungi aset-aset atau sumber-sumber penting yang dimiliki. Ianya merupakan suatu tindakan yang diharuskan malah sebagai suatu bentuk usaha dan ikhtiar yang diperakui syariah.

Secara ringkas takaful daripada kata dasar jenis kata kerja 'kafala' bererti menjaga, menjamin dan memelihara. Al-Quran menggunakan perkataan tersebut dengan maksud memelihara (Al Imran: 37 dan Taaha: 40). Perkataan 'kafala' menerima tambahan imbuhan 'ta' kepada 'takafala' iaitu terbit perkataan 'takaful' bermaksud saling menjaga, saling menjamin dan saling memelihara. Secara literalnya, perjanjian dibuat sesebuah kumpulan, sekiranya salah seorang ditimpa musibah sama ada bencana/kemalangan/kesihatan/kematian, individu tersebut akan menerima sejumlah wang atau manfaat kewangan daripada dana yang diwujudkan bagi membantu kesusahan yang dihadapi (<http://www.Takaful-malaysia.com>).

Definisi perundangan menurut Akta Takaful 1984 menyatakan bahawa takaful bermaksud "*Satu skim yang berasaskan persaudaraan, kesatuan dan saling bantu membantu di mana ia menyediakan bantuan kewangan dan pertolongan atas dasar kerjasama kepada peserta skim ketika mereka memerlukan bantuan melalui sumbangan bersama oleh para peserta untuk tujuan tersebut*".

Sistem takaful telah diaplikasi sejak zaman awal Islam. Ianya diimplementasikan dalam dua konsep iaitu 'Aqilah dan Al-Qasamah. Sistem 'Aqilah diperkenalkan Rasulullah S.A.W. sebaik berhijrah ke Madinah. Sebuah dana yang dikenali dengan 'kunuz' diwujudkan melalui caruman setiap ahli dalam kalangan kabilah. Wang dana akan digunakan bagi tujuan membantu waris pembunuh membuat bayaran pampasan (*diyah*) melibatkan kes pembunuhan tidak sengaja atau

untuk bayaran tebusan tawanan perang tentera Islam. Sistem *Al-Qasamah* pula ialah sistem bayaran pampasan kepada keluarga yang terbunuh. Wang dikumpul dan diberikan kepada waris si mati yang terlibat kes bunuh yang tidak diketahui pembunuhnya atau kes sabitan bunuh tidak mempunyai keterangan yang kukuh. Ianya menyamai jaminan (dalam bentuk pampasan) yang dibayar kepada mangsa atau waris peserta takaful moden (Ahmad Ma'sum Billah, 2007).

Syarikat Insurans Islam Sudan merupakan yang pertama ditubuhkan pada tahun 1979, seterusnya di negara-negara Eropah pada awal tahun 1980-an. Pada tahun 1979 di Arab Saudi tertubuhnya Syarikat Insuran Islam Arab dan diikuti Syarikat Takaful Islam Luxembourg oleh Dar Al-Maal I-Islami (DMI) di London pada tahun 1983. Di Australia juga terdapat syarikat insurans Islam yang dinamakan Syarikat Al-Takaful Al-Islamiah (Mohd Fadzil Yusof, 1996).

Di Asia Tenggara, Malaysia menjadi pelopor utama penubuhan perniagaan insurans secara Islam melalui penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd (STM) yang beroperasi mulai 02 Ogos 1984. Objektif penubuhan adalah untuk menawarkan perkhidmatan takaful (insurans secara Islam) yang berkualiti secara profesional kepada umat Islam dan bukan Islam di negara ini. Faktor pemangkin kewujudan industri takaful di Malaysia ialah keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia pada 1979 yang memutuskan bahawa insurans hayat adalah satu kontrak yang tidak sah kerana mengandungi unsur *gharar*, *maisir* dan *riba* (Bank Negara Malaysia, 2004).

Pada Mei 1993, Brunei Darussalam mengikut jejak Malaysia dengan tertubuhnya Takaful IBB Berhad. Selanjutnya Republik Indonesia dengan kerjasama teknikal Syarikat Takaful Malaysia, Syarikat Takaful Indonesia telah diperbadankan dan mula beroperasi pada Ogos 1994. Perkembangan pesat takaful turut dirancarkan lagi dengan penubuhan perniagaan takaful semula secara Islam. Tiga buah syarikat takaful semula menjalankan operasi di Jeddah iaitu Syarikat Takaful dan Insuran Semula Islam Bahamas pada 1983 oleh Dar Al-Maal Al-Islami. Syarikat Insurans dan Insurans Semula (IIRCO) diperbadankan di Bahrain oleh kumpulan Al-Barakah pada tahun 1986. Selanjutnya, di bahagian Afrika Utara sebuah syarikat iaitu Bait Al-Tamwil yang beroperasi dari Tunis

didirikan pada tahun 1986 dengan tujuan menyediakan khidmat takaful semula khusus untuk negara-negara Islam yang pernah dijajah oleh Perancis.

Ringkasnya, terdapat beberapa faktor pendorong kepada pembentukan takaful ini iaitu:

- i. Kesedaran umat Islam mengamalkan ajaran Islam secara syumul dalam kehidupan mereka;
- ii. Umat Islam ingin menghidupkan semula sistem kewangan Islam yang bebas daripada belunggu riba, *maisir* dan *gharar* demi pembangunan ummah; dan
- iii. Tertubuhnya bank-bank Islam menyebabkan keperluan kepada perniagaan takaful bagi memenuhi keperluan perkhidmatan perlindungan insurans melibatkan produk-produk yang ditawarkan oleh bank-bank Islam.

MODEL-MODEL DAN KATEGORI PRODUK TAKAFUL

Model-model takaful terbahagi kepada dua iaitu Model Takaful *Mudharabah* dan *Wakalah*. *Al-Mudharabah* bermaksud perkongsian untung yang menggunakan akad mudharabah. Peserta merupakan pemilik modal manakala pengendali takaful bertindak sebagai pengusaha. Sekiranya tiada sebarang tuntutan dibuat sepanjang tempoh kontrak takaful, peserta berhak menerima keuntungan bergantung kepada nisbah perkongsian yang telah dipersetujui semasa kontrak dimeterai. Kos pengurusan takaful ditanggung sepenuhnya oleh pengendali tanpa melibat wang caruman peserta dan hasilnya pulangan keuntungan keadaan peserta lebih tinggi berbanding model *Wakalah*. Secara konsepnya, di bawah model ini, kerugian menjadi tanggungan pemodal iaitu peserta (Mohd Fadzil Yusof: 2006).

Al-Wakalah pula bermaksud menugas atau mewakilkan orang lain bagi pihak yang memberi wakil untuk melakukan sesuatu urusan (Wahbah Al-Zuhaili: 1989). Dalam konteks takaful, peserta membenarkan pengendali menguruskan hal-ehwal dana bagi pihaknya. Selain itu, pihak pengendali juga dibolehkan untuk melantik agen bagi pihak peserta. Yuran pengurusan dikenakan sebagai upah diambil melalui amaun tetap daripada caruman atau berdasarkan nisbah

yang dipersetujui atas keuntungan pelaburan atau lebih kumpulan takaful. Elemen *mudharabah* masih dikekalkan dalam akad secara sampingan dan jumlah keuntungan lebih rendah berbanding model *mudharabah* kerana ditolak kos pengurusan. Nisbah keuntungan diambil oleh kedua-dua pihak berasaskan persetujuan bersama.

Kategori produk takaful dibuat secara jadual seperti berikut:

Am		Keluarga	
Individu	Syarikat/ Berkelompok	Individu	Syarikat/ Berkelompok
Kemalangan diri, kenderaan, kebakaran, pemilik rumah, isi rumah, kecurian, bencana dan lain-lain.	Pelbagai risiko, kebakaran, liabiliti awam, kerosakan mesin, pampasan pekerja, kemalangan diri, pelajar sekolah dan lain-lain.	Pendidikan, persaraan, penyakit, gadai janji, rawatan hospital, hilang upaya, wakaf, perjalanan dan lain-lain.	Rawatan hospital, jaminan kredit, persaraan pekerja, khairat kematian, wakaf dan lain-lain.

KELEBIHAN TAKAFUL DAN PERBEZAAN DENGAN KONVENSIONAL

Sistem takaful mempunyai banyak kelebihan berbanding insurans konvensional yang bermotifkan keuntungan semata-mata. Kelebihan-kelebihan yang terdapat dalam sistem takaful dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Jaminan perlindungan kewangan berlandaskan prinsip-prinsip Islam (Sobri Salamon: 1989);
- ii. Perkongsian untung antara syarikat dan peserta melalui kontrak *mudharabah*;
- iii. Bermanfaat kepada keluarga apabila peserta meninggal dunia (akan dibincang lanjut mengenai takaful sebagai instrumen pengurusan harta pusaka Islam); dan
- iv. Manfaat dari segi rohaniah (Mohd Fadzil Yusof: 1996).

Kelebihan aspek manfaat rohaniah ternyata membuktikan kelebihan yang tiada tolok bandingnya dengan sistem insurans konvensional. Islam sebagai *addin* adalah merupakan cara hidup yang lengkap meliputi dunia dan akhirat, fizikal, mental dan spiritual. Kelebihan takaful aspek tersebut dapat dijelaskan seperti tersebut:

- i. Saling bertanggungjawab melalui konsep *tabarru'* (Al-Nisa': 114);
- ii. Saling bekerjasama melalui konsep *ta'awwun* (Al-Maidah: 2); dan
- iii. Saling lindung melindungi dalam kesusahan (*kafalah*)

Kesinambungan itu, takaful juga bukan sahaja untuk orang Islam sahaja, tetapi turut ditawarkan kepada bukan Islam. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, berbeza budaya dan agama amat dialu-alukan menyertai takaful. Prinsip umum muamalat Islam ialah keadilan dan kesaksamaan.

Perbezaan takaful dan insurans perlu diketengahkan bagi menyerlahkan kelebihan takaful sebagai instrumen insurans alternatif yang terbaik. Ringkasan perbezaan dapat dilihat dengan jelas seperti jadual di bawah:

Takaful	Insurans Konvensional
Gabungan kontrak <i>tabarru'</i> , <i>mudharabah</i> dan <i>wakalah</i> .	Kontrak pertukaran jual beli (tanpa barang yang diakad secara jelas iaitu polisi) - jual beli ternyata <i>fasid</i> .
Pencarum saling menjamin.	Syarikat menjamin kepada pembayar premium (bersifat komersial).
Wang pencarum bukan wang syarikat.	Wang pencarum milik syarikat.
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengendali sebagai pentadbir dan membayar manfaat takaful daripada kumpulan wang takaful. ✓ Kekurangan wang ditampung dengan pinjaman tanpa faedah (<i>Qardhul Hasan</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Syarikat bertanggungjawab membayar manfaat insurans seperti daripada asetnya.

Pelaburan yang sah di sisi syarak.	Tiada sekatan selain untuk tujuan kehematan.
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Perkongsian keuntungan. ✓ Baki untung milik tabung kumpulan wang pencarum. 	Keuntungan sepenuhnya milik syarikat (motif keuntungan).
Agihan keuntungan berdasarkan kontrak <i>mudharabah</i> atau yuran prestasi keuntungan.	Agihan ikut keputusan syarikat.
Lebih, untung atau pulangan dipegang oleh tabung untuk dibahagi semula kepada pencarum.	Pencarum tiada hak ke atas surplus.
Majlis Pengawasan Syariah (Akta Takaful 1984 Seksyen 8 (5)(b)).	Tiada.
Mematuhi hukum syarak dan bebas unsur riba, <i>maisir</i> dan <i>gharar</i> .	Tidak mematuhi hukum Syarak dan mengandungi unsur riba, <i>maisir</i> dan <i>gharar</i> .
Bayaran zakat perniagaan.	Tiada zakat.

TAKAFUL SEBAGAI INSTRUMEN DALAM PENGURUSAN HARTA PUSAKA

Apabila seseorang peserta yang meninggal dunia sebelum tempoh skim perlindungan takaful keluarga yang disertainya matang, maka waris-warisnya akan menerima bayaran manfaat takaful tersebut seperti berikut (Sobri Salamon: 1989):

- i. Semua ansuran caruman takaful yang dibayar oleh peserta sebelum ia meninggal dunia sebagaimana yang telah terkumpul dalam akaun pesertanya dan bahagian keuntungan pelaburan yang diperuntukkan kepada mengikut perjanjian *Al-Mudharabah*.
- ii. Baki ansuran caruman takaful yang sepatutnya dibayar oleh peserta jika dia masih hidup dan terus mengekalkan penyertaannya. Jumlah

baki ini adalah dikira dari tarikh selepas kematian sehingga tarikh skim perlindungan yang disertai matang. Bayaran baki ansuran caruman akan dibuat daripada akaun khas semua peserta mengikut persetujuan seperti termaktub dalam perjanjian takaful.

- iii. Lebih daripada akaun khas semua peserta yang dapat diperuntukkan kepadanya. Lebih ini diperolehi setelah ditolak semua perbelanjaan mengendalikan takaful keluarga seperti bayaran manfaat takaful kepada waris-waris, rakan-rakan peserta yang meninggal dunia dan sebagainya.

Berkaitan hibah manfaat takaful kepada penama yang dinamakan di dalam borang penerima manfaat, fuqaha berselisih pendapat. Mengikut prinsip asas, hibah perlu dilakukan semasa hidup, akan tetapi manfaat takaful akan hanya berkuat kuasa setelah peserta takaful meninggal dunia. Status manfaat takaful masih dipertikaikan sama ada ianya harta si mati atau tidak serta ianya perlu dibahagi ikut faraid atau boleh dihibahkan. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara telah membuat keputusan dalam mesyuarat ke-34 pada 21 April 2003 mengenai aplikasi hibah bagi pembahagian manfaat takaful seperti berikut:

- i. Boleh dihibahkan kerana ianya hak peserta secara mutlak.
- ii. Status hibah dalam pelan takaful adalah kekal dan tidak berubah kepada wasiat. Jenis hibah ialah hibah bersyarat. Hibah dalam bentuk tawaran kepada penerima untuk masa yang tertentu. Dalam konteks ini, manfaat takaful dikaitkan dengan kematian peserta dan tempoh matang sijil. Dalam erti kata lain, jika peserta masih hidup semasa tempoh matang sijil, manfaat takaful menjadi milik peserta, jika meninggal dunia sebelum tempoh matang sijil, maka hibah akan berkuat kuasa.
- iii. Peserta mempunyai hak membatalkan hibah dibuat sebelum tempoh matang sijil, kerana hibah hanya sempurna selepas *Al-Qabd*.
- iv. Peserta mempunyai hak membatalkan hibah yang dibuat kepada individu dan menyerahkan kepada orang lain yang ingin dihibahkannya atau membatalkan penyertaan dalam takaful, jika penerimanya mati sebelumnya tempoh matang sijil.

- v. Borang penamaan takaful perlu diselaras dan dinyatakan dengan jelas status penama sama ada benefisiari atau pemegang amanah.

Menurut praktis Syarikat Takaful Ikhlas, bagi produk-produk takaful keluarga, pihak syarikat akan menyediakan borang cadangan hibah sekiranya peserta bercadang menghibahkan manfaat takaful setelah kematiannya. Pihak syarikat turut mengkhususkan nama cadangan penerima hibah semestinya di kalangan ibu bapa/pasangan yang sah/anak/adik beradik. Tujuannya ialah untuk menjaga kebajikan keluarga terdekat. Takaful dengan kaedah integrasi konsep hibah akan lebih bersifat kompetitif berbanding insurans konvensional yang ternyata tidak ada usaha aplikasi sedemikian.

Elemen terpenting berkaitan polisi takaful ialah meletakkan penama. Tujuan dalam konteks takaful ialah untuk memudahkan pengurusan harta selepas kematian peserta. Penama bertindak sebagai pemegang amanah dan bukan penerima (www.e-fatwa.gov.my). Setelah kematian peserta, pemegang amanah bertanggungjawab menguruskan harta mengikut hukum faraid, wasiat atau hibah seperti kehendak peserta atau perjanjian takaful yang telah termeterai. Sehubungan itu, peserta takaful perlu memastikan penama adalah dalam kalangan orang yang boleh dipercayai dan mampu menguruskan harta tersebut. Jika diletakkan penama dalam kalangan anak-anak, mestilah dipastikan bahawa mereka telah mencapai umur baligh bagi melayakkan *tasarruf*.

Pelantikan wasi atau pemegang amanah dan hibah adalah elemen penting dalam pembahagian harta dalam takaful. Ini kerana peserta akan mendapat sejumlah wang pampasan sekiranya ditimpa musibah dan jika peserta meninggal dunia sejumlah wang akan diberikan kepada waris beliau. Di sini pemberian secara hibah atau wasi perlu dipertimbangkan. Sekiranya peserta lelaki membuat hibah keseluruhan pampasan kepada isterinya, maka isteri akan mendapat semua harta tanpa perlu difaraidkan. Tetapi jika peserta melantik isteri sebagai wasi, maka isteri perlu membahagikan pampasan kepada waris mengikut persetujuan waris atau secara faraid. Secara umumnya, peserta perlu membuat pemilihan bijak dalam menentukan mekanisme terbaik perancangan harta semasa hidup. Aspek penama, cadangan hibah atau perlantikan wasi

perlu difahami dengan jelas tentang fungsi dan peranan sebenar ketiga-tiga instrumen tersebut.

PENUTUP

Pengurusan harta pusaka Islam di Malaysia berperanan penting dalam memastikan kesinambungan hubungan kekeluargaan yang harmoni. Walaupun peruntukan undang-undang Negara tidak menyatakan secara khusus berkenaan beberapa instrumen yang terkandung dalam Pusaka Islam, namun pelaksanaannya adalah amat efektif dan efisien. Kerjasama antara institusi pentadbiran, perundangan dan kewangan Negara memberi implikasi positif terhadap pembangunan dan pemantapan pelaksanaannya.

Perbincangan di atas menjelaskan kepentingan hibah dan takaful sebagai instrumen pengurusan harta pusaka. Walaupun kedua-duanya adalah merupakan entiti yang berbeza, namun wujud keadaan-keadaan tertentu yang memerlukan integrasi dalam aplikasinya dengan tujuan memudahkan pengurusan harta pusaka Islam. Terdapat banyak hukum yang bersifat *ijtihadi* melibatkan hibah dan takaful, tetapi atas dasar kemaslahatan dan memberikan kemudahan, ianya perlu diaplikasikan sebaik mungkin dalam kerangka prinsip syariah asasi.

RUJUKAN

-----, 1992, *Perniagaan Menurut Pandangan Islam*, KL: BAHEIS

-----, 1996, *Takaful Sistem Insurans Islam*, KL: Utusan Publications

-----, 2006, *Mengenal Takaful*, Selangor: Ibs Buku Sdn Bhd

-----, 2007, *Applied Takaful & Modern Insurance: Law And Practice*, Petaling Jaya: Sweet Maxwell Asia

Abdul Rahman, M.F, 2006, *Bagaimana Mengurus Harta Pusaka*, KL: PTS Publishing

Ahmad Hidayat, 2002, *Bagaimana Membuat Wasiat*, KL: APIUM

Ahmad Ma'sum Billah, 2003, *Manual of Principles And Practice Of Takaful and Retakaful*, KL: IIUM

Ahmad Zohdi Mohd Sheikh, 2009, *Asas Mengenal Pembahagian Harta Pusaka Mengikut Hukum Faraid*, Selangor: NZ Dar Al-Ilmi

Akta Takaful 1984

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Kaedah-kaedah 1987

Al-Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf, 1995, *Kamus Idris Al-Marbawi*, Singapura: Pustaka Nasional

Al-Quran Al-Karim

Al-Zuhaily, Muhammad, 2001, *Al-Faraid Wa Al-Mawarith Wa Al-Wasoya*, Damsyiq: Dar Al-Kalim Al-Tayyib

Ariff b. Sabirin, 2009, *Instrumen Perancangan Harta Bagi Saudara Baru*, Kertas Kerja Bengkel Wasiat Dan Harta Pusaka, Anjuran PERKIM & Wasiyyah Shoppe, 2 Mac , KL: Hotel Grand Pacific

Bank Negara Malaysia, 2004, *20 Tahun Pengalaman Malaysia Dalam Industri Takaful*, KL: BNM

Buku Panduan Asas Takaful, 2007

Enakmen Wasiat Orang Islam Melaka 2005

Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004

Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999

Hukum Dan Kepentingan Faraid, 2009, Pelan Pewarisan, Warisan Mukmin Sdn. Bhd., www.warisanmukmin.com/pelan_pewarisan.htm

Husen Shahata, 2003, *Manhaj Islam Berinteraksi Dengan Harta Benda*, Terj. Kedah: Pustaka Darussalam

Ibn Rush, 1989, *Bidayat Al-Mujtahid Wa Nihayat Al-Muqtasid*, Beirut: Dar Al-Jil

Jurnal Hukum, 2004, Jld. XVIII (I), Putrajaya: JKSM

Jurnal Hukum, 2004, Jld. XXI (II), Putrajaya: JKSM

Jurnal Hukum, 2004, Jld. XVII (I), Putrajaya: JKSM

Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, 2006, Ed. Ke-2, KL: Suruhanjaya Sekuriti

Mohd Fadhil Yusof, 2004, *Pelan Takaful Wakaf*, Nilai: KUIM

Mohd Ifram Al-Bustani, 1986, *Munjid Al-Tollab*, Beirut: Dar Al-Masyriq

Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang, 2006, *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan Di Malaysia*, Bangi: UKM

Muhammad Abu Zahrah, 1978, *Sharhu Qanun Al-Wasiyyah*, Kaherah: Dar Al-Fikr Al-'Arabi

Muhammad Hasan Al-Himsi, 1984, *Quran Karim: Tafsir Wabayan Ma'a Faharis Kamilah Lil Mawadhi' Wal Alfadz*, Beirut: Dar Al-Rasyid

Mustofa Al-Khin Al-Bugho & Ali Al-Syarbaji, 2005, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Terj. Jld. 5, KL: Pustaka Salam

Othman Yaakob, 2008, *Pembentukan Trust Hibah*, KL: UM

Sobri Salamon, 1989, *Ekonomi Islam; Pengenalan dan Kemungkinan*, Selangor: Dar Al-Rahmaniyyah

Wahbah Al-Zuhaily, 1989, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Damsyiq: Dar Al-Fikr

Wan Abdul Halim Wan Harun, 2006, *Pengurusan Dan Pembahagian Harta Pusaka*, KL: DBP

www.afyan.com

www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=103

www.peguamsyarie.org

www.takaful-malaysia.com

www.wasiyyahshoppe.com.my

WAKAF DALAM AGENDA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DI MALAYSIA

Oleh:

Sanep Ahmad¹

Nur Diyana Muhamed²

ABSTRAK

Malaysia mempunyai harta wakaf yang agak banyak namun peranannya masih terpinggir daripada arus pembangunan. Sumber yang ada tersebut sekiranya dibangunkan dengan baik nescaya ia dapat memberi sumbangan yang positif kepada pembangunan ekonomi. Selama ini faktor kekurangan dana merupakan satu kekangan utama yang menjadi penghalang kepada pembangunan harta wakaf. Lantaran itu satu peruntukan khas perlu disediakan kepada institusi wakaf agar potensinya dapat diserlahkan. Menyedari potensi ini strategi khusus yang berkesan perlu dibangunkan bagi meningkatkan peranan harta wakaf dalam proses pembangunan. Kajian ini bertujuan menyelidiki dan meneliti apakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan peranan wakaf dalam agenda pembangunan ekonomi negara. Kajian dilakukan secara diskriptif berdasarkan amalan MAIN dan JAWHAR sebagai institusi berwajib mengurus harta wakaf. Hasil kajian mendapati bahawa Kerajaan telah menyediakan beberapa peruntukan khas kepada institusi wakaf agar kewujudannya dapat berperanan dalam proses pembangunan negara. Peruntukan tersebut telah dinyatakan dalam RMK-9, RMK-10 dan Bajet 2010. Program khusus seperti pembangunan bazar wakaf rakyat juga telah dicadangkan bagi memastikan peranan positif wakaf dalam pembangunan ekonomi berdasarkan peruntukan tersebut. Langkah ini jelas menunjukkan bahawa institusi wakaf kini telah dilibatkan secara langsung dalam agenda pembangunan ekonomi negara. Implikasi penting kajian ialah institusi wakaf telah diakui kepentingannya dan dijadikan sebagai salah satu agenda dalam program pembangunan ekonomi negara yang dengannya dapat memastikan peningkatkan peranannya dalam pembangunan ekonomi negara khususnya pembangunan ekonomi umat Islam.

Perkataan Teras : Agenda Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Harta Wakaf, Pengurusan Profesional Wakaf, Potensi Tanah Wakaf.

Klasifikasi JEL : B40, G28, Z12

¹ Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-mail: nep@ukm.my.

² Pelajar Sarjana, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-mail: dyanamir@yahoo.com.my.

PENDAHULUAN

Sejarah telah membuktikan bahawa wakaf boleh memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Wakaf juga menjadi alat agihan semula kekayaan bagi mencapai keseimbangan ekonomi sesebuah negara dalam konteks yang menyeluruh melalui penyediaan kemudahan seperti pendidikan, kesihatan, tempat ibadat, kemudahan jalan raya dan sebagainya.

Dari sudut bahasa perkataan wakaf berasal daripada perkataan "*waqafa*" bermaksud berhenti, mencegah ataupun menahan. Dari sudut istilah pula, wakaf bererti apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, dengan niat untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T. Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat), wakaf membawa maksud sesuatu yg diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau sesuatu yang diberikan dan diperuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Menurut Enakmen Wakaf Negeri Selangor pula, wakaf didefinisikan sebagai menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa jua tujuan kebajikan samada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hukum syarak (Enakmen No.7 1999, Perkara 2).

Secara umum wakaf ditakrifkan sebagai menahan zat sesuatu barang daripada dijual, digadai, dihibahkan serta tidak boleh dipindahkan sebagai warisan demi manfaatnya disedekahkan ke jalan Allah. Apabila seseorang telah mewakafkan hartanya maka dia tidak mempunyai apa-apa hak atau hubungan ke atas harta tersebut kerana harta yang telah diwakafkan dianggap sebagai hak Allah. Sebaliknya penerima wakaf kini bertanggungjawab untuk memanfaatkan harta tersebut menurut syarat-syarat wakaf.

Wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu Wakaf Mutlak (wakaf am) dan Wakaf Muqayyad (wakaf khas). Wakaf Mutlak merujuk kepada amalan menyerahkan harta wakaf dengan tidak menyatakan tujuan tertentu dalam perwakafan hartanya. Harta tersebut boleh dibangunkan dan dimanfaatkan bagi apa jua maksud selagi tidak bertentangan dengan syarak. Berbeza dengan Wakaf Muqayyad yang bermaksud amalan mewakafkan harta di mana pewakaf menyatakan tujuan wakaf secara spesifik semasa mewakafkan harta. Harta

wakaf tersebut hendaklah digunakan hanya untuk tujuan yang telah dinyatakan oleh pihak yang mewakafkan harta (wakif).

Secara dasarnya terdapat kategori harta mungkin boleh diwakafkan iaitu harta tak alih dan harta alih. Bagi harta tak alih yang terdiri daripada tanah dan bangunan, pada hakikatnya telah dipersetujui oleh kesemua ulama' sebagai perwakafan yang sah. Kesahan ini adalah didasarkan kepada amalan Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya yang sering menjadikan harta kekal ini sebagai *mawquf* mereka. (Siti Mashitoh, 2008). Bagi kategori yang kedua ialah harta alih iaitu seperti buku, sejadah dan juga wang tunai, secara dasarnya, jenis perwakafan ini adalah tidak sah. Ini adalah berdasarkan kepada keperluan syarat iaitu kekal dan tidak boleh habis bagi sesuatu harta yang diwakafkan apabila digunakan. Walaubagaimana pun, jumhur ulama' berpendapat bahawa setiap harta yang boleh dijual beli boleh diwakafkan selagi mana manfaatnya boleh dinikmati oleh penerimanya secara berterusan.

ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Pada masa dahulu tidak terdapat bukti yang jelas berhubung dengan bentuk pengurusan harta wakaf di Malaysia. Berdasarkan pengalaman dan amalan wakaf terdahulu, pengurusan harta wakaf terletak di tangan mereka yang mewakafkan harta itu sendiri atau pun di dalam keadaan yang lain, ianya berada di tangan pemimpin masyarakat tempatan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti agama seperti kadi, imam, ketua kampung, penghulu mahupun jawatankuasa masjid. Golongan ini kebiasaannya dilantik oleh masyarakat tempatan sebagai pemegang amanah untuk menguruskan harta wakaf. Mereka yang berwakaf juga biasanya akan mewakafkan hartanya secara lisan yang disaksikan oleh beberapa individu yang beragama Islam yang amanah. Seterusnya, orang yang dipertanggungjawabkan itu mungkin akan melantik pihak lain untuk mengurus harta wakaf tersebut. Pengurusan wakaf pada ketika itu tidak rumit kerana aktiviti ekonomi adalah terhad dan masyarakat sentiasa akur tentang hukum hakam yang berkaitan dengan wakaf. Harta wakaf diuruskan mengikut jenis wakaf tersebut tanpa persoalan.

Kelemahan sistem pengurusan wakaf cara tradisional ini ialah, tiadanya bukti yang jelas secara bertulis berkenaan status harta yang di wakafkan itu. Oleh

yang demikian, timbulnya pelbagai masalah seperti banyak harta wakaf yang tidak didaftarkan dan masih kekal di atas nama pewakaf. Akibatnya ialah apabila berlaku kematian kepada pewakaf maka harta wakaf tidak diketahui oleh pihak lain menyebabkan tanah tersebut menjadi tidak berstatus. Keadaan ini menyebabkan harta wakaf tidak dapat diuruskan dengan sempurna dan tidak dapat memainkan peranan secara langsung dalam pembangunan negara.

Bagi mengatasi masalah pengurusan tradisional ini maka institusi wakaf telah ditubuhkan secara formal. Kewujudan institusi wakaf secara formal ini di lihat sangat membantu dalam memajukan harta wakaf dengan lebih praktikal dan berdaya maju. Selama ini masyarakat beranggapan bahawa harta wakaf mesti diuruskan oleh badan agama sahaja. Masyarakat juga secara umumnya beranggapan bahawa harta wakaf hanya boleh dimanfaatkan dengan mendirikan masjid, sekolah serta yang seumpama dengannya. Kini institusi wakaf telah menyedari bahawa harta wakaf perlu dieksploitasi secara professional dengan perancangan pembangunan yang berinovasi agar harta wakaf dapat di manfaatkan secara sempurna oleh orang ramai.

Memandangkan kebanyakan wakaf adalah bersifat harta tetap maka masalah timbul untuk memperoleh dana sebagai sumber pembiayaan bagi pembangunan harta wakaf tersebut. Tambahan pula wakaf dalam bentuk tanah dan bangunan selama ini agak banyak diterima menyebabkan ianya terbiar dan tidak dapat diusahakan akibat daripada masalah kekurangan dana. Dana milik jabatan agama atau pun sumbangan orang ramai adalah terhad dan tidak dapat dapat menampung kos pembangunan yang diperlukan.

Selain daripada itu, masalah lain yang di hadapi dalam membangunkan harta wakaf antaranya ialah kebanyakan tanah wakaf berada di kawasan yang kurang maju dan susah untuk di bangunkan seperti terletak di pedalaman atau pun tanah paya yang tidak sesuai dibangunkan kecuali dengan kos yang tinggi.

Kepentingan wakaf untuk dilibatkan dalam agenda pembangunan telah mula disedari oleh pemerintah. Jumlahnya yang agak banyak telah dikenal pasti dan mempunyai potensi yang amat baik untuk dimajukan. Penglibatan wakaf dalam agenda pembangunan dirasakan akan dapat memberi sumbangan dalam pembangunan negara. Untuk tujuan meningkatkan peranan wakaf dalam pembangunan negara institusi formal seperti JAWHAR telah ditubuhkan.

Institusi ini diharap akan dapat mengurus harta wakaf secara professional. Dana wakaf juga telah ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dana untuk digunakan dalam pembangunan harta wakaf. Memandangkan dana wakaf yang diperolehi tidak mencukupi maka bagi memastikan peranan wakaf dapat dipertingkatkan, kerajaan telah pun menyediakan beberapa dana khas yang khusus untuk pembangunan wakaf. Peruntukan yang disediakan dijangka akan dapat memastikan wakaf terus terlibat dalam agenda pembangunan negara. Namun usaha murni kerajaan untuk membangunkan wakaf ini masih kurang disedari oleh masyarakat.

Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan maka kajian ini bertujuan untuk menjelaskan apakah peruntukan dana dan aktiviti pembangunan harta wakaf yang telah disediakan di bawah program pembangunan ekonomi negara. Usaha ini sebenarnya dilakukan bagi menjadikan wakaf sebagai salah satu agenda dalam program pembangunan ekonomi negara.

KAJIAN LEPAS

Pelbagai kajian dan penyelidikan telah dijalankan bagi meneliti peranan dan potensi institusi wakaf. Kajian telah mengenalpasti masalah dari segi pengurusan dan kekurangan dana untuk pembangunan harta wakaf. Kajian-kajian yang terdahulu sebenarnya telah berjaya membantu pihak yang berwajib dalam meningkatkan kecekapan pengurusan serta merencanakan lagi aktiviti pembangunan harta wakaf. Secara tidak langsung, kajian dan penyelidikan ini juga turut membantu negara dalam mencapai pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti pembangunan harta wakaf. Harta wakaf kini kian pesat dan seterusnya dapat menjana pendapatan serta mengurangkan masalah pengangguran.

Di Malaysia terdapat beribu ekar tanah wakaf yang tidak aktif. Keadaan ini berlaku kerana terdapat layanan yang tidak sama rata di antara undang-undang wakaf dan kuasa pasaran di dalam pasaran hartanah (Mohammad Tahir Sabit, 2008). Selain dari itu, masalah pengurusan dan kekurangan dana dalam Majlis Agama Islam yang berperanan sebagai *mutawalli* tunggal dalam pengurusan wakaf di Malaysia selama ini juga dilihat sebagai sebab harta wakaf dibiarkan tidak produktif (Muhammand Yusuf Salem, 2006). Selain daripada itu, kebanyakan harta wakaf yang baik dan berpotensi tidak dijaga

dan dibangunkan dengan baik kerana kekurangan dana. Untuk mengatasi ini sumber dana perlu diwujudkan dalam usaha mengekalkan serta menambah baik harta wakaf sedia ada. Antara sumber dana yang boleh diwujudkan dalam membantu menyelesaikan perkara ini adalah wakaf tunai ataupun penerbitan sukuk musyarakah (Abul Hassan dan Mr. Mohammad Abdus Shahid, 2010).

Persoalan tanah wakaf yang tidak diuruskan dengan baik berkaitan pengkategorianya juga dilihat sebagai sebab kurangnya tarikan pelaburan untuk membangunkannya. Wakaf perlu ditentukan kawasan manakah yang berpotensi dimajukan secara komersional dan sebaliknya (Norhaliza bt Mohd Nor dan Mustafa Omar Mohammed, 2009). Habibollah Salarzahi, Hamed Armesh serta Davoud Nikbin (2010) menyatakan bahawa wakaf dilihat sebagai satu alat yang boleh digunakan dalam pengagihan kekayaan melalui usahawan di dalam sesebuah masyarakat. Namun, apa yang menjadi permasalahan di sini ialah dari segi pengurusannya kerana ia memerlukan kemahiran perniagaan yang berterusan serta tingkat inovasi yang tinggi. Kemahiran tersebut amat diperlukan bagi membolehkannya bersaing dengan institusi lain dalam pasaran. Pembangunan sumber perlu dilakukan tetapi ia juga memerlukan dana.

Bagi mengatasi kekurangan dana maka pihak Majlis Agama telah menubuhkan dana wakaf daripada sumbangan wakaf tunai. Pihak pengurusan seterusnya perlu merancang sesuatu projek yang dibiayai menggunakan dana wakaf tunai terutamanya projek yang dapat menjana pendapatan supaya dana yang ada dapat digunakan secara berterusan untuk membangun harta wakaf. Pembangunan sedemikian akan dapat memajukan ekonomi dan mengurangkan kadar pengangguran di sesebuah kawasan (Kefa Chesire Chepkwony, 2008). Di Malaysia projek seperti ini sebenarnya telah mula dijalankan. Projek-projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan di Malaysia masa kini kebanyakannya menggunakan dana wakaf dan dana yang diperolehi hasil pulangan dan keuntungan daripada dari kumpulan wang dana wakaf (Asmak Ab. Rahman, 2009). Sehubungan dengan ini, pembentukan dana wakaf yang sememangnya selari dengan keperluan sosio-ekonomi negara dijangkakan dapat menjana keuntungan yang tinggi dan dalam masa yang sama dapat meringankan bebanan kewangan yang ditanggung oleh MAIN dalam membiayai pembangunan harta wakaf (Siti Mashitoh Mahamood, 2008).

Bagi mengurangkan beban MAIN dan mengatasi kekurangan dana wakaf maka pihak kerajaan telah memberi peruntukan dalam agenda rancangan pembangunan ekonomi khusus untuk pembangunan wakaf. Peruntukan yang diberi adalah untuk memastikan bahawa peranan wakaf dalam proses pembangunan ekonomi negara dapat dijalankan secara berterusan.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan kajian lepas yang dinyatakan di atas ialah kebanyakan kajian mendapati bahawa masalah sistem pengurusan yang kurang cekap berlaku kerana berlakunya kekurangan dana. Ini menyebabkan banyak harta wakaf khususnya tanah wakaf tinggal terbiar dan tidak aktif. Masalah kekurangan dana ini telah cuba diatasi dengan mewujudkan dana wakaf dari wakaf tunai. Namun demikian kewujudan dana wakaf tersebut sebenarnya masih tidak mencukupi untuk menampung kelangsungan pembangunan wakaf mengakibatkan wakaf tidak berperanan dalam pembangunan negara. Peruntukan khas telah diberikan agar peranan dan sumbangan tanah wakaf dalam pembangunan negara dapat dipertingkatkan. Peruntukan khas tersebut telah memberi gambaran akan kepentingan wakaf dengan memasukkan wakaf dalam agenda pembangunan ekonomi negara.

PERUNTUKAN KHAS WAKAF DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA

Masalah utama dalam membangun tanah dan harta wakaf adalah kekurangan dana. Untuk mengatasi masalah ini maka dana wakaf telah ditubuhkan yang diperolehi daripada wakaf tunai. Hasil kutipan wakaf tunai ini akan dimasukkan ke dalam akaun dikenali sebagai dana *taslim* sebagai deposit. Wang tunai yang terkumpul di dalam dana *taslim* ini akan di bahagikan kepada 2 bahagian iaitu pertama untuk di salurkan kepada mana-mana pelaburan yang menguntungkan dan kedua untuk membeli harta tak alih seperti tanah ataupun bangunan di mana di atas harta tersebut, pelbagai projek sosial dan projek ekonomi boleh di jalankan. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan dan projek yang di jalankan akan di salurkan kedalam akaun iaitu dana *tawzi'* untuk menambahkan lagi jumlah dana. Namun demikian jumlah dana dalam dana wakaf masih tidak mencukupi.

Kerajaan telah mula sedar akan kepentingan harta wakaf di dalam pembangunan ekonomi negara. Pada mulanya kerajaan telah menubuhkan

beberapa institusi yang di rasakan dapat menguruskan harta wakaf ini dengan lebih cekap dan berkesan seperti JAWHAR dan juga Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), memandangkan terdapat banyak harta wakaf yang tidak aktif dan terbiar sedangkan tanah wakaf yang sedia ada adalah banyak dan berpotensi untuk dibangunkan. **Jadual 1** menunjukkan statistik keluasan tanah wakaf di Malaysia mengikut jenis wakaf:

Jadual 1: Jumlah dan Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Penjenisan

	Bilangan	Luas (Hektar)	Nilai (RM)
Wakaf Am	996	6925.17	22,399,983.01
Wakaf Khas	4744	9825.93	89,013,906.84
Jumlah	5740	16751.10	111413889.85

Sumber: Portal e-Bayanat JAWHAR

Dari **Jadual 1**, dapat dilihat bahawa bilangan tanah wakaf am yang terdapat di Malaysia adalah sebanyak 996 unit tanah dan seluas 6925.17 hektar manakala tanah wakaf khas adalah lebih banyak berbanding wakaf am iaitu sebanyak 4744 unit dan seluas 9825.93 hektar. Nilai keseluruhan tanah wakaf adalah dianggarkan sebanyak RM111,413,889.85.

Lantaran itu kerajaan juga telah meletakkan nilai peruntukan yang sewajarnya ke dalam RMK-9 dan juga RMK-10 bagi tujuan pengurusan harta tersebut. Selain itu juga peruntukan turut di masukkan ke dalam bajet 2010 dan dengan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan maka institusi wakaf giat menjalankan projek pembangunan.

Pada mulanya, banyak persoalan ditimbulkan berkaitan dengan hukum apabila kerajaan menyediakan dana pembangunan untuk harta wakaf di bawah program Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Isu yang telah dibangkitkan ialah, apakah status kerajaan persekutuan di dalam pembangunan tanah wakaf dan juga siapakah pemegang amanah dana pembangunan tersebut. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengadakan muzakarah untuk kali ke-77 yang bersidang

pada 10 April sehingga 12 April 2007 bagi membincangkan hukum berkaitan Pembangunan Tanah Wakaf di bawah RMK-9. Muzakarah tersebut telah memutuskan bahawa Kerajaan persekutuan boleh dianggap sebagai pewakaf dengan syarat peruntukan yang disediakan untuk mambangunkan tanah wakaf diniatkan untuk wakaf. Oleh itu:

- i. Sebagai pewakaf kerajaan berhak menentukan syarat-syarat harta yang diwakafkan. Sungguhpun begitu, perlantikan nazir tidak dibenarkan kerana bercanggah dengan Enakmen sedia ada; dan
- ii. JAWHAR boleh menjadi pemegang amanah dana Program Pembangunan Harta Wakaf RMK-9 melalui entiti wakaf kebangsaan iaitu YWM yang ditubuhkan menerusi usahasama ekonomi dengan MAIN dengan syarat mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak. Berdasarkan kepada keputusan tersebut maka peruntukan khas telah disediakan ke atas institusi wakaf:

Peruntukan dibawah Rancangan Malaysia.

i. RMK-9

Pemegang Amanah

Di dalam konteks pembangunan tanah wakaf ini, selain JAWHAR yang menjadi pemegang amanah dana program pembanguan harta wakaf RMK-9, tanggungjawab turut diberikan kepada MAIN yang juga merupakan pemegang amanah tunggal di peringkat negeri dan juga YWM yang berfungsi sebagai pelengkap pentadbiran tanah wakaf di Malaysia.

Bagi membolehkan peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK 9) disalurkan untuk membiayai projek pembangunan di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), ianya memerlukan dua ikatan perjanjian iaitu Perjanjian Pajakan Tanah serta Perjanjian Pembangunan Tanah. Menurut Abdul Fatah, Penolong Pengarah Jurutera di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) perjanjian pajakan tanah dilakukan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah bagi memudahkan penyaluran dana yang disediakan oleh kerajaan persekutuan di atas tujuan pembangunan tanah wakaf. Perjanjian pajakan ini berlaku hanya dalam tempoh pembangunan sahaja. Tempoh pajakan adalah sehingga aktiviti

pembangunan dan pembinaan tersebut selesai. Setelah itu, tanah wakaf serta bangunan yang telah dibina itu akan dikembalikan semula kepada pemegang amanah tunggal harta wakaf iaitu MAIN.

PTP merupakan tuan punya berdaftar ke atas tanah-tanah milik Persekutuan dan sebagai Pegawai Pengawal kepada tanah-tanah rizab persekutuan. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) pula telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan tanah-tanah tersebut bersama dengan Kementerian serta Jabatan Persekutuan yang menggunakan tanah berkenaan. Permohonan pajakan akan dikemukakan secara bertulis terus kepada JKPTG. Setiap permohonan yang diterima akan diproses mengikut Prosedur Memproses Permohonan Pajakan JKPTG.

Penyaluran dana daripada kerajaan persekutuan di bawah RMK-9 akan berlaku apabila kerajaan persekutuan mendapatkan kepentingan tanah tersebut dengan memajak tanah tersebut menerusi PTP. Perjanjian pajakan tersebut akan menyebabkan tanah milik MAIN itu menjadi milik JAWHAR dalam tempoh pembangunan. Memandangkan JAWHAR merupakan badan kerajaan maka dana yang diperuntukkan untuk pembangunan tersebut dapat di salurkan dengan mudah. Perjanjian Pajakan terlaksana apabila PTP didaftarkan sebagai pemegang pajakan. JAWHAR yang bertindak sebagai satu badan yang melakukan pembangunan di atas tanah tersebut akan menandatangani perjanjian pembangunan tanah dengan pihak MAIN.

Jumlah Peruntukan

Di bawah RMK-9, siling yang diperuntukkan kepada JAWHAR adalah sebanyak RM256.5 juta bagi melaksanakan 23 projek yang melibatkan 19 projek fizikal dan 4 projek bukan fizikal. Peruntukan yang disediakan kepada projek fizikal adalah sebanyak RM244.0 juta manakala untuk projek bukan fizikal adalah sebanyak RM12.5 juta. **Jadual 2** berikut merupakan agihan peruntukan program pembangunan RMK 9 untuk projek fizikal mengikut negeri:

Jadual 2: Agihan dan Peruntukan Untuk Projek Fizikal RMK-9

Negeri	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan (RM Juta)
Selangor	1	4
Perlis	1	4
Pulau Pinang	3	69.62
Terengganu	2	43.5
Kelantan	2	21
Negeri Sembilan	2	20
Perak	2	19.6
Johor	2	18
Melaka	1	22.2
Kedah	2	12.08
Serawak	1	10
Jumlah	19	244

Sumber: JAWHAR

Peruntukan yang di beri adalah berdasarkan bilangan projek yang di jalankan serta jenis projek yang dirancang. Seperti yang dapat dilihat di dalam **Jadual 2** diatas, Negeri Pulau Pinang telah di peruntukkan jumlah yang terbanyak iaitu RM69.62 juta manakala Negeri Selangor dan Negeri Perlis pula mendapat peruntukan yang paling sedikit iaitu RM4 juta setiap satu. Negeri Pulau Pinang mendapat peruntukan yang paling banyak disebabkan oleh terdapat 3 buah projek yang bakal dilaksanakan iaitu Kompleks Pendidikan Al-Mashoor di Balik Pulau, kediaman kos sederhana rendah di Sungai Nibong dan juga unit kediaman kos sederhana rendah Kg. Makam di Georgetown. Sementara di Negeri Selangor dan juga Negeri Perlis, hanya terdapat satu sahaja projek yang dirancang iaitu projek Kompleks Wakaf di Seksyen 9 Hulu Langat Selangor serta projek rumah kedai di Mukim Utan Aji, Kangar Perlis.

Sehingga kini, dua projek telah berjaya disiapkan pada tahun 2009 iaitu projek asrama anak yatim, Mukim Derga, Alor Setar, Kedah yang telah pun memulakan operasinya pada 9 disember 2009 dan juga penyediaan

tapak untuk pembinaan Kompleks Wakaf di Seksyen 9, Kajang, Hulu Langat, Selangor (kerja tanah). Dua lagi projek fizikal juga baru disiapkan dalam tahun 2010 iaitu projek asrama anak yatim, Bukit Machang pada 15 April 2010 dan Projek Ruang Niaga Tambun pada 21 April 2010. Projek yang selebihnya dijangka akan dapat disiapkan pada tahun hadapan iaitu tahun 2011. Baki daripada keseluruhan jumlah peruntukan program pembangunan RMK-9 iaitu sebanyak RM12.5 juta pula di agihkan untuk pelaksanaan 4 projek bukan fizikal seperti **Jadual 3**.

Jadual 3: Peruntukan Untuk Projek Bukan Fizikal RMK 9

Nama Projek	Peruntukan (RM Juta)
Entiti Wakaf Kebangsaan (Sumbangan Modal)	4.5
Gerakan Pemantapan Baitulmal Kebangsaan	1.5
Pembangunan Sistem e-Wakaf dan Kajian Pewakafan	0.5
Penyusunan Semula Masyarakat di Kg Makam, Georgetown, Pulau Pinang	6.0
Jumlah	12.5

Sumber: Ujana Wakaf Siri 1 Bil 1/2009

Peruntukan RM4.5 juta bagi projek entiti wakaf kebangsaan adalah merupakan geran pelancaran kerajaan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). YWM pada masa ini telah melancarkan produk sulungnya iaitu Skim Wakaf Tunai Malaysia (SWTM). Sementara peruntukan RM6 juta bagi projek penyusunan semula masyarakat di Kampung Makam Georgetown, Pulau Pinang adalah merupakan bayaran saguhati pemindahan penduduk di Kampung Makam yang terlibat dengan projek pembinaan kediaman kos sederhana rendah yang akan di buat di atas tapak yang sama.³ Manakala peruntukan sebanyak RM1.5 juta yang dikhaskan untuk program gerakan pemantapan Baitulmal kebangsaan pula telah berjalan dengan jaya dengan perasmian Konvensyen Baitulmal Kebangsaan pada tahun 2009 yang lalu. Sehubungan dengan ini, pembangunan sistem e-Wakaf telah dijalankan bertujuan untuk memudahkan lagi pengurusan dan pembangunan harta wakaf dengan cara atas talian memandangkan pada masa ini sistem teknologi maklumat sedang berkembang pesat.

ii. RMK-10

Kepesatan pembangunan harta wakaf yang dijalankan di bawah Program Pembangunan Hartanah Wakaf RMK-9 telah menunjukkan pertumbuhan yang positif dan memberangsangkan setakat ini. Ia juga merupakan kejayaan hasil kerjasama pihak JAWHAR yang mewakili kerajaan pusat serta pihak MAIN yang mewakili kerajaan negeri dalam usaha untuk membangun dan memajukan tanah wakaf. Inisiatif ini merupakan yang julung-julung kalinya yang melibatkan peruntukan daripada kerajaan persekutuan dan peluang yang diberikan oleh kerajaan persekutuan ini tidak dipersiapkan oleh mereka yang terlibat dalam pengurusan harta wakaf ini. berlandaskan prestasi pelaksanaan projek RMK-9 sebagai kayu pengukur dan sokongan kepada pihak JAWHAR untuk memohon sejumlah peruntukan di bawah RMK-10 pula.

Pada tahun 2009, pihak JAWHAR telah menyediakan satu plan rancangan permohonan peruntukan di bawah program RMK-10 yang melibatkan 68 projek fizikal serta 4 projek bukan fizikal yang berjumlah RM1,896.75 juta. **Jadual 4** menunjukkan peruntukan yang diperlukan oleh setiap negeri untuk membangunkan harta wakaf yang terdapat dalam setiap negeri tersebut.

Jadual 4: Cadangan Peruntukan RMK-10

Negeri	Jumlah Projek	Jumlah Peruntukan (RM Juta)
Kedah	7	98
Pulau Pinang	8	275.25
Perak	6	180
Kelantan	7	140.5
Terengganu	6	61
Pahang	1	20
Selangor	5	465
WP Kuala Lumpur	3	55
Negeri Sembilan	8	99
Melaka	5	88
Johor	5	90
Sarawak	3	105
Sabah	1	100
Perlis	3	50
Jumlah	68	1826.75

Sumber: Ujana Wakaf Siri 4, Bil 4/2009

Baki RM70 juta daripada jumlah peruntukan itu pula akan disalurkan kepada 4 buah projek yang berbentuk bukan fizikal. Peruntukan ini dibuat berdasarkan permohonan MAIN di setiap negeri yang ingin melaksanakan projek di atas tanah wakaf yang terdapat di negeri masing-masing yang dirasakan strategik dan berdaya maju.

iii. Peruntukan Bajet 2010

Di bawah peruntukan Bajet 2010, MAIN dan YWM akan bersama-sama membangun dan memajukan tanah wakaf di Malaysia. Perdana Menteri Malaysia pada pembentangan Bajet 2010 telah meluluskan peruntukan awal sebanyak RM 20 juta bagi program pembangunan harta wakaf melalui YWM. Selari dengan salah satu daripada objektif penubuhan YWM iaitu untuk mengurangkan jurang kemiskinan maka projek yang di sasaran di bawah Bajet 2010 adalah bertujuan memanfaatkan masyarakat secara langsung daripada pembangunan yang dilaksanakan dengan pembinaan Wakaf Mart dan Bazar Rakyat MAIN. Pembinaan Wakaf Mart dan Bazar Rakyat ini dilihat dapat membuka banyak peluang pekerjaan kepada golongan yang menganggur dan yang berpendapatan rendah agar dapat meningkatkan taraf hidup mereka dengan berniaga.

Berikut merupakan contoh senarai projek yang dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor di bawah program pembangunan Wakaf Mart dan Bazar Rakyat yang dilaksanakan oleh YWM:

<p>WP Kuala Lumpur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Saidina Hamzah, Kg. Batu Muda • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Abd Rahman Bin Auf, Puchong • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid An-Najihin, Bandar Tasek Permaisuri, Cheras • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Imam Al-Ghazali, Manjalara, Kepong • Bazar Wakaf Rakyat (kios) di Masjid Putra, Putrajaya • Bazar Wakaf Rakyat (kios) di Masjid Negara • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati
-------------------------------	--

Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • 5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Jamek Daerah Hulu Langat, Kajang • 5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi • 5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Al-Raudhah, Pekan Tanjung Karang • 5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Al-Azim, Pandan Indah, Ampang • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid As-Solihin, Kg. Kanchong Darat, Banting
-----------------	--

Sumber: Yayasan Waqaf Malaysia

Jumlah keseluruhan projek yang bakal dilaksanakan dibawah peruntukan RM20 juta ini adalah sebanyak 66 unit bazaar Wakaf Rakyat dan 3 unit Wakaf Mart. W keperluan harian dengan harga kompetitif dan stok dibekalkan oleh pengilang atau pembekal barang manakala bazar wakaf rakyat pula merupakan ruang niaga yang menyediakan pelbagai jenis perniagaan untuk orang ramai dan di usahakan oleh usahawan muslim, golongan fakir dan asnaf untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Di samping itu juga projek ini dilihat dapat membantu dalam meningkatkan pendapatan isi rumah dan sosio-ekonomi ummah.

Lokasi pembinaan wakaf mart dan bazar wakaf rakyat ini adalah di dalam kawasan masjid yang terletak samada di bandar mahupun di luar bandar. Pemilihan lokasi adalah berdasarkan beberapa ciri-ciri yang telah digariskan. Antaranya ialah melihat kepada kadar penduduk di kawasan itu serta kadar kesesakan lalu lintas di kawasan terbabit. Apabila unit-unit perniagaan ini telah siap di bina, ianya akan disewakan kepada fakir miskin, asnaf dan juga penganggur bagi menjalankan perniagaan di situ. Hasil keuntungan perniagaan adalah milik penyewa dan hasil daripada sewaan unit akan diberikan kepada masjid untuk kegunaan pembangunan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, banyak perubahan telah dilakukan terhadap isu pengurusan dan pembangunan harta wakaf ini dari semasa ke semasa berikutan timbulnya kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat dan pemimpin negara. Perubahan positif yang dilaksanakan kebelakangan ini banyak memberi kesan kepada masyarakat umumnya. Ia juga turut memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan wujudnya pelbagai jenis pelaburan samada dalam bentuk dana mahupun pembinaan beberapa projek yang dapat menjana pendapatan terutamanya kepada masyarakat Islam.

Kerajaan juga didapati telah menyedari prihal pentingnya melibatkan sama institusi wakaf dalam arus perdana pembangunan ekonomi dengan memberi peruntukan khas untuk pembangunan wakaf. Oleh itu, institusi wakaf kini terlibat secara langsung dan tidak lagi terpinggir dalam agenda pembangunan negara. Ia dijangka akan dapat memberi impak besar kepada pembangunan khususnya pembangunan umat Islam di Malaysia.

RUJUKAN

Abdul Ghafar Ismail & Noraziah Che Arshad (2009). *Pengurusan Zakat Dan Wakaf Di Malaysia: Satu Langkah Ke Hadapan*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.3, No.2).

Abdul Halim Ramli (2005). *Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Cabaran Dan Masa Depan*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, Shah Alam Selangor.

Abu Bakar Manat (2007). *Isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.1, No.1).

Abul Hassan and Mohammad Abdus Shahid. (2010). *Management and Development of The Awqaf Assets*. Seventh International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy.

Asmak Ab Rahman. (2009). *Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia*. Jurnal Syariah Jilid 17 Bil. 1.

Azri Ahmad (2008). *Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Waqaf Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.2, No.2).

Baharuddin Sayin, Asmak Ali dan S. Salahudin Suyurno (2006). *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf Dalam Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Habibollah Salarzahi, Hamed Armesh, Davoud Nikbin. (2010). *Waqf as A Social Entrepreneurship Model in Islam*. International Journal of Bussiness and Management (Vol 5, No 7).

Hasnol Zam Zam Ahmad (2007). *Cabaran Dalam Mempertingkatkan Potensi Pembangunan Tanah Wakaf*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.1, No.1).

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. 2006. *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. 2008. *Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf*.

JAWHAR. *Ujana Wakaf Siri 1 Bil. 1/2009*.

JAWHAR. *Ujana Wakaf Siri 2 Bil. 2/2009.*

JAWHAR. *Ujana Wakaf Siri 3 Bil. 3/2009.*

JAWHAR. *Ujana Wakaf Siri 4 Bil. 4/2009.*

JAWHAR. *Ujana Wakaf Siri 5 Bil. 5/2009.*

JAWHAR. *Ujana Wakaf Siri 6 Bil. 6/2009.*

JAWHAR. *Ujana Wakaf Siri 7 Bil. 1/2010.*

Kefa Chesire Chepkwony. April (2008). *Islamic Philanthropy: The Case of Waqf In Poverty Alleviation and Social Economic Development.* Master In International Studies In Philanthropy And Social Entrepreneurships, Bologna University.

Magda Ismail Abdel Mohsin (2009). *Cash Waqf, A New Financial Product.* Prentice Hall.

MAIN. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.*

MAIN. *Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.*

Megat Mohd. Ghazali et. al., (2006). *Pembangunan Tanah Wakaf: Isu, Prospek dan Strategi.* Kertas kerja dalam Konvensyen Wakaf Kebangsaan anjuran JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri.

Mohamad Akram Ladin, Mek Wok Mahmud & Mohd. Fuad Sawari (2008). *Maqasid Syariah Dalam Perlaksanaan Wakaf.* Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.2, No.2, 2008).

Mohd Afendi Mat Rani (2010). *Mekanisme Istibdal Dalam Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Terhadap Isu Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak Berkuasa Negeri Di Malaysia.* Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.4, No.1, 2010).

Mohd Ridzuan Awang (2010). *Konsep Istibdal: Sejauhmana Amalannya Di Malaysia.* Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.4, No.1, 2010).

Muhammad Abu Zahrah (2007). *Wakaf Menurut Agama dan Undang-undang.* Jasmin Enterprise.

Norhazimah Che Hassan (2007). *Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Penelitian*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.2, No.1, 2008).

Rohayu Abdul Ghani & Razali Othman (2009). *Kuasa Barat Dan Implikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.3, No.2, 2009).

Siti Mashitoh Mahamood (2006). *Perundangan Wakaf dan Isu-Isu Berbangkit*. Kertas Kerja dalam Konvensyen Wakaf Kebangsaan, anjuran JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri.

Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hasan Bahrom (2008). *Mekanisme Wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan dan Pembiayaan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol.2, No.2, 2008).

IBADAH HAJI PERJALANAN MENUJU KE ARAH PENDIDIKAN SPIRITUAL: SATU ANALISIS MENURUT PANDANGAN IMAM AL-GHAZALI

Oleh:

Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin¹
Khairul Asfani Nasir²

ABSTRAK

Penjelasan Imam Al-Ghazali tentang ibadah haji sangat menarik kerana ibadah haji tidak disempitkan dengan amalan zahiriah semata-mata malah dikaitkan dengan bijaksana kesan dan manfaat ibadah haji dalam mendidik hujaj menjadi manusia yang benar-benar bertakwa kepada Allah S.W.T. Halatuju dan matlamat terakhir ibadah manusia untuk mengangkat martabat manusia sebagai insan yang beriman dan bertakwa dapat dirasai apabila menyelami karya Imam Al-Ghazali. Sesungguhnya analisis ibadah haji daripada pandangan Imam Al-Ghazali dapat membantu para hujaj menyedari hakikat diri yang sebenarnya dalam perjalanan spritual ibadah haji. Biarpun Imam Al-Ghazali telah kembali ke rahmatullah namun roh ilmu yang ditinggalkan dalam karyanya; rahsia ibadah haji, dapat melahirkan hujaj yang bertakwa kepada Allah S.W.T. bukannya hujaj yang inginkan gelaran "Haji".

Perkataan Teras : Ibadah Haji, Al-Ghazali

Klasifikasi JEL : Y40, Z11, Z12

¹ Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Minden 11800, Pulau Pinang, emel: abdullah@usm.my.

² Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Minden 11800, Pulau Pinang.

PENDAHULUAN

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ibadah haji di sebalik perjalanan fizikal tersirat rahsia perjalanan ruhani menuju rumah Allah S.W.T. Hakikat haji bukanlah kunjungan biasa terserlah jika mengikuti prosedur perjalanan haji yang dikenali sebagai manasik haji (C. Ramli Bihar Anwar 2004:5).

Sesungguhnya haji mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam Islam kerana ibadah haji adalah puncak ketundukan (keislaman) seorang hamba kepada Allah S.W.T. Menurut Imam Ghazali (1992) dengan menyempurnakan ibadah haji maka akan tersempurna pulalah Islam seseorang itu dan lengkaplah agamanya. Justeru, ibadah haji mempunyai nilai spiritual yang tinggi dari segi pengabdian diri kepada kehendak Allah S.W.T. yakni tanda Islam atau penyerahan diri yang suci sejati.

Ibadah haji bukan sekadar ibadat zahir semata-mata seperti niat berihram, tawaf, sa'ie, wukuf di Arafah dan sebagainya tetapi di sebalik ibadat zahir tersebut terkandung nilai-nilai pendidikan spiritual yang tinggi. Imam Al-Ghazali R.A. telah menghuraikan secara mendalam rahsia dan kemanisan spiritual yang terkandung dalam ibadah haji terutamanya dalam dua buah karyanya yang terkenal iaitu *Ihya' Ulumuddin* (1992) dan *Mua'izatul-Mu'minin-Min Ihya Ulumuddin* (ringkasan *Ihya' Ulumiddin*) yang bertajuk '*Bimbingan Mukminin*' (1993).

PENDIDIKAN SPIRITUAL

Pendidikan spiritual adalah pendidikan yang berkaitan dengan metafizika Islam. Metafizika Islam adalah sintesis antara idea dan teori yang secara tradisionalnya dianuti oleh para teolog (mutakallimun), ahli falsafah (hukama) dan sufi (sufiyyah atau ahli tasawuf). Al-Attas menegaskan bahawa metafizika adalah berpijak pada pemahaman tentang Al-Quran dan As-Sunnah. Kendatipun metafizika Islam diterangkan dengan benar oleh para cendekiawan sufi namun banyak yang disalah fahami (Wan Mohd. Nor Wan Daud 2008:30-31).

Dalam menjelaskan perjalanan ke arah pendidikan spiritual, Al-Ghazali menegaskan bahawa jalan ahli sufi dapat terlaksana dengan sempurna hasil ilmu dan amal (Shaleh Ahmad Asy-Syami 2004: 139).

Biografi Imam Ghazali

Nama penuhnya ialah Abu Hamid Muhammad b. Muhammad b. Ahmad Al-Ghazali Al-Tusi Al-Shafie (Osman Bakar 1997: 196). Beliau dilahirkan pada tahun 450H/1058M di sebuah kampung Ghazalah, pinggir kota kecil yang bernama Tus, berdekatan bandar Meshad di Wilayah Khurasan. (Al-Ghazali 1993: 15).

Al-Ghazali merupakan tokoh ahli fikir dan sufi yang terkenal bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam malah bagi masyarakat bukan Islam. Kehebatan Al-Ghazali telah memberi kesan mendalam di jiwa umat Islam dari segi pemikiran, budi pekerti dan pendidikan. Keilmuannya sangat luas lagi mendalam khususnya dalam bidang tasawuf dan pendidikan (Abdul Salam Yussof 2003: 1).

Pada pagi Isnin 14 Jamadilakhir 505H / 19 Disember 1111M, Al-Ghazali meninggal dunia di tempat kelahirannya sendiri. Menurut Abu Al-Farj Ibnu Al-Jauzi dalam bukunya *Al-Thabat Ind Al-Mamat* memetik Ahmad iaitu adik Al-Ghazali sebagai berkata: Pada waktu subuh hari Isnin abangku Abu Hamid mengambil wuduk lalu bersembahyang. Kemudian dia berkata "Bawakan kain kapanku", lalu diambil dan dicium serta diletakkan di mata sambil berkata lagi "Aku patuh dan taat untuk masuk kepada malaikat." Kemudian Al-Ghazali mengunjurkan kakinya dan mengadap ke kiblat dan meninggal dunia sebelum matahari terbit.

Pendek kata, walaupun Al-Ghazali pernah dipersembahkan dengan harta kekayaan tetapi beliau enggan menerima, beliau redha dengan kadar rezeki yang dapat membantu agamanya dan tidak memerlukan untuk meminta atau hidup atas simpati orang lain (Adil Za'bub 1993: 25).

Karya Agung Imam al-Ghazali: Ihya Ulum Al-Din

Kitab Agung, *Ihya Ulum Al-Din* merupakan karya Al-Ghazali yang terbesar dan amat berpengaruh dalam kalangan umat Islam telah dikarang antara tahun 489H dan 495H. Ihya adalah salah satu sumber utama ilmu fikah dan tasawuf. Al-Ghazali sedar perlu wujud suasana harmoni antara ahli fikah dan ahli sufi serta ajaran tasawuf yang dipengaruhi pelbagai unsur wajib dikembalikan kepada ajaran syaria Islam yang sebenarnya, justeru Al-Ghazali mengarang kitab Ihya. Huraian fikah bercorak Syafiie dan teologinya bercorak Asya'ari. Tegasnya Al-Ghazali membahagikan ilmu kepada ilmu yang zahir dan ilmu yang batin agar pembaca bukan sahaja menghayati ibadah secara formal malah dapat menangkap rahsia-rahsia serta hikmat yang tersembunyi di sebaliknya (Abdul Salam Yussof 2003: 23-24).

Al-Ghazali membentangkan Islam dalam kitab *Ihya Ulum Al-Din* pandangan yang menyeluruh. Beliau menegaskan sebagaimana manusia terdiri daripada tubuh, roh dan akal demikian juga Islam bertindak balas manusia pada tiga aspeknya dalam kordinasi yang menakjubkan (Shaleh Ahmad Asy-Syami 2004: 153).

Analisis Al-Ghazali: Ibadah Haji ke Arah Pendidikan Spiritual

1. Keutamaan Makkah sebagai Tempat Suci

Imam Al-Ghazali telah memetik beberapa ayat Al-Quran dan Hadis dalam membicarakan tentang keutamaan Makkah sebagai tempat suci yang mempunyai nilai pendidikan spiritual yang tinggi. Antaranya ialah

Firman Allah S.W.T.:

“Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, niscaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan mengenderai unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh. (27). Supaya mereka menyaksikan berbagai

manfaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang telah ditentukan ... (28)

(Surah Al-Haj: Ayat 27-28)

Ibnu Kathir (1998: 192) menghuraikan ayat ini dengan menyatakan bahawa Allah S.W.T. menyuruh Nabi Ibrahim A.S. supaya menyeru sekalian manusia dan memanggil mereka datang ke Makkah untuk menunaikan ibadat haji di tempat suci tersebut iaitu Baitullah (Kaabah) yang mana Allah S.W.T. telah memerintahkan Nabi Ibrahim membinanya (Kaabah).

Pada ayat kedua pula Ibnu Kathir (1998: 193) menerangkan kelebihan yang akan diperolehi oleh mereka yang mengunjunginya. Beliau membahagikan kepada dua iaitu kelebihan duniawi dan ukhrawi. Kelebihan ukhrawi adalah keredhaan Allah S.W.T. manakala manfaat duniawi adalah terdiri daripada kesihatan tubuh badan, aktiviti penyembelihan binatang ternakan dan perniagaan.

Berdasarkan tafsiran ayat ini, jelas bahawa Imam Al-Ghazali memilih ayat ini untuk meletakkan satu asas kefahaman bahawa Makkah adalah bumi pilihan Allah S.W.T. bagi hamba-hamba yang mahu mendekatkan diri mereka kepadanya melalui ibadat haji. Mereka yang mengunjungi akan mendapat kelebihan duniawi dan manfaat ukhrawi melalui proses pendidikan spiritual yang terkandung dalam amalan manasik haji yang dilakukan.

Seterusnya Imam Ghazali mengemukakan beberapa petikan hadis bagi mengukuhkan kelebihan Makkah sebagai bumi yang suci dan terdapat pelbagai kelebihan spiritual. Antara hadis yang dikemukakan oleh beliau ialah:

Hadis Pertama:

“Barangsiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah dengan tidak berbuat maksiat dan dosa, maka dia akan bebas dari dosanya seperti bayi yang baru dilahirkan oleh ibunya.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadis Kedua:

“Bila seorang keluar dari rumahnya dengan niat mengerjakan ibadah haji atau umrah, kemudian dia meninggal dunia, nescaya akan dikurniakan kepada orang tersebut pahala seperti orang yang mengerjakan haji atau umrah hingga hari kiamat, dan barang siapa yang meninggal di salah satu tanah haram (Makkah atau Madinah), nescaya tidak akan ada pertanyaan untuk mereka, kecuali diperintahkan: “Masuklah kamu ke dalam syurga”.

(Riwayat Al-Baihaqi)

Hadis ketiga:

“Telah turun seratus dua puluh rahmat ke Baitullah (Kaabah) ini. Enam puluh kepada mereka yang tawaf, empat puluh kepada mereka yang solat dan dua puluh lagi kepada mereka yang melihatnya”.

(Riwayat Al-Baihaqi)

Hadis keempat:

“Banyakkan tawaf di Baitullah (Kaabah), kerana yang demikian itu akan menjadi mulia bagi catatanmu di hari kiamat serta merupakan amalan yang paling menggembirakan, yang nantinya kamu akan memperolehi pahala”

(Riwayat Al Hakim).

Selain itu, Imam Al-Ghazali juga telah mencatatkan beberapa pandangan ulama’ mengenai kelebihan Makkah sebagai bumi pendidikan spiritual. Antara petikan beliau:

“Para ulama dan para mujahid berkata: Ketika orang-orang yang akan mengerjakan haji sampai di Makkah, di sana mereka akan dijumpai oleh para malaikat yang memberi salam kepada kafilah yang baru datang itu, bersalaman dengan mereka-mereka yang menaiki keldai dan memeluk mereka-mereka yang berjalan kaki.”

“Al-Hasan pula berkata: Barangsiapa yang meninggal dunia selepas mengerjakan puasa pada bulan ramadhan, atau baru menunakan jihad atau baru pulang dari mengerjakan ibadah haji, sesungguhnya ia mati syahid.”

Sekiranya diperhatikan kepada teks-teks hadis yang dipilih oleh Imam Al-Ghazali ini serta pandangan ulama yang telah dikemukakannya, ia merupakan satu hujah yang kukuh bagi menyatakan bahawa Makkah atau Baitullah (Kaabah) merupakan satu tempat yang dimuliakan dan mempunyai banyak manfaat bagi aspek proses pendidikan spritual. Ini kerana Makkah adalah pusat aktiviti bagi ibadah haji yang banyak mengandungi amalan-amalan spiritual. Makkah dan ibadat haji tidak dapat dipisahkan. Malah jika diperhatikan kepada takrifan ibadah haji itu sendiri ia membawa maksud mengunjungi Baitullah (Kaabah) dan mengerjakan perbuatan-perbuatan tertentu pada waktu dan tempat yang telah ditetapkan seperti bertawaf di Kaabah, berwukuf di Arafah pada hari ke sembilan pada bulan Zulhijjah (Abdul Karim Zaidan 2000: 147).

2. Adab kesopanan mengerjakan ibadah haji

Imam Al-Ghazali telah mengemukakan beberapa adab kesopanan yang diterjemahkan dari sikap batin atau spiritual yang perlu diambil perhatian bagi mereka yang melaksanakan ibadah haji. Ini bertujuan bagi memastikan amalan ibadah haji yang akan dilaksanakan nanti memberikan kesan yang maksima dalam proses pendidikan spiritual diri manusia itu sendiri. Perkara ini selaras dengan pandangan Dr. Ari Ginanjar Agustian, baginya ibadah haji merupakan sebuah pelatihan yang luar biasa iaitu unsur pelatihan yang didasari oleh suara hati serta amalan haji itu sendiri. Di sinilah puncak penggabungan ketangguhan peribadi dan ketangguhan sosial bagi orang yang beriman (Ari Ginanjar Agustian 2006: 359).

Antara adap kesopanan yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali ialah:

i. Sumber perbelanjaan haji yang halal dan niat yang ikhlas

Menurut Imam Al-Ghazali, perbelanjaan yang digunakan untuk mengerjakan ibadah haji itu hendaklah dari sumber harta yang halal serta tujuan atau niat ibadah haji tersebut hendaklah semata-mata kerana Allah S.W.T.

ii. Persiapan bekalan yang mencukupi dan sederhana

Imam Al-Ghazali menyarankan agar bakal haji bersedia dengan bekalan yang mencukupi supaya ia dapat digunakan untuk bersedekah serta dibelanjakan untuk perkara kebaikan. Bekalan tersebut biarlah sederhana agar tidak terlalu bakhil atau terlalu boros.

iii. Larangan berpakaian terlalu berlebih-lebihan dan berwarna.

Imam Al-Ghazali juga melarang bakal haji untuk berpakaian terlalu berlebih-lebihan (menunjuk-nunjuk) seperti orang-orang yang angkuh dan sombong. Malah beliau melarang untuk memakai pakaian yang berwarna atau berunsur kejahatan.

iv. Bersikap ihsan terhadap kenderaan binatang yang dinaiki.

Imam Al-Ghazali menyatakan agar bakal haji mempunyai rasa belas kasihan dengan binatang yang digunakan sebagai kenderaan. Binatang tersebut tidak dibebani dengan barang yang diluar kemampuannya serta memberi ruang kepadanya untuk beristirahat.

v. Melaksanakan ibadah korban walaupun tidak diwajibkan

Bakal haji digalakkan untuk menyembelih binatang korban walau ianya tidak diwajibkan. Malah beliau menyarankan agar memilih binatang korban yang baik dan tidak cacat.

vi. Digalakkan mengerjakan haji dengan berjalan kaki bagi mereka yang mampu

Imam Al-Ghazali memberi keutamaan kepada bakal haji agar dapat mengerjakan haji dalam keadaan berjalan kaki bagi mereka yang mampu. Beliau membawa satu riwayat daripada Abdullah bin Umar yang telah berwasiat kepada anak-anaknya agar berusaha mengerjakan haji dalam keadaan berjalan kaki kerana setiap hayunan langkah akan diberikan tujuh ratus kebajikan dari Tanah Haram.

vii. Berusaha menghindarkan diri dari segala perbuatan tercela.

Imam Al-Ghazali juga menyeru agar bakal haji meninggalkan segala perbuatan tercela seperti bertengkar dan sebagainya dan sebaliknya

mengutamakan budi pekerti yang mulia dan bersopan santun seperti menahan diri daripada perbuatan sia-sia dan sabar dalam menghadapi sesuatu kesusahan.

Jika diperhatikan secara mendalam ketujuh-tujuh adap kesopanan yang disarankan oleh Imam Al-Ghazali kepada bakal Jemaah haji, maka didapati terdapat suatu proses pendidikan spiritual yang mahu diutarakan oleh beliau. Setiap saranan tersebut mempunyai tujuan dan asasnya dalam mendidik dan membina individu yang mempunyai kekuatan spiritual. Kesimpulan yang dapat diterjemahkan daripada setiap saranan tersebut ialah:

- a. Saranan pertama menjurus kepada kepentingan kesucian harta dan keikhlasan hati.
- b. Saranan yang kedua menjurus kepada pembinaan sifat qanaah atau berpada-pada.
- c. Saranan yang ketiga menjurus kepada pembentukan sifat tawaduk dan merendah diri.
- d. Saranan yang keempat menjurus kepada pemupukan sifat ihsan dan prihatin dalam jiwa manusia.
- e. Saranan yang keenam menjurus kepada keperluan sifat suka berkorban dan mengikis tabiat kedekut dan mementingkan diri sendiri.
- f. Saranan yang keenam pula menjurus kepada pembinaan sifat tamak dan belumba-lumba dalam melakukan kebaikan atau mencari ganjaran pahala.
- g. Saranan yang ketujuh menjurus kepada pengikisan sifat negatif dalam diri dan pengayaan sifat positif dalam jiwa manusia.

Justeru jelas dari segi adab ibadah haji asasnya adalah pendidikan spiritual untuk memastikan para hujaj mencapai matlamat terakhir untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. dengan niat penuh tulus ikhlas. Adab-adab ibadah haji mampu menjana nilai pendidikan spiritual.

3. Amalan Ibadah Haji

Imam Al-Ghazali menjelaskan amalan ibadah bermula dari kedudukan haji dalam agama dari segi pemahaman, kerinduan dan keazaman. Seterusnya pemutusan segala hubungan duniawi, pembekalan yang halal, nikmat kenderaan (kenderaan jenazah-akhirat), pembelian ihram (kain kafan), meninggalkan kampung halaman, dari segi kewajipan dan rukun-rukun menekankan bahawa amalan tersebut bukanlah amalan ritual semata-mata malah setiap kewajipan dan rukun haji mempunyai makna spiritual yang mendalam. Hakikat pendidikan spiritual dalam setiap amalan haji dikupas imam Ghazali dengan begitu terperinci agar matlamat akhir haji mencapai ketakwaan kepada Allah S.W.T. dapat direalisasikan dalam mengerjakan ibadat haji. Hal ini telah dianalisis secara ilmiah oleh Imam Al-Ghazali seperti berikut:

i. Kemuliaan *Al-Baitul Atiq* (Ka'bah)

Allah S.W.T. telah memuliakan *Al-Baitul Atiq* sebagai tanah haram yang suci serta menentukan rumah-Nya yang suci itu sebagai tempat tujuan untuk sekalian hamba-hambanya. Dijadikan rumah itu sebagai balai persembahan raja-raja yang didatangi oleh para penziarah dari segala rantau yang jauh dan dari arah yang terpencil dalam keadaan kusut masai dan tidak teratur merendahkan diri kepada tuan punya rumah suci itu semata-mata menghinakan diri kepada keagungannya. Ketika melihat rumah suci akan mengingatkan kebesaran rumah itu di dalam hati dan meletakkan penuh harapan dapat melihat Allah S.W.T., tuhan rumah suci itu, kerana perasaan mengagungkan yang timbul dalam hati terhadap rumah itu.

ii. Semasa Tawaf

Seterusnya semasa tawaf mengelilingi rumah Allah S.W.T. bahawa sewajarnya setiap hujaj perlu merasakan dirinya yang sedang tawaf di Baitullah seperti para Malaikat Muqarrabin yang sedang tawaf di Baitul Makmur yang sentiasa berada di

sekitar Arasy Allah S.W.T. dan sedang bertawaf di kelilingnya. Maksud sebenar tawaf bukanlah tawafnya tubuh badan yang kasar malah tawafnya hati sanubari dengan sentiasa mengingat kepada Allah S.W.T.

iii. Mencium Hajar Aswad dan Multazam

Semasa mencium Hajar Aswad (*Al-Istislam*) maka yakinlah bahawa hujaj berbuat janji (baiah) dengan Allah S.W.T. untuk patuh dan mentaatinya. Maka hujaj perlu berazam untuk menyempurnakan dan meneguhkan baiahnya. Kegagalan menunaikan janji dengan Allah S.W.T. akan mendapat celaan dan kemurkaan Allah S.W.T.

Semasa bergayut-gayut pada tabir-tabir Kaabah dan melekapkan tubuh di Al-Multazam melambangkan permintaan mendekati diri kepada Allah S.W.T. kerana rasa cinta dan rindu kepada rumah Allah S.W.T. itu dan mengambil berkat dengan mendekati dan bersentuhan pada tuan punya rumah tersebut. Malah berulang-ulang memohon keampunan dan keamanan dari Allah S.W.T. seolah-olah seorang banyak berdosa sedang berpaut pada pada orang yang ia berdosa kepadanya. Merayu dan mengharapkan dengan penuh tawaduk keampunannya dan keredhaannya.

iv. Sai antara Safa dan Marwah

Berulang kali pergi dan kembali untuk menunjukkan keikhlasan. Seterusnya mengharapkan perhatian Allah S.W.T. dengan pandangan penuh rahmat dan belas kasihan laksana seorang rakyat biasa yang datang menghadap raja kemudian keluar semula sedangkan dia tiada mengetahui apa yang diputuskan oleh raja itu terhadap permohonannya sama ada dikabulkan atau ditolaknya. Maka orang tersebut terus berulang-alik di halaman Istana Raja itu pergi dan kembali serta mengharapkan agar dirahmati dan dibelas kasihannya oleh Raja.

Malahan ulang-alik antara Safa dan Marwah umpama ulang-alik antara neraca kebaikan dan neraca kejahatan pada hari Kiamat. Fikiran hujaj berbolak-balik antara azab dan keampunan.

v. Wukuf di Arafah

Sewaktu mengerjakan wukuf di Arafah bersama lautan manusia yang berkumpul sambil melaungkan dalam pelbagai bahasa akan mengingatkan perkumpulan manusia pada hari Mahsyar di hari Akhirat. Masing-masing memikirkan tentang amalan sama ada diterima atau ditolak. Semasa tergambar peristiwa hari Mashsyar hati-hati menjadi kecut dan merasa tawaduk dan berserah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. Sentiasa mengharapkan agar terkumpul dalam golongan orang-orang yang bahagia dan dirahmati.

Selain itu, di tempat yang mulia itu berkumpul juga para Salihin dan orang-orang yang mempunyai hati nurani yang suci. Mereka sekalian berkumpul dengan matlamat suci murni untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. dengan penuh keikhlasan kepada Allah S.W.T. yang Maha Agung serta membersihkan hati mereka. Semua manusia menadah tangan merayu kepada Allah S.W.T. dan memandang ke langit bersatu kata dan hati memohon kerahmatan dan belas kasih Allah S.W.T. Niat mereka yang suci murni tidak akan dikecewakan dan disia-siakan oleh Allah S.W.T. malah akan dicurahkan Rahmat-Nya yang tak terhingga ke atas mereka semua.

Sesungguhnya harus menjadi peringatan hujaj bahawa adalah termasuk dalam dosa andaikata hujaj menyangka bahawa Allah S.W.T. tidak akan mengampuninya.

vi. Melontar Jamrah

Sewaktu melontar batu-batu hujaj mesti melakukan dengan niat dan maksud menurut perintah Allah S.W.T. selaku hambanya tanpa mempersoalkan dengan akal rasional. Bayangkanlah bahawa peristiwa Nabi Ibrahim A.S. yang didatangi oleh Iblis yang terkutuk untuk menimbulkan keraguan pada hatinya sewaktu menunaikan haji. Walaupun hujaj tidak dapat melihat syaitan namun sebenarnya lontaran batu-batu itu ditujukan kepada wajah syaitan agar dirinya terpelihara daripada godaan dan tipu daya syaitan.

vii. Ziarah ke Madinah

Ketika melakukan ziarah ke Madinah dan menyaksikan sekitarnya akan mengingatkan kita kepada negeri yang dipilih oleh Allah S.W.T. untuk Nabi-Nya S.A.W. Madinah adalah destinasi hijrah Nabi Muhammad S.A.W. mencari perlindungan diri dan agama di bawah naungan-Nya.

Di situlah Allah S.W.T. mensyariatkan pelbagai perintah dan seruan jihad menentang musuh-musuh yang mengancam agama-Nya. Tegasnya Madinah adalah tempat pilihan Allah S.W.T. untuk menyebarkan seruan ke seluruh alam. Makhluks-makhluks yang mulai hidup dan mati di situ bersama-sama kemuliaan yang tiada taranya.

Sepanjang perjalanan di Madinah dipenuhi ketenangan dan kemuliaan kerana inilah tempat jejak langkah manusia yang paling mulia dan dikasihi oleh Allah S.W.T. dirasai. Kecintaan dan kerinduan kepada Nabi Muhammad S.A.W. sewaktu menziarahi kuburnya mencurahkan kasih sayang serta rahmat Allah S.W.T.

Sabda Nabi Muhammad S.A.W.: “Bahawa Allah S.W.T. mewakilkan di kuburnya seorang Malaikat yang menyampaikan kepadanya salam orang yang mengirinkan salam kepadanya dari umatnya (Riwayat An-Nasai, Ibnu Hibban dan Al-Hakim dari Ibnu Masu’d). Malah Sabda Nabi Muhammad S.A.W.: Barang siapa berselawat kepada ku sekali nescaya diberikan rahmat kepadanya oleh Allah S.W.T. sepuluh kali”. (Riwayat Muslim dari Abu Hurairah)

Tegasnya setiap hujaj harus merasakan pada hatinya kemuliaan dan keagungan Madinah dan Nabi Muhammad S.A.W. Alangkah hebatnya kedudukan Madinah yakni kota Nabi S.A.W. sepertimana dikisahkan dari Abi Sulaiman yang menerangkan: Ketika Uwais Qarni R.A. mengerjakan haji dan memasuki Madinah. Tatkala ia berdiri di pintu masjid lalu dikatakan kepadanya: Inilah kuburan Nabi S.A.W., maka pengsanlah dia. Justeru ujar Imam Ghazali para hujaj hadirkanlah keagungan dan kedudukannya pada hatimu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Imam Al-Ghazali telah mengemukakan satu pandangan yang bernas dalam menterjemahkan *‘spirit’* atau hikmah yang terkandung dalam pensyariatan ibadah haji. Pandangan yang diberikan boleh dianggap salah satu proses pendidikan spiritual yang perlu difahami dan dihayati oleh setiap individu muslim yang ingin mendekati diri kepada Allah S.W.T. dan mencapai kemuncak matlamat hidup sebagai seorang mukmin-mutaqi. Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

*“Haji yang mabrur adalah lebih baik dari dunia dan isinya.
Kerana haji yang mabrur tidak ada pahala lain melainkan syurga.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Benarlah kata-kata Imam Al-Ghazali "Jangan sekali-kali melupakan urusan akhirat dalam apa sahaja yang anda saksikan. Sebab semua keadaan yang dilalui dan dialami seorang hujaj semasa melakukan ibadah haji merupakan manifestasi, contoh dan petunjuk keadaan atau senario yang akan dialami dan dilalui di alam akhirat kelak. Sesungguhnya tegas Al-Ghazali alam fizik sebenar adalah cerminan dari alam spiritual.

RUJUKAN

Abdul Karim Zaidan. 2000. *Al-Mufasssal Fi Ahkam Al-Mar'ah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.

Abdul Salam Yussof. 2003. *Imam Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Adil Za'ubub, 1993. *Imam Al-Ghazali dan Metodologi Kajiannya*. (terj. Osman Khalid). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Al-Ghazali 1993. *Al-Munqidh Min Al-Dhalal Wal Mufsih Bil Ahwal*. (Disemak Semula oleh Sameh Daghim). Beirut: Darul Fikr al-Lubnani.

Al-Ghazali. 1992. *Ihya' Ulumuddin*. (Jilid 1) (terj. Tk. H. Ismail Yakub MA). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Al-Ghazali. 1993. *Bimbingan Mukminin (Mua'izat-ul-Mu'minin Min Ihya Ulumuddin: ringkasan Ihya' Ulumiddin)* (terj. Syaikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Ari Ginanjar Agustian 2006., *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spritual*. Jakarta: Indonesia.

C. Ramli Bihar Anwar. 2004. *ASQ (Adversity Spiritual Quotient) for Haji*. Bandung: Pustaka Ilman.

Ibn Khatir, Iman Al Hafiz 'Imaduddin. 1998. *Tafsir Al-Quran Al-'Azhim*. Beirut: Dar Ihya At Turas Al-'Arabi.

Osman Bakar. 1997. *Hierarki Ilmu Membangun Rangka Fikir Islamisasi Ilmu Menurut Al-Farabi, Al-Ghazali, dan Quthb Al-Din Al-Syirazi*. (terj. Purwanto). Bandung: Penerbit Mizan.

Shaleh Ahmad Asy-Syami. 2004. *Imam Al-Ghazali Hujattul Islam dan Pembaru Kurun ke-5 (450-505H)*. (terj. Arifin Ladari). Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

SEKTOR IJTIMAI: KE ARAH PEMANTAPAN SOSIO-EKONOMI UMMAH

Oleh:

Razali Othman¹

Rohayu Abdul Ghani, PhD²

ABSTRAK

Kelaparan, tidak mempunyai pekerjaan, tidak mempunyai tempat tinggal, buta huruf, tidak mendapat pendidikan dan tidak mendapat rawatan penyakit yang sempurna dan seumpamanya adalah merupakan masalah sosial yang telah lama wujud. Jurang pendapatan di antara penduduk miskin dengan kaya pula semakin ketara. Masalah sosial ini memberi kesan negatif kepada kehidupan manusia tanpa mengira bangsa, agama dan negara. Keadaan yang paling menyedihkan pula ialah 53% negara yang paling mundur dan 46% negara paling kurang membangun adalah terdiri daripada kalangan negara-negara Islam. Berdasarkan senario ini, konsep ijtimai iaitu kesejahteraan sosial sebagai salah satu daripada sektor ekonomi Islam (muamalat) akan dibincangkan. Tiga komponen penting yang menjadi tunggak dalam sektor ini iaitu sedekah umum, sedekah berkekalan (wakaf) dan sedekah wajib (zakat) yang telah berkembang seiring dengan perkembangan tamadun Islam selama lebih daripada 1,400 tahun akan dilihat sebagai asas kepada jaminan dan kesejahteraan sosial ke arah penyelesaian masalah sosial yang lebih menyeluruh. Pemilikan dan penggunaan harta dalam aspek sektor ijtimai turut dikupas bagi melihat pendekatan Islam mengenainya. Seterusnya, implikasi pelaksanaan serta saranan mengukuhkan sektor ini dibincangkan dalam konteks yang lebih holistik.

Perkataan Teras : Ijtimai, Sektor Ekonomi Islam, Pemilihan dan Penggunaan Harta

Klasifikasi JEL : H53, H89, I38, O17

¹ Fellow, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM).

² Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

PENDAHULUAN

Keupayaan paling asas untuk pembangunan manusia ialah mendapat hidup yang sihat, pendidikan yang sempurna dan dapat menyertai kehidupan yang baik dalam masyarakat (Kling 2005). Kegagalan memperolehi keupayaan asas ini akan menjerumuskan seseorang itu dalam pelbagai masalah sosial seperti kemiskinan dan kemelaratan hidup seperti tiada tempat tinggal, tidak mendapat makanan yang sempurna, kesengsaraan, kesakitan yang banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor negara, budaya dan status seseorang (James 1998; Paul 1998). Masalah sosial juga banyak dicituskan oleh ketidakupayaan seseorang itu untuk mendapatkan tiga komponen asas ke arah mencapai kehidupan yang sempurna iaitu kemudahan asas, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Ketidakupayaan memenuhi ketiga-tiga komponen di atas akan menyebabkan seseorang itu dinafikan haknya bagi mencapai tahap hidup yang minima (Sadeq: 2002).

Fakta-fakta di bawah menunjukkan fenomena ini semakin tenat dan akan terus menjadi cabaran terbesar yang perlu dihadapi oleh mesyarakat dunia:

- i. Hampir satu pertiga daripada penduduk dunia di Negara Sedang Membangun hidup di bawah garis pendapatan USD1 sehari dan 3 bilion berpendapatan kurang daripada USD2 sehari. Angka ini terus meningkat kepada 100 juta orang sejak tahun 1987;
- ii. Sejumlah satu bilion penduduk dunia yang memasuki abad ke-21 hidup tanpa mempunyai kemampuan untuk membaca buku dan menulis nama mereka sendiri;
- iii. 840 juta orang pula tidak mendapat makanan yang secukupnya;
- iv. Satu billion penduduk dunia lagi tidak mendapat kemudahan air bersih;
- v. Jangka hayat penduduk yang tidak mencapai umur 40 tahun di negara miskin dijangka terus meningkat kepada satu pertiga daripada jumlah penduduk dunia; dan

- vi. 50 juta penduduk kaya di Eropah dan Amerika Utara mempunyai pendapatan yang sama dengan 2.7 bilion penduduk miskin.
(Poverty Facts and Stats, 2005)

Sementara itu, jurang pendapatan di antara penduduk miskin dan kaya terus menunjukkan peningkatan yang ketara. Contohnya 85% daripada jumlah pendapatan dunia dimonopoli oleh 5% penduduk kaya dan hanya 1.4% sahaja dimiliki oleh penduduk miskin. Wanita dan kanak-kanak dilaporkan golongan yang paling ramai menerima impak daripada masalah di atas (The State of The World's Children). Keadaan yang paling menyedihkan pula ialah 53% negara yang paling mundur dan 46% negara paling kurang membangun adalah terdiri daripada negara-negara Islam (UNDP 2002; 2004).

Hal yang menarik dalam konteks ini ialah Islam sendiri telah menyediakan rangka kerja yang baik dan komprehensif dalam menangani masalah pembangunan insan, sekaligus membasmi masalah sosial yang dihadapi oleh negara. Sepanjang 1,400 tahun, sektor ijtimai khususnya sedekah, sedekah wajib (zakat) dan sedekah berkekalan (wakaf) telah berperanan sebagai Institusi Jaminan Sosial. Sektor ini telah memainkan peranan dan memberi sumbangan yang cukup besar dalam menyediakan serta memberi peluang kepada seseorang untuk mendapatkan kemudahan asas seperti tempat tinggal, makanan, minuman, modal, pendidikan rawatan kesihatan tanpa dikenakan sebarang bayaran. Dalam hal ini, sektor ijtimai boleh digunakan sebagai sumber pembiayaan bagi manangani masalah sosial selaras dengan anjuran Al-Quran yang meletakkan *prinsip al'adl wal ihsan* (keadilan dan muafakat) sebagai teras pembangunan dan penyusunan masyarakat. Allah S.W.T. berfirman dalam Surah An-Nahl, Ayat 90 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah S.W.T. melarang dari perbuatan keji dan mungkar dan permusuhan. Dia memberi pengajaran agar kamu dapat mengambil pelajaran”.

(Surah An-Nahl: Ayat 90)

PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN HARTA DARI PANDANGAN ISLAM

Semua harta adalah milik Allah S.W.T. dan manusia hanya boleh mengambil dan menikmati manfaatnya sahaja (Audah; 1983; 1989, Nawawi: 1989). Allah S.W.T. telah mencipta dan mengurniakan segala kemudahan bagi manusia untuk meneroka seluruh isi alam tanpa mengira bangsa dan keturunan. Tiada seorang pun berhak mendakwa sesuatu yang wujud di alam ini adalah haknya kerana pada hakikatnya seluruh benda yang ada di bumi ini dijadikan oleh Allah S.W.T. dan Allah S.W.T. telah menjelaskan bahawa manusia sebagai khalifah di muka bumi ini harus memakmurkan dan meneroka seluruh isi bumi setakat kemampuan mereka seperti firmanNya dalam Surah Hud, Ayat 61 dan Surah Al-An'am, Ayat 102 yang bermaksud:

“Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya...”

(Surah Hud: Ayat 61)

“Yang demikian (sifat-sifat dan kekuasaanya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang disembah dan dipatuhi dengan sebenar-benarnya) melainkan Dia, yang menjadikan tiap-tiap sesuatu”.

(Surah Al-An'am: Ayat 102)

Surah-surah lain di dalam Al-Quran seperti Surah Al-Baqarah; Ayat 29, Al-Maidah; Ayat 17, Surah Al-Israa; Ayat 111, Surah Fatir; Ayat 39, Surah Luqman; Ayat 20, Surah Al-Jasiah; Ayat 13, Surah Saba'; Ayat 24, Surah Al-Ankabut; Ayat 17 dan Surah Az-Zariat; Ayat 58 menjelaskan lagi maksud ayat di atas.

a. Tanggung Jawab Manusia Terhadap Harta

Islam memberi hak kepada manusia untuk memiliki, mengumpul, mengembang dan menggunakan harta walaupun

boleh menyebabkan berlakunya perbezaan dalam kekayaan yang dimiliki oleh manusia. Ini jelas seperti firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Zukhruf, Ayat 23 yang bermaksud:

“...Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka di dalam dunia ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita); dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian daripada mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan kedunian semata-mata yang mereka kumpulkan...”

(Surah Al-Zukhruf: Ayat 23)

Surah Al-Nahl, Ayat 16 juga menjelaskan pemilikan dan penambahan kekayaan. Walaupun kebebasan pemilikan harta dibenarkan, namun, Islam telah menetapkan peraturan dan panduan khusus bagi mengelakkan penyelewengan dan mencegah harta-harta itu dikuasai oleh segolongan tertentu sahaja seperti yang diperingatkan oleh Allah S.W.T. dalam peristiwa Qarun (Al-Qashash: Ayat 76-84). Peristiwa kebakhilan dan kealpaan Tsa’labah bin Hathib Al-Anshari terhadap kekayaan yang dimilikinya telah membawa kepada kemusnahan dalam kehidupan seperti yang difirmankan dalam Al-Quran (Surah At-Taubah: Ayat 75). Di dalam hubungan ini, bagi menjamin kesempurnaan insan, Islam telah menggariskan tiga prinsip yang menjadi asas dalam pemilikan dan penambahan harta iaitu:

- i. Menggariskan cara yang betul bagi mendapatkan harta;
- ii. Menentukan cara-cara yang betul untuk membelanjakan harta; dan
- iii. Menentukan kewajipan yang harus dilaksanakan oleh pemilik-pemilik harta tersebut (Faizah Haji Ismail: 2000).

Prinsip ini menjelaskan supaya setiap individu mencari harta dengan betul melalui sumber-sumber yang halal dan membelanjakannya dengan cara terbaik tanpa melakukan pembaziran seperti firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Mulk, Ayat 15, Surah Al-Baqarah, Ayat 168, Surah Al-Isra, Ayat 27 dan 29. Islam juga mewajibkan penyaluran sebahagian kekayaan yang dimiliki kepada golongan yang telah ditetapkan dalam bentuk zakat seperti yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam Al-Quran (Surah At-Taubah: Ayat 60 dan 103, Adz-Dzriyyat: Ayat 19, Al-Maarij: Ayat 24, Al-An'am: Ayat 141, Al-Isra': Ayat 26-27, Ar-Rum: Ayat 38, Al-Baqarah: Ayat 177). Islam turut menggalakkan umatnya membelanjakan kekayaan harta yang dimiliki dengan berlumba-lumba mengejar kebaikan melalui sedekah sukarela, hibah, hadiah, nazar, pinjaman, membebaskan hamba dan berwakaf bagi mendekati diri dengan Allah S.W.T. Ayat-ayat Al-Quran menjelaskan lagi perkara di atas seperti yang disebutkan di dalam Surah Al-Imran; Ayat 114-115, Surah Al-Anbia; Ayat 73 dan 90, Surah Al-Mukminun; Ayat 57-62, Surah Al-Fathir; Ayat 32, Surah Al-Muzzammil, Ayat 20, Surah Al-Thaghobun; Ayat 16-17, Surah At-Taubah; Ayat 104 dan Surah Al-Baqarah; Ayat 270. Rasullullah S.A.W. menyifatkan harta yang baik sekiranya ia diperolehi, dicari, diletakkan dan digunakan pada jalan yang haq (untuk kebaikan, demi kebaikan) seperti yang disebutkan dalam dua hadis di bawah:

“...dan sungguh harta itu adalah hijau manis kemilau, maka alangkah bahagianya pemilik muslim apa yang diberi daripadanya kepada seorang muslim dan anak rantau; atau sebagaimana Baginda telah berkata bahawasanya siapa yang mengambilnya dengan cara yang tidak benar adalah ia seperti orang yang makan dan tidak kenyang, ia bakal menjadi saksi pada hari kiamat...”

(H.R. Bukhari)

“...Tidak ada hasud kecuali pada dua orang; sekiranya (seorang) Allah memberinya harta lalu ia membelanjakannya pada jalan yang haq, dan (seorang) Allah berikannya hikmah (ilmu pengetahuan) kemudian ia menunaikannya dan mengajarkannya...”

(H.R. Bukhari)


Di antara perbelanjaan harta yang digalakkan oleh Islam ialah pemberian secara sukarela khususnya yang terdiri daripada sedekah dan sedekah berkekalan yang terangkum dalam sektor ijtimai seperti yang dibincangkan di bawah.

SEKTOR IJTIMAI: KONSEP DAN TAKRIFAN

Islam adalah Ad-din yang berintikan iman dan amal yang dibentuk berdasarkan kepada 3 asas utama iaitu aqidah, syariah dan akhlak seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah I**. Aqidah merupakan landasan keimanan seseorang muslim (tauhid) yang menjiwai syariah (hukum-hukum Islam). Syariah terdiri daripada Muamalat dan Ibadat yang meliputi cara-cara beribadat, asas-asas kehidupan bermasyarakat, undang-undang yang mengatur perhubungan di antara manusia

dengan manusia, manusia dengan binatang, tumbuh-tumbuhan, bumi, udara dan makhluk Allah S.W.T. yang lainnya. Sementara, aqidah pula menekankan tentang sikap, tingkahlaku dan etika kerja seseorang muslim.

Salah satu asas pembentukan muamalat ialah kegiatan ekonomi yang terdiri daripada 3 sektor utama iaitu sektor siyasi (awam), sektor tjari (swasta) dan sektor ijtimai (jaminan sosial). Fungsi, institusi dan hukum syariah bagi ketiga-tiga sektor di atas dijelaskan seperti dalam Rajah I. Sektor Ijtamai yang berlandaskan kepada prinsip sukarela berfungsi sebagai Institusi Jaminan Sosial dalam membantu masyarakat yang memerlukan bantuan, menyediakan skim kesejahteraan sosial dan menyediakan infrastruktur asas seperti tempat tinggal, pinjaman modal, kebajikan dan sebagainya tanpa mengira bangsa, kaum dan keturunan. Jaminan Sosial, menurut Tahir (1991), Al-Saleh (1983), Al' Assal dan Abdul Karim (1984) merupakan jaminan yang diberikan oleh pemerintah untuk menyediakan asas bagi memenuhi keperluan sosio-ekonomi semua individu dalam masyarakat termasuk golongan fakir, miskin, anak-anak yatim, *ibn sabil*, *al-gharimin*, *al-muallafati* serta menyediakan prasarana di peringkat asas seperti tempat tinggal, kebajikan makan minum dan sebagainya. Sektor yang berpaksikan kepada prinsip sukarela ini dimiliki oleh umat sejagat yang memperjuangkan kepentingan individu, dan masyarakat secara keseluruhannya tanpa mengira warna kulit, agama, bangsa mahupun keturunan seseorang itu.



Rajah 1: Gambar Rajah Islam Secara Ringkas

Sektor Ijtimai ini telah memainkan peranan yang sangat penting dan telah memberikan sumbangan yang sangat besar dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah sepanjang lebih daripada 1,400 tahun di bawah pemerintahan khalifah Islam. Sedekah umum, sedekah berkekalan (wakaf) dan sedekah wajib (zakat) telah menjadi cara hidup dalam masyarakat ketika itu dengan hasrat untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. (taqarrub) dan membantu mereka yang memerlukan bantuan (qurba). Mereka yang mempunyai keupayaan membantu gembira kerana dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan yang didorong oleh keinsafan untuk mendapatkan rahmat Allah S.W.T., sementara penerima pula, bersyukur kerana keperluan asasnya dapat dipenuhi. Akhirnya, kegembiraan, kebahagiaan dan kesyukuran dipenuhi secara kolektif dalam kehidupan masyarakat tanpa menimbulkan sebarang konflik antara satu sama lain. Kehidupan yang saling membantu inilah menjadi asas kepada kehidupan masyarakat sehinggakan pada zaman pertengahan tersebut menurut *Stillman* (1990) hampir setiap orang mendapat manfaat daripada sektor ini. *Powers* (1984) dan *Cizakca* (1995) dalam kajiannya menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada kebajikan dan perkhidmatan sosial disumbangkan melalui sektor ijtimai.

Kesimpulannya, sektor ini bukan sahaja dapat membantu mengurangkan bebanan kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara, malah, dalam masa yang sama menjadi pelengkap kepada 2 sektor ekonomi negara yang sedia ada iaitu sektor awam dan swasta. Dalam konteks ini, adalah disarankan untuk umat Islam khususnya pemerintah memberi perhatian dan seterusnya memperkasakan Sektor Ijtimai.

SEKTOR IJTIMAI: PERANAN DAN SUMBANGAN SEDEKAH DALAM PEMBANGUNAN UMMAH

Sedekah umum, sedekah berkekalan (wakaf) dan zakat (sedekah wajib) merupakan konsep sedekah dari kaca mata Islam. Malah, ketiga-tiga elemen di atas menggunakan terma yang sama pada awal pemerintahan Islam iaitu *sadaqa hubs*, *sadaqa muharrama*, *sadaqa mahbusa*, *sadaqa habis*, *sadaqa mafruda*, *sadaqa mu'abbada* dan *sadaqa mahbisa* yang membawa maksud sedekah yang suci (Henniggan: 1999).

i. Sedekah Umum

Sedekah umum merupakan kaedah pemberian daripada seseorang atau sekumpulan individu secara sukarela bagi tujuan-tujuan yang ditentukan. Antaranya termasuklah pemberian sukarela untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan seperti anak-anak yatim, ibu tunggal, pembinaan sekolah, pemberian biasiswa, masjid dan sebagainya.

Islam sangat menggalakkan umatnya bersedekah di mana Al-Quran sendiri telah menyebut tidak kurang daripada 37 ayat yang menyuruh umat-Nya bersedekah sebagai satu cara penggunaan harta yang dikurniakan-Nya. Dalam Surah An-Nur, Ayat 33 umpamanya, Allah S.W.T. telah menyarankan umat Islam untuk bersedekah dengan firman-Nya yang bermaksud:

“...Dan berikanlah kepada mereka sebahagian daripada harta Allah S.W.T. yang dikurniakan kepada kamu”.

(Surah An-Nur: Ayat 33)

Ayat dalam surah An-Nur di atas jelas menunjukkan bahawa harta yang dikurniakan Allah S.W.T. kepada umat manusia sesungguhnya merupakan pemberian Allah S.W.T. yang dikuasakan kepada-Nya. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas dalam firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Hadiid, Ayat 7 yang bermaksud:

“...Dan nafkahkanlah sebahagian daripada hartamu yang Allah S.W.T. telah kurniakan kepada kamu”.

(Surah Al-Hadiid: Ayat 7)

Allah S.W.T. telah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 271, Surah Al-Mukminin, Ayat 60 dan Surah An-Nisak, Ayat 114 seperti di bawah yang memperlihatkan balasan yang akan Allah S.W.T. berikan kepada mereka yang bersedekah.

“Sekiranya kamu memperlihatkan sedekahmu, perkara itu adalah baik. Sekiranya kamu berdekah kepada orang fakir dan kamu menyembunyikannya, itulah yang lebih baik bagi kamu. Allah menghapuskan sebahagian kesalahan-kesalahanmu...”

(Surah Al-Baqarah: Ayat 271)

“Orang yang memberikan apa yang mereka berikan dengan hati yang takut, sesungguhnya mereka kembali kepada Tuhan mereka”

(Surah Al-Mukminin: Ayat 60)

“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan mereka kecuali bisikan daripada orang yang menyuruh manusia memberi sedekah, berbuat baik ataupun mendamaikan

sesama manusia. Sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah S.W.T., kelak Allah S.W.T. member pahala yang besar kepadanya...”.

(Surah An-Nisa’: Ayat 114)

Dalam sebuah hadis yang dilaporkan oleh Anas bin Malik, Nabi Muhammad S.A.W. berkata:

“Allah S.W.T. telah menciptakan bumi, maka bumipun bergetar. Lalu Allah S.W.T. menciptakan gunung dengan kekuatan yang diberikan kepadanya, ternyata bumi terdiam. Para Malaikat kehairanan dengan penciptaan gunung tersebut. Mereka bertanya kepada Allah S.W.T., wahai Allah, adakah sesuatu yang kamu cipta lebih kuat daripada gunung? Allah S.W.T. menjawab, Ada, iaitu Besi. Para Malaikat bertanya lagi, wahai Allah adakah sesuatu yang kamu cipta lebih kuat daripada besi? Allah menjawab, Ada, iaitu Air. Para Malaikat terus bertanya lagi, wahai Allah adakah sesuatu yang kamu cipta lebih kuat daripada air? Allah menjawab, Ada, iaitu Angin. Akhirnya para Malaikat bertanya, wahai Allah adakah sesuatu yang kamu cipta lebih kuat dari semuanya itu? Allah S.W.T. menjawab, Ada, iaitu amalan anak Adam yang mengeluarkan sedekah dengan tangan kanannya, sementara tangan kirinya tidak mengetahui”.

Inilah antara kehebatan sedekah sehingga umat Islam berlumba-lumba untuk bersedekah bagi mendapatkan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah S.W.T.

Amalan bersedekah ini juga telah menjadi suatu tradisi bagi masyarakat di negara-negara maju sebagai sumber pembiayaan bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan. Sedekah atau lebih dikenali dengan nama *charity* atau *donation* telah turut dijadikan amalan dalam masyarakat mereka sebagai sabahagian daripada kaedah

bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan. Sumbangan-sumbangan ini diurus dengan cara yang teratur dan sistematik sama ada secara individu atau badan-badan yang dikenali dengan yayasan atau *foundation*. Pada tahun 2006 misalnya, 145 bilion pound disumbangkan oleh masyarakat di Amerika Syarikat dalam bentuk pemberian sukarela. Sementara masyarakat Britain dan German menyumbang sebanyak 14.9 billion pound dan 11.3 billion pound dalam tahun yang sama.

Kesimpulannya, sedekah umum ini seperti mana yang dituntut dan digalakkan oleh Islam telah dapat digunakan sebagai asas pembiayaan untuk merancang, membantu dan mengurus golongan masyarakat yang memerlukannya. Sekiranya institusi ini diurus dengan baik dan sistematik, maka banyak masalah sosial yang dihadapi oleh negara dapat diselesaikan dengan berkesan.

ii. SEDEKAH WAJIB (ZAKAT)

Sedekah wajib atau zakat ialah derma atau pemberian yang wajib diberikan oleh orang Islam yang mampu dan cukup syarat-syaratnya kepada 8 golongan atau asnaf yang berhak menerimanya. Tujuan zakat antara lainnya ialah untuk membersihkan dosa dan menyucikan akhlak mereka seperti mana firman Allah S.W.T. dalam Surah At-Taubah, Ayat 103 yang bermaksud:

“Ambillah sebahagian daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlaq yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu (Muhammad S.A.W.) itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan ingatlah Allah S.W.T. Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

(Surah At-Taubah: Ayat 103)

Dua jenis zakat iaitu zakat fitrah dan zakat harta yang boleh berfungsi sebagai **Tabung Insuran Sosial** kepada kerajaan untuk dimanfaatkan kepada 8 golongan penerima iaitu fakir, miskin, *amil, muallaf, riqab, al-gharimin, fisabilillah* dan *ibnu sabil*. Zakat fitrah ialah pembayaran zakat yang dilakukan pada bulan Ramadan sahaja mulai 01 Ramadan hingga 01 Syawal sebelum solat sunat Aidilfitri. Sementara zakat harta pula terdiri daripada zakat pendapatan, zakat wang simpanan, zakat pelaburan, zakat emas dan perak, zakat perniagaan, zakat binatang ternakan, zakat hasil pertanian, zakat hasil laut dan zakat rikaz dan ma'din. Kedua-dua zakat di atas adalah merupakan Rukun Islam yang ketiga dan wajib bagi setiap orang Islam yang mampu dan berkelayakan. Saidina Abu Bakar As-Siddiq setelah mengambil teraju pemerintahan umat Islam daripada Rasulullah S.A.W. telah memulakan pemerintahannya dengan memerangi golongan Islam yang murtad dan tidak membayar zakat. Allah S.W.T. juga telah mengingatkan umat Islam yang enggan membayar zakat dengan hukuman yang keras dan pedih seperti yang difirman-Nya dalam Surah At-Taubah, Ayat 34 dan Ayat 35.

“Dan orang-orang yang menimbun emas dan perak dan tidak menginfakkannya ke jalan Allah S.W.T., maka berikan khabar kepada mereka dengan siksaan yang pedih”.

(Surah At-Taubah: Ayat 34)

“Pada hari dipanaskan emas dan perak itu dalam neraka jahanam, lalu dibakar dahi mereka, dan punggung mereka (lalu dikatakan) kepada mereka: Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah sekarang akibat dari apa yang kamu simpan itu”.

(Surah At-Taubah: Ayat 35)

Zakat yang berperanan sebagai Institusi Jaminan Sosial telah memberikan sumbangan yang sangat besar kepada pembangunan

sosio-ekonomi ummah dalam pelbagai aspek kehidupan. Zakat telah juga berperanan sebagai sumber pembiayaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan oleh masyarakat seperti tempat tinggal, penyediaan makanan dan minuman, modal, pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Sepanjang tahun 1990 sehingga 2001 misalnya, sebanyak RM561,009,427.00 juta zakat telah dikutip daripada 4 buah negeri iaitu Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan Selangor. Di negeri Selangor kutipan zakat telah melonjak daripada RM15,895,317.80 (1995) kepada RM159,836,2352.79 (2006). Kutipan zakat fitrah telah menyumbang sebanyak RM99,892,668.10 dan RM149,943,584.69 melalui sumbangan zakat harta. Sementara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula sebanyak RM241,966,660.22 zakat telah dikutip sepanjang tahun 2009. Kajian yang dibuat juga menunjukkan angka kutipan di atas dibuat oleh 15% hingga 20% sahaja pembayar zakat daripada keseluruhan yang wajib membayar zakat. Bagi kutipan zakat 3 institusi perniagaan iaitu Bank Islam, Lembaga Tabung Haji dan Maybank Finance telah menyumbang sebanyak RM49.49 juta pada tahun 2009. Dengan mengambil kira angka yang sama, kerajaan dapat mengutip sebanyak RM2.288 trillion bagi 14 buah negeri di Malaysia melalui kutipan zakat fitrah, zakat simpanan, zakat KWSP, zakat saham/pelaburan, zakat emas/perak, zakat perniagaan, zakat binatang ternakan, zakat hasil pertanian, zakat hasil laut dan zakat rikaz. Angka ini akan terus meningkat dengan menakjubkan sekiranya institusi-institusi perniagaan yang berteraskan Islam dapat ditingkatkan dan terus membayar zakat perniagaan seperti mana digariskan oleh syarak.

Pelbagai program pembangunan disediakan daripada kutipan zakat di negeri Selangor termasuk program pembangunan sosial, program pembangunan ekonomi, program pembangunan pendidikan dan program pembangunan institusi agama. Program pembangunan sosial menumpukan 4 aktiviti utama iaitu perlindungan (bantuan bina/baikpulih/sewa rumah), bantuan penempatan dan pembangunan desa

bersepadu, dan skim perlindungan takaful), keperluan hidup (bantuan makanan, kewangan bulanan, bantuan ramadhan dan hari raya, bantuan kecemasan, bantuan pakaian, bantuan perubatan, bantuan pengangkutan dan bantuan berkhatah serta berkahwin), kebajikan ummah (bantuan rawatan dan mesin hemodialisis, bantuan sakit kekal, bantuan pengurusan jenazah tanpa waris, bantuan kecemasan, bantuan musafir, bantuan pemurniaan akidah, bantuan pemulihan akhlaq, bantuan hutang kerana keperluan hidup, bantuan hutang badan/persatuan untuk masalah ummah dan bantuan hutang perubatan) dan aktiviti kemasyarakatan termasuk program sempena hari kebesaran, program hari keluarga, program gotong-royong dan program ziarah.

Program pendidikan memberikan tumpuan kepada penyediaan dan peningkatan ilmu pengetahuan kepada masyarakat seperti pembayaran yuran persekolahan, program kecemerlangan, kelas tambahan, kelas komputer, lawatan sambil belajar, peralatan dan kemudahan sekolah, suguhati kepada guru agama, pegawai/AJK masjid dan kaunselor dan juga menyediakan biasiswa/dermasiswa kepada pelajar yang berkelayakan melanjutkan pengajian dalam dan di luar negara.

Kesimpulannya, zakat seperti mana yang dituntut oleh Islam telah dapat digunakan sebagai asas untuk merancang, membantu dan mengurus golongan masyarakat yang memerlukannya.

iii. SEDEKAH BERKEKALAN (WAKAF)

Secara umumnya, maksud dan konsep asas wakaf dapat difahami dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang telah menjadi *locus classicus* dalam kalangan ilmuwan Islam apabila membincangkan wakaf. Antara maksud hadis tersebut ialah:

“...bahawa Saidina Umar R.A. pernah berkata: Wahai Rasulullah S.A.W., saya telah memperolehi harta yang saya tidak pernah perolehi sebelum ini dan saya ingin menghampiri Allah S.W.T. menerusinya...lalu dijawab oleh Rasulullah S.A.W., Tahankan (wakafkan) asal

harta itu dan sedekahkan hasilnya. Lalu Saidina Umar R.A jadikan hartanya itu (tanah perolehan di Khaibar) sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli dan diwarisi”.

Wakaf yang keseluruhannya berkait dengan agama dan sistem sosio-ekonomi masyarakat Islam jelas telah memainkan peranan yang sangat besar di sepanjang sejarah keagungan pemerintahan kerajaan Islam. Institusi wakaf telah berkembang dan diterima sebagai satu daripada sumber pembiayaan penting dalam membangunkan masyarakat khususnya dalam memberikan akses kepada sumber-sumber asas dan sistem sokongan secara percuma. Kepentingan dan kehebatan institusi wakaf dalam pembangunan sosio-ekonomi ini disebut dengan jelas oleh Sabra (2000) dan Cizakca (2000) dalam buku-buku mereka iaitu *Poverty and Charity in Medieval Islam Mamluk Egypt 1250-51* dan *A History of Philanthropic Foundation: Islamic World From The Seventh Century to the Present*. Kedua-dua buku tersebut menganalisis dan menjelaskan tentang sikap masyarakat Islam terhadap masalah kemiskinan dan seterusnya menjelaskan peranan institusi wakaf dalam membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat miskin.

Semasa era pemerintahan Seljuk dan empayar Uthmaniah daripada pertengahan abad ke-8 sehingga akhir abad ke-19, ribuan individu tanpa mengira fahaman dan kepentingan diri telah mewakafkan harta milik mereka untuk kemajuan masyarakat. Bangunan-bangunan yang terkenal yang dipanggil kompleks telah dibina, diselia dan dilaksanakan melalui pembiayaan institusi wakaf. Bangunan-bangunan ini berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi dalam kawasan perbandaran dan masyarakatnya. Kompleks Suleyman yang dibina pada tahun 1556 di Istanbul misalnya, merupakan kompleks yang terbesar yang terdiri daripada masjid Suleymen, dua buah makam, empat buah madrasah untuk pendidikan, sekolah perubatan, hospital, kolam mandi (hammam), tempat penyediaan dan penyajian makanan, rumah-rumah tumpangan dan pusat-pusat perniagaan (Kafadar, 1991).

Imaret atau Pusat Penyediaan Makanan (*Public Kitchen*) juga merupakan entiti institusi wakaf yang sangat terkenal dalam menyediakan makanan kepada orang-orang miskin dan mereka yang memerlukannya seperti pelawat dan pengembara (Singer, 2004). Menurut Singer lagi, sehingga tahun 1530 terdapat tidak kurang daripada 83 buah imaret telah dibina di bawah Kerajaan Uthmaniah. Di Erdine umpamanya imaret yang dibina telah menyediakan makanan secara percuma kepada 2,600 orang daripada sejumlah 22,000 orang penduduknya setiap hari secara percuma. Jumlah imaret di atas tidak mengambilkira bilangan yang sedia ada di Istanbul, Egypt dan Hijaz dan ribuan projek lagi yang sedang dibina selepas tahun berkenaan. Du Frasné Canaye (1988) yang melawat Istanbul pada tahun 1576 menyebut bandar Turki sebagai bandar yang wujud melalui hubungan antara alam, manusia dan Tuhan menerusi wakaf.

Di samping itu, hospital telah begitu banyak dibangunkan dan telah menjadi satu institusi yang sangat penting dalam dunia Islam menjelang akhir abad ke-13. Di bandar Baghdad sendiri terdapat lebih daripada 34 buah hospital utama. Sementara itu, di Cardoba, Spain pula terdapat 50 buah hospital yang telah dibina. Antara hospital yang terkemuka termasuklah Hospital Al-Nuri, Al-Qaynari (Damascus, 1156 M), Al-Salahani (Jerusalem, 1187M), Al-Sayyidah, Al-Mugtadiri, Al-Adudi (Baghdad, 918M dan 981M), Al-Fustat, Al-Mansuri, (872M dan 1284M), Al-Qayrawan, (Tunisia, 830M), Al-Arghun (Allepo, 1344M), Dar Al-Shifa' dan Mahmed II di Bursa pada abad ke-14 dan 15 serta Hospital Marakesh yang dibina pada tahun 1190 di Morocco (Gorini, 1990, Al-Ahram, 2002; Abouleish, 1990, Nagamia, 2001). Hospital-hospital ini juga dibangunkan mengikut keperluan dan jenis-jenis penyakit seperti hospital yang khusus untuk merawat penyakit mental, kusta dan hospital untuk banduan dan pengembara atau kafilah yang mengerjakan haji di Makkah atau mengunjungi tempat-tempat suci yang dikenali sebagai *Road Bimaristan*.

Institusi wakaf telah turut memainkan peranan yang besar dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan (Makdisi, 1981) secara

percuma kepada masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan keturunan. Terdapat lebih daripada 70 buah sekolah yang dibiayai sepenuhnya melalui sumber wakaf dalam abad yang ke-12 di Jerusalem. Sementara itu, sebanyak 142 buah universiti di Turki, 87 buah sekolah dan universiti di Cyprus dan masing-masing 800 dan 786 buah universiti di Cecennestan dan Azerbaijan telah dibangunkan dan dibiayai oleh sumber wakaf. Universiti Al-Azhar di Mesir yang dibina pada tahun 975M merupakan sebuah universiti yang tertua di dunia yang juga dibiayai sepenuhnya daripada sumber wakaf yang telah menyedia dan memberi pendidikan secara percuma daripada pendidikan rendah sehingga pendidikan universiti (Hashim, 1990). Pada tahun 1986, sejumlah £147,324,300 telah diperuntukkan oleh Universiti Al-Azhar untuk membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan dan pendidikan termasuk perbelanjaan mengurus 55 buah fakulti yang sedia ada dengan 6,154 orang tenaga pengajar (849 profesor, 819 profesor madya, 1,517 pensyarah, 1456 pembantu pensyarah dan 1,510 orang “readers”). Al-Azhar bukan sahaja terkenal dengan sumbangannya kepada pembangunan pendidikan Islam tetapi juga kepada aktiviti-aktiviti dakwah di seluruh dunia (Al-Habshi, 1991; Kahf, 2003).

Secara keseluruhannya, institusi wakaf yang berkembang subur dalam dunia Islam telah memastikan masyarakatnya mendapat perlindungan yang sempurna, makanan yang berkhasiat, pendidikan yang bermutu dan penjagaan kesihatan tanpa dikenakan bayaran. Hal ini merupakan keperluan asas yang diperlukan untuk pembangunan insan. Tanpa diberikan pilihan dan peluang ini, pilihan dan peluang lain tidak akan diperoleh dan seterusnya kemiskinan akan terus melarat dan menjadi barah yang sukar disembuhkan. Hanya dengan membangunkan semula institusi ini, masalah kemiskinan akan dapat diatasi seperti yang disebutkan oleh Yediyildiz, B. (1996 (b):

“Waqf institutions provided many social services which, according to the modern view of state, had the character of public services. Indeed, constructing infrastructures such as roads, bridges and irrigation systems; welfare services such as building hospitals and caring for the

poor and needy; educational and cultural services such as opening schools, libraries and universities, providing grants to the students and paying salaries of teachers; religious services such as constructing mosques and paying the salaries of the men of the religion were all undertaken by the waqfs”.

Institusi wakaf juga telah memberi sumbangan yang sangat hebat dalam pembangunan diri sejak dilahirkan sehinggalah kembali menemui Penciptanya Allah S.W.T. seperti yang disebutkan oleh Yediyildiz, B. (1996a, p.3):

“A person would have borned into a waqf house, slept in a waqf cradle, ate and drunk from waqf properties, read waqf books, taught in waqf school, received a salary from waqf administration, and when he died, put into a waqf coffin and buried in a waqf cemetery”.

Di negara maju khususnya di Amerika Syarikat, Britain dan negara-negara Eropah lainya juga telah menggunakan pendekatan wakaf atau *endowment* untuk meningkat sosio-ekonomi masyarakat mereka. Universiti Harvard telah mengumpul sejumlah RM68 billion dalam bentuk *endowment* yang digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti pendidikan dan penyelidikan, penyelenggaraan perpustakaan dan pengendalian tabung biasiswa. Seratus universiti terbaik di Amerika Syarikat mempunyai *endowment* terkumpul mencapai RM1 trillion. Sementara itu, Universiti Oxford dan Cambridge masing-masing mengumpul sebanyak RM5 billion. Yayasan atau pertubuhan bukan kerajaan telah muncul dengan pelbagai aktiviti untuk membantu masyarakat di negara Barat seperti Yayasan Ruckerfiller, Ford, Aids dan sebagainya yang diuruskan dengan menggunakan pendekatan wakaf/*endowment*. Lebih 100 yaysan di Amerika Syarikat mempunyai dana terkumpul melebihi RM1 billion.

Diakhir pemerintahan khalifah Islam Uthmaniah, kesan peninggalan wakaf dapat dilihat seperti di bawah:

- Tiga perempat (3/4) keluasan tanah arab adalah merupakan tanah wakaf;

- Separuh (1/2) daripada tanah di Algeria merupakan tanah wakaf;
- Satu pertiga (1/3) keluasan tanah di Tunisia merupakan tanah wakaf;
- Satu perlapan (1/8) tanah di Mesir merupakan tanah wakaf;
- Pelopor kepada pembinaan hospital moden hari ini seperti Hospital Al-Nuri, Al-Adudi, Al-Fustat, Al-Qayrawan dan Divirgi yang berdasarkan kepada prinsip egalitarian, pemisahan antara lelaki dan wanita dan penggunaan muzik dalam kaedah penyembuhan penyakit;
- Pelopor kepada pembinaan kawasan rehat yang dikenali Engan caravanserai;
- Pembinaan ribuan Imaret atau Pusat penyediaan makanan kepada orang-orang miskin dan mereka yang memerlukannya;
- Pembinaan ribuan buah sekolah, kolej, kolej perubatan, universiti, perpustakaan di Timur Tengah, Turki, Cyprus dan Azerbaijan;
- Pelopor kepada pembinaan kawasan perniagaan bertutup dengan 4,000 kedai seperti Grand Bazaar;
- Pelopor kepada pembinaan institusi penyelidikan seperti astronomi, kejuruteraan dan sebagainya;
- Pembinaan ribuan buah bandar, perumahan dan penempatan; dan
- Pembinaan ribuan buah masjid, madrasah di seluruh dunia Islam.

SEKTOR IJTIMAI: IMPLIKASI DAN SARANAN

Sektor Ijtimai yang telah wujud sejak sekian lama bukan sahaja harus dikekalkan, malah skop, jenis dan bentuk pembangunan dan pelaksanaannya harus diperluaskan. Implikasi dan saranan pembangunan sektor ini dijelaskan seperti di bawah.

a. Implikasi Sektor Ijtimai Dalam Pembangunan Ummah

Di antara implikasi pelaksanaan sektor ijtimai ini dapat dilihat seperti dibincangkan di bawah.

i. Memenuhi dan Menunaikan Tuntutan Syariah

Sedekah umum, wakaf dan zakat merupakan syariat yang sangat digalakkan oleh Allah S.W.T. menerusi ayat-ayat Al-Quran seperti yang dijelaskan di atas. Amalan bersedekah bukan sahaja akan mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah S.W.T., malah ia juga dapat memandu manusia mencari dan menggunakan harta yang dimiliki dengan jalan yang diredhai seperti firman-Nya dalam Surah Ali' Imran, Ayat 92 yang bermaksud,

"...kamu tidak akan memperolehi kebajikan, hanyalah jika kamu menafkahkan (mengeluarkan) sebahagian daripada apa yang kamu kasih..."

(Surah Ali' Imran: Ayat 92)

Dalam rancangan Al-Kuliyah yang ditayangkan di TV3, pada 20hb April 2001, jam 5.15 petang, Y.Bhg. Dato' Dr. Abu Bakar Mohd Zain dan Profesor Madya Dr. Adzian Baharuddin menjelaskan bahawa Al-Quran merupakan mukjizat yang terbesar yang terkandung dalamnya ilmu yang berterusan (sebelum, selepas dan masa hadapan) yang dapat digunakan oleh manusia sepanjang masa dan keadaan. Ini selaras dengan firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Maidah, Ayat 50 yang bermaksud:

"...tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah..."

(Surah Al-Maidah, Ayat 50)

ii. Memenuhi dan Menunaikan Tuntutan Sunnah

Amalan bersedekah juga sangat dituntut dalam Islam seperti yang dijelaskan oleh hadis-hadis Rasulullah S.A.W. yang juga telah dibincangkan di atas. Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya turut menyumbang dan melaksanakan amalan sedekah dengan menyerahkan harta yang paling disayangi untuk kepentingan agama dan masyarakat Islam. Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin*, terjemahan Profesor TK. Ismail Yakub (1998) menyebut bahawa Rasulullah S.A.W. menjelaskan bahawa sedekah yang paling utama ialah:

“...yaitu bahawa engkau bersedekah, di mana engkau di dalam sihat dan kikir, bercita-cita kekal dan takut kepada kemiskinan. Janganlah engkau lambatkan bersedekah itu, sehingga apabila nyawa telah sampai kepada nafas yang penghabisan, lalu engkau katakan: untuk si anu sekian dan adalah itu untuk si anu...”

Dalam khutbah yang terakhir yang disampaikan pada 10 Zulhijjah, Tahun 10 Hijrah, di Lembah Uranah, Rasulullah S.A.W. berpesan antara lain yang bermaksud:

“...fahamlah baik-baik apa yang telah aku terangkan ini dan dengan ini juga aku telah menyampaikan kepada kamu apa yang ditugaskan aku menyampaikannya. Aku telah meninggalkan dalam kalangan kamu wahai umat Islam, 2 perkara yang selagi kamu berpegang teguh kepadanya maka kamu tidak akan sekali-kali sesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah Nabinya...”

Allah S.W.T. juga telah berfirman yang bermaksud:

“... demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri
Rasul Allah itu contoh ikutan yang baik...”.

(Surah Al-Ahzab, Ayat 21)

iii. Pelengkap Kepada Sektor Ekonomi Islam

Keunikan dan kehebatan ajaran Islam terangkum dalam semua bidang kehidupan termasuklah bidang ekonomi. Ekonomi konvensional umpamanya hanya mempunyai dua sektor iaitu sektor kerajaan dan sektor swasta. Sebaliknya, ekonomi Islam pula merangkumi 3 sektor iaitu sektor kerajaan, swasta dan sosial (sektor ketiga) yang saling melengkapi antara satu sama lain. Di zaman keagungan Islam tidak pernah wujud Jabatan Kerja Raya (*Department of Works*) kerana pembinaan prasarana seperti jalanraya, jambatan dan sebagainya disumbangkan oleh masyarakat melalui sektor ketiga ini.

Dewasa ini, kerajaan-kerajaan negara Barat telah mula melihat potensi dan keperluan sektor ketiga dalam menjana dan membangunkan masyarakat mereka. Jeremy Refkin (1996) dalam bukunya *The End of Work (Best Seller in the USA)* telah menekankan kepentingan sektor ketiga ini yang disebut *Philanthropic Sector* untuk digunakan sebagai alternatif mengurangkan bebanan kerajaan ke arah pembangunan masyarakat yang lebih menyeluruh.

iv. Menjadikan Sebagai Sumber Pengeluaran (Ekonomi) dan Pembiayaan

Jika dilihat dengan teliti, dua implikasi dapat dijelaskan menerusi konsep asal sedekah seperti wakaf (tahankan harta itu dan sabilullahkan hasilnya) iaitu kemampuan harta bertambah menerusi pelaburan dan kedua ialah cara menggunakan harta melalui hasil pelaburan itu. Harta merupakan modal yang juga disebut sebagai sumber produktif yang boleh berkembang dan

membawa keuntungan kepada pengguna (Leonard S.Silk: 1980). Kemampuannya untuk bertambah melalui pelaburan adalah sangat jelas dan penggunaan hasilnya pula akan memberi manfaat kepada masyarakat secara berterusan. Semasa pemerintahan Saidina Umar Al-Khattab (13-23H bersamaan 634-644M), baginda telah mewakafkan tanah-tanah rampasan perang dan hasil kutipan cukai tanah yang besar dijadikan sebahagian daripada pendapatan orang-orang Islam.

Selain daripada pencetus kepada sumber pengeluaran, sektor ijtimai juga merupakan alternatif yang boleh dimanfaatkan sebagai sumber pembiayaan dalam pelbagai sektor dan bidang. Rohayu Abdul Ghani dan Razali Othman (2000) misalnya membincangkan kepentingan sektor ini dalam membantu meningkatkan sektor pendidikan negara khususnya di alaf baru yang penuh dengan cabaran. Pembinaan dewan-dewan kuliah dan peperiksaan, bilik-bilik makmal dan tempat penginapan pelajar boleh dibuat menerusi institusi wakaf. Universiti Al-Azhar di Mesir umpamanya bukan sahaja menyediakan kemudahan belajar (tempat tinggal, biasiswa dan kemudahan rawatan) secara percuma tetapi juga hanya mengenakan bayaran yuran sebanyak RM5 bagi satu sesi pengajian sehingga hari ini.

v. Jaminan Sosial

Jaminan sosial seperti yang telah dibincangkan merupakan keperluan asas yang diberikan oleh pemerintah untuk memenuhi keperluan-keperluan sosio-ekonomi semua individu dalam masyarakat. Dalam hal ini, sedekah boleh disalurkan kegunaannya untuk tujuan kebajikan yang juga terangkum dalam konsep jaminan sosial.

Beberapa golongan yang perlu dibiayai keperluan asasnya mengikut kadar kecukupan (kadar yang mencukupi untuk keperluan makan, pakaian, tempat tinggal dan rawatan) termasuklah golongan lapan asnaf penerima zakat (fakir, miskin, amil, mualaf, riqab, gharimin, fi sabil Allah dan ibn al-sabil), anak-anak yatim, janda-janda yang kehilangan suami

(sama ada sebab berperang atau bercerai hidup atau mati dan tidak ada tempat bergantung), orang-orang tua, sakit, cacat, mereka yang tidak mampu berkerja sendiri dan pengganggu sementara. Semua golongan di atas bukan sahaja boleh, malah wajib diberikan bantuan dalam keadaan-keadaan tertentu sehingga mereka mampu berdikari.

Jaminan sosial ini boleh dibuat dalam bentuk saraan hidup, pemberian modal, pembangunan dan pembinaan prasarana yang akan memberi dorongan kepada mereka untuk berusaha ke arah peningkatan kehidupan yang lebih sempurna. Tanah-tanah dan bangunan yang diwakafkan umpamanya boleh disewakan atau dipajakkan kepada golongan miskin pada kadar yang minimum. Hasil yang diperolehi melalui pembangunan hartanah wakaf pula boleh dijadikan dana untuk membina pusat-pusat latihan dan kemahiran, rumah dan tempat kediaman atau menyediakan modal untuk golongan ini menjalankan projek berasaskan kemahiran kemandirian atau *survival skill* yang mereka miliki. Kaum petani atau nelayan umpamanya boleh diberikan modal untuk membiayai projek-projek seperti pajakan tanah, dusun buah-buahan, membuat keropok, mengeringkan ikan dan sebagainya. Prasarana yang dibina melalui hartanah wakaf seperti jambatan dan jalanraya boleh digunakan oleh golongan ini untuk menambah sumber pendapatan mereka. Rumah-rumah yang lebih selesa boleh dibina di atas tanah-tanah wakaf dan disewakan dengan kadar yang minimum kepada golongan setinggan yang menghuni tanah-tanah milik kerajaan. Ini bukan sahaja dapat menunaikan amanah pewakaf tetapi juga dapat memanfaatkan tanah wakaf untuk kebajikan masyarakat.

vi. Memastikan Harta Umat Islam Terpelihara

Sedekah khususnya wakaf merupakan kaedah pemberian harta yang tidak boleh dijual, dimiliki, dihibah atau diberikan kepada pihak-pihak lain. Ini bermakna harta wakaf tersebut, telah diserahkan kepada pemilik-Nya yang asal iaitu Allah S.W.T. Pemilikan harta wakaf akan memberi manfaat dan menjadi sumber kekuatan ekonomi masyarakat Islam. Tanah Rezab Melayu yang dikhaskan pemilikannya kepada orang Melayu misalnya, masih boleh dijual atau digunakan untuk

kepentingan lain seperti pembinaan jalanraya, rumah atau sebagainya. Hak tersebut tidak menjadi hak mutlak lagi bagi masyarakat Melayu. Namun, harta wakaf akan terus kekal dimiliki oleh Allah S.W.T. untuk dimanfaatkan oleh masyarakat Islam.

Selain daripada itu, amalan bersedekah juga dapat melahirkan masyarakat yang saling membantu, memupuk sifat tolong menolong serta menjalin kasih sayang di antara masyarakat tanpa mengira status, pangkat dan kedudukan.

SARANAN MEMPERKASAKAN SEKTOR IJTIMAI

Bagi memastikan sektor Ijtimai ini dapat dilaksanakan sebagai satu mekanisma untuk memperkukuhkan sosio-ekonomi umat Islam, maka masyarakat dan kerajaan disarankan untuk mengerakkan ketiga-tiga produk yang dicadangkan iaitu sedekah umum, sedekah berkekalan (wakaf) dan zakat (sedekah wajib) melalui sektor awam dan swasta. Antara saranan yang lebih khusus yang seharusnya dimainkan oleh masyarakat dan kerajaan adalah seperti di bawah iaitu:

i. Menubuhkan Institusi Penyelidikan Dan Pembangunan

Institut Penyelidikan Ijtimai disarankan ditubuh dan diletakkan di bawah kendalian penuh kerajaan yang diberikan tanggungjawab bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam semua perkara yang melibatkan sektor ijtimai. Institusi ini juga disarankan berfungsi sebagai Pusat Pengumpulan Maklumat bagi membantu individu, institusi, yayasan atau mana-mana badan yang memerlukan maklumat bagi tujuan penyelidikan atau pembangunan bagi memajukan sektor ini.

ii. Pelaksanaan dan Pengurusan Program

Program kesedaran tentang kepentingan dan peranan sektor ini perlu dibuat secara yang terancang. Menanamkan semangat untuk menyumbang dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai program termasuk liberasi pendidikan seperti memasukkan elemen ini sebagai sebahagian daripada kurikulum dalam pendidikan negara baik di peringkat rendah, menengah mahupun universiti), penyelidikan dan sebagainya. Sementara, individu atau kumpulan individu hendaklah digalakkan untuk memberi sumbangan sama ada melalui sedekah umum atau wakaf melalui pemberian insentif seperti pengecualian cukai dan ganjaran-ganjaran berbentuk pengiktirafan, kewangan, hadiah dan sebagainya.

iii. Memperkukuhkan Institusi Di Bawah Majlis Agama Islam (MAIN)

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti Baitul Mal sebagai pemegang amanah tunggal dalam perpektif wakaf misalnya hendaklah diperkukuhkan daripada pelbagai aspek. Peruntukan geran khas dan meletakkan pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan, pemasaran, pelaburan, teknologi maklumat dan sebagainya bagi memastikan wakaf, zakat dan pemberian dapat dilaksanakan dengan berkesan. Antara pendekatan yang perlu diambil oleh MAIN umpamanya membangunkan tanah-tanah wakaf yang terbiar melalui pendekatan yang lebih maju (*equity based instruments, debt based instruments dan self financing instruments*) dengan menyediakan dana-dana pembangunan khas dan tenaga kerja yang mempunyai kepakaran khususnya dalam bidang pembangunan dan pelaburan hartanah.

iv. Menubuhkan dan Memperkukuhkan Yayasan

Kerajaan adalah juga disarankan untuk membantu individu dan masyarakat Islam menubuhkan syarikat-syarikat dan yayasan-yayasan yang berorientasikan sektor ijtimai dengan penyediaan geran-geran khas, insentif pengecualian cukai, kewangan (bagi menggalakkan

yayasan mengumpul dana), pengiktirafan dan sebagainya. Semakin banyak syarikat yang dimiliki oleh masyarakat Islam, maka semakin banyak pula zakat akan dibayar kepada kerajaan yang kemudiannya akan dikembalikan semula kepada masyarakat yang memerlukan bantuan. Sementara itu, pengalakkan penubuhan yayasan akan membolehkan masyarakat yang perlu dibantu dapat dibantu oleh yayasan yang berkaitan. Insentif kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan zakat dalam bentuk pengecualian cukai, pengiktirafan dan sebagainya perlu dijadikan amalan pengurusan yang baik.

RUJUKAN

Abouleish, E. (1990). *Contribution of Islam to Medicine*, Oxford University UK.

Al-Ahram Weekly Online, 18 -24th April 2002, Issue No 582.

Alhabshi, S.O. (1991). *Waqf Management in Malaysia*. dalam Mohamed Ariff eds., *Islam and the Economic Development of Southeast Asia-The Islamic Voluntary Sector in Southeast Asia*. Singapore:Institute of Southeast Asian Studies.

Al-Quranul Karim (2000). LTQ.KDN.Q.913(44)96. Pulau Pinang:Peretakan Almuarif Sdn. Bhd.

Amy Singer (2004). *Serving Up Charity: The Ottoman Public Kitchen*, *Journal of Interdisciplinary History* - Volume 35, Number 3.

Cizakca, M. (2000). *A History of Philanthropic Foundation: Islamic World From The Seventh Century to the Present*, Istanbul:Bagazici University Press.

Cizakca, M. (2004). *Awqaf: In History and Implication For Modern Islamic Economics*, International Seminar On Awqaf and Economic Development, Kertas kerja International Seminar On Awqaf and Economic Development, anjuran bersama Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., di The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur. 2 - 4 Mac, 1998.

Cizakca, M. 1995. *Cash Waqfs of Bursa, 1555-1823*, *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 38/3 JESHO, Vol. 38, Part 3.

Gaudiosi, M.M. (1988). *The Influence of The Islamic Law of Waqf On The Development of The Trust in England : The Case of Merton College*. University of Pennsylvania Law Review. Vol. 136, No. 4.

Hashim, R. (1990). *Ekonomi dan Pendidikan: Peranan Institusi Wakaf*. *Jurnal Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam (ABIM).

James, G. S. (1998). *Poverty: A Denial of Human Rights*. *Journal of International Affairs*. Vol 53, Issue 1.

Jeremy Rifkin. (1996). *The End of Work or Post-Trade Civilisation*, G.P Putnam's Sons, USA.

Kafadar, G.N. (1991). The Süleymaniye Complex in Istanbul: An Interpretation. *Muqarnas*. Vol. 3. Leiden: E.J. Brill, USA.

Kahf, M. (1998). *Financing Development of Awqaf Properties*. Kertas Kerja International Seminar On Awqaf and Economic Development, anjuran bersama Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., di The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur. 2 - 4 Mac, 1988.

Kling, Z. (2005). *Petunjuk Pembangunan Sosial Dalam Sebuah Ekonomi Maju*. Universiti Malaya.

Makdisi, G. (1981). *The Rise of Colleges; Institution of Learning in Islam and The West*. Edinburgh University Press, UK.

Md. Hussain etc (1999). *Perspektif Perniagaan Dalam Islam*, Ampang Press Sdn. Bhd. Most and Least Livable Countries: UN Human Development Index. (2005). <http://www.factmonster.com/ipka/A0778562.html>.

Nagamia, H. (1992). *Islamic Medicine History and Current Practice*, Chairman International Institute of Islamic Medicine. President of Islamic Medical Association, University of South Florida Medical School, Tampa, Florida, USA.

Othman, R. (2003). *Colonization and Its Influence on Waqf*. Kertas Kerja Malaysian Research Group Annual Conference. Manchester, UK. 27 September 2003.

Othman, R. (2004). *Poverty Reduction: Does the Institution of Waqf Help*. Kertas Kerja Malaysian Research Group Annual Conference Ketiga. Di Manchester, UK. 4 Jun 2004.

Othman, R. (2004). The Influences of Colonization on The Perception and Practices of Waqf. *IKIM Journal*. Vol. 12. No 1. January/June 2004

Paul, S. (1998). Beyond the Six Veils: Conceptualizing and Measuring Poverty. *Journal of International Affairs*. Vol 52, Issue 1.

Poverty Facts and Stats (t.t). <http://www.globalissues.org/TradeRelated/Facts.asp>.

Powers, D. S. (1984). *Revenues of Public Waqfs in Sixteenth-Century Jerusalem*. *Archivum Ottomanicum* 9.

Sabra, A. (2000). *Poverty and Charity in Medieval Islam, Mamluk Egypt, 1250-1517*. UK:Cambridge University Press.

Sadeq, M.A. (2002). Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation. *International Journal of Social Economics*. Vol. 29, No ½, pg 135-151.

Singer, A. (2004). Serving Up Charity: The Ottoman Public Kitchen, *Journal of Interdisciplinary History*. Vol. 35. No. 3.

Stillman, A.N. (1975). Charity and Social Service in Medieval Islam. *Societas. A Review of Social History*. Vol. 5. No. 2.

Stillman, A.N., (2000). *Waqf and The Ideology of Charity in Medieval Islam*. in Hunter of the East dalam Ian R. Netton eds., *Studies in Honour of Clifford Edmund Bosworth*. Vol. 1. Brill Academic Publishers: Leiden.

The State of the World's Children, Education (1999). <http://www.unicef.org/sowc99/>.

UNDP (2002). *Human Development Report 2002*. Oxford: Oxford University Press.

UNDP (2004). *Human Development Report 2004*. Oxford: Oxford University Press.

Yediyildiz, B. (1996b). *The Habitable Town and The Turkish Waqf System*. Kertas Kerja HABITAT II, UN.

Yediyildiz, B., (1996a). *Place of the Waqf in Turkish Cultural System*. Istanbul: The Foundation of Turkey.

Yusuf Al-Qaradhawi. (1996). *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobuhan*. Ahmad Nuryadi Asmawi terj. Kuala Lumpur: Thinker's Library.

KELAYAKAN DAN KEDUDUKAN PELAJAR SEBAGAI PENERIMA ZAKAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh:

Dr. Azman Ab. Rahman¹
Dr. Ahmad Wifaq Makhtar²

ABSTRAK

Secara realitinya apa yang dapat dilihat di dunia Islam pada hari ini umumnya dan di Malaysia khususnya, pihak institusi zakat telah mengagihkan zakat kepada semua asnaf yang layak menerimanya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan termasuk juga asnaf fakir dan miskin serta fi sabilillah. Golongan pelajar juga tidak terlepas daripada menerima zakat yang dikategorikan sama ada dibawah asnaf fakir dan miskin atau fi sabilillah. Namun begitu kita sering mendengar dakwaan daripada pelajar bahawa mereka sukar mendapat bantuan zakat daripada institusi tersebut disebabkan beberapa faktor tertentu sama ada datangnya daripada pelajar sendiri atau pihak institusi zakat. Pada dasarnya pelajar layak menerima zakat, namun kedudukan mereka sebagai penerima zakat bukanlah satu keutamaan berbanding dengan asnaf-asnaf yang lain terutamanya asnaf fakir dan miskin. Kita juga sedia maklum, bahawa pelajar juga berhak menerima bantuan lain seperti pembiayaan pelajaran daripada pihak kerajaan ataupun swasta. Dalam situasi ini, mungkin pihak institusi zakat melihat keperluan memberi zakat kepada pelajar bukanlah perkara utama yang perlu dititikberatkan, tetapi ia bukan bermaksud pelajar tidak layak menerima zakat. Selain daripada itu, kita juga seringkali mendengar aduan dan komentar dari masyarakat awam terhadap pusat-pusat zakat negeri tentang permasalahan prosedur permohonan bantuan zakat yang agak sukar untuk dipohon. Para pelajar juga tidak terkecuali dalam menghadapi kesukaran ini untuk membuat permohonan bantuan zakat daripada pusat-pusat zakat yang berkaitan. Isu ini timbul mungkin disebabkan oleh syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi-institusi zakat sukar dipenuhi oleh pelajar atau terdapat syarat-syarat sampingan yang menyukarkan lagi permohonan tersebut. Kesukaran

¹ Pensyarah Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Univeristi Sains Islam Malaysia (USIM).

² Pensyarah Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Univeristi Sains Islam Malaysia (USIM).

ini juga mungkin disebabkan oleh pelajar itu sendiri yang tidak mengetahui syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum melayakkan diri untuk menerima bantuan zakat tersebut atau disebabkan faktor-faktor lain. Justeru, artikel ini bertujuan untuk melihat pandangan ulama dulu dan kini tentang kedudukan dan kelayakkan pelajar sebagai penerima zakat. Diharapkan artikel ini dapat memberi penjelasan kepada masyarakat tentang kelayakan pelajar dalam menerima zakat menurut pandangan ulama dahulu dan kini.

Perkataan Teras : Zakat, Pelajar, Bantuan, Kedudukan, Kelayakkan

Klasifikasi JEL : D14, I39, Z12

PENDAHULUAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang wajib ditunaikan oleh setiap individu Muslim di seluruh dunia. Kutipan hasil zakat yang telah ditunaikan ini akan dikumpul oleh pihak yang berkuasa dan akan diagihkan kepada beberapa asnaf yang berhak menerima zakat. Pentadbiran zakat terbahagi kepada dua tugas utama iaitu kutipan dan pengagihan zakat. Jika dilihat kutipan zakat pada tahun-tahun kebelakangan ini didapati bahawa hasil kutipan tersebut amat memberangsangkan dan mendapat sambutan yang luas dari masyarakat dan organisasi-organisasi swasta.

Manakala dari sudut agihan pula, hasil kutipan zakat ini diagihkan kepada lapan asnaf berdasarkan firman Allah S.W.T. di dalam Surah At-Taubah Ayat 60:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya)

dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah At-Taubah: Ayat 60)

Para ulama dahulu dan kontemporari telah membincangkan dengan terperinci kedudukan dan status bagi setiap asnaf yang berhak menerima zakat supaya agihan itu bertepatan dengan kehendak Allah S.W.T. seperti yang ditetapkan di dalam surah At-Taubah ini. Berdasarkan ijtihad ulama khususnya di Malaysia, para pelajar dan penuntut ilmu dikategorikan sebagai salah satu golongan yang berhak menerima zakat sama ada diklasifikasikan di bawah asnaf fakir dan miskin atau *fi sabilillah*. Secara umumnya ulama mendefinisikan *fi sabilillah* sebagai semua pekerjaan yang menjurus kepada kepentingan untuk menegakkan syiar Islam, termasuklah orang yang belajar ilmu dengan tujuan untuk mendaulatkan syiar dan agama Islam. Walaupun begitu, pada zaman permulaan Islam, asnaf *fi sabilillah* ini dipergunakan bagi tujuan pengembangan agama Allah atau lebih tepat dalam peperangan. Ia digunakan bagi membiayai tentera Islam yang berjuang menegakkan kalimah Allah. Namun ulama berbeza pandangan, Imam Ahmad misalnya, menyatakan asnaf *fi sabilillah* ini boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan menunaikan haji bagi orang yang tidak mempunyai bekal yang cukup. Tetapi jumhur ulama berpendapat bahawa tidak boleh digunakan peruntukkan *fi sabilillah* ini untuk tujuan haji, selain untuk berperang. Sementara itu, ada ulama yang memberikan keluasan asnaf *fi sabilillah* ini kepada orang yang dalam usaha mencari ilmu. Dalam fatwa Al-Zohiriah, Imam Zohiruddin menjelaskan bahawa ungkapan *fi sabilillah* juga termasuk dalam konteks pencari ilmu agama dan beliau hanya membataskan wilayah *fi sabilillah* kepada mereka sahaja.

Terdapat catatan sejarah pada zaman Rasulullah S.A.W. membabitkan seorang sahabat yang menumpukan kerjayanya dalam bidang keagamaan, khususnya sebagai ulama pernah mendapat agihan daripada dana zakat *fi sabilillah* bernilai satu ribu dinar (Al-Husainiyy.t.th:207)

Dalam konteks semasa, ulama fiqh telah mengembangkan lagi maksud asnaf *fi sabilillah* ini. Misalnya Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mendefinisikan *fi sabilillah* berdasarkan pandangan Dr. Yusuf Al-Qardawi, iaitu

setiap perbuatan atau perkara yang menjurus kepada keperluan dan masalah untuk menegakkan syiar Islam (Fatwa Agihan Zakat Selangor, 1994).

DEFINISI PELAJAR

Pelajar berasal dari perkataan **طلب** yang bermaksud menuntut atau satu percubaan dalam mendapatkan sesuatu (Ibn Manzur, t.th: 559). Menurut Al-Mu'jam Al-Arabiyy Al-Asasiyy (t.th:795) dan Mu'jam Al-Wasit (1972:561) pelajar didefinisikan sebagai seseorang yang menuntut ilmu sama ada di peringkat rendah atau tinggi (t.th:795). Manakala menurut Kamus Dewan (2002:18) pelajar bermaksud orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya atau orang yang mengaji iaitu menyelidiki ilmu sama ada di sekolah menengah atau universiti.

Jika diperhatikan kepada semua definisi pelajar di atas, dapat disimpulkan bahawa pelajar merupakan seseorang yang menuntut ilmu sama ada di peringkat rendah atau tinggi dalam semua bidang pendidikan bagi mendapatkan ilmu.

Kelayakan Pelajar Menerima Zakat Menurut Islam

Isu kelayakan dan kedudukan pelajar menerima zakat ada dibincangkan di kalangan ulama dulu dan kini. Secara umumnya, perbincangan terhadap permasalahan ini dalam bahagian agihan zakat kepada lapan asnaf. Sudah tentu setiap mazhab mempunyai pandangan mereka yang tersendiri atau mungkin terdapat persamaan dan perbezaan di kalangan mazhab.

PANDANGAN EMPAT MAZHAB

Mazhab Hanafi:

Agihan zakat di bawah asnaf *fi sabilillah* diwajibkan untuk pembiayaan aktiviti keserjanaan Islam menurut sebahagian pendapat ulama Mazhab Hanafi. Dalam fatwa Al-Zohiriah, Imam Zohiruddin menjelaskan bahawa ungkapan *fi sabilillah* juga termasuk dalam konteks pencari ilmu agama dan beliau hanya membataskan wilayah *fi sabilillah* kepada mereka sahaja (Ibn 'Abidin, 1994:372).

Pendapat ini juga telah di dikemukakan oleh Imam Al-Marghinaniyy Al-Hanafi dan disokong oleh Imam Ibn 'Abidin yang menyebut (Ibn 'Abidin, 1994:372):

“Penuntut ilmu layak untuk menerima zakat meskipun terdiri dari orang kaya, sekiranya dia sepenuh masa belajar atau mengajar ilmu kerana dia dikira tidak berupaya untuk bekerja dan menuntut ilmu ini adalah satu keperluan yang wajib”.

Manakala dalam kitab Al-Mabsut karangan Imam Al-Sarakhsi ada menjelaskan:

“Jika asnaf fi sabilillah boleh dibelanjakan untuk pembiayaan pelajaran dan pendidikan, setiap pelajar dibenarkan menerima bantuan dana ini selama empat puluh tahun”.

(Ibn 'Abidin, :1994: 211).

Imam Ibn Nujaim (t.th: 269) juga menerangkan dalam kitabnya:

”Dan penuntut ilmu wajar untuk diberikan (zakat) kerana mereka tidak sempat untuk bekerja atas sebab kesibukkan menuntut ilmu, dengan itu ulama menyatakan penuntut ilmu layak menerima nafkah bapanya walaupun dia seorang yang berupaya untuk bekerja”.

Jika dilihat dalam pandangan mazhab Hanafi, mereka berpandangan bahawa pelajar layak menerima zakat kerana mereka termasuk dalam golongan asnaf *fi sabilillah*. Mereka juga menjelaskan bahawa walaupun seseorang pelajar itu kaya, beliau berhak menerima zakat sehinggalah ada yang berpandangan sehingga 40 tahun.

Mazhab Maliki:

Sebahagian ulama Mazhab Maliki berpendapat bahawa pelajar layak menerima zakat sekiranya pelajar tidak menerima pembiayaan dari *baitulmal*. Pandangan ini dipelopori oleh dua orang ulama besar dalam Mazhab Maliki iaitu Imam Ibn Rusd dan Al-Lakhmiyy (Al-Kharsiy, 1885:350).

Mereka berpendapat, pembiayaan pelajaran seharusnya diambil oleh penuntut ilmu dari *baitulmal* kerana ia memberi manfaat kepada masyarakat Islam. Tetapi jika para penuntut dan alim ulama tidak menerima pembiayaan dari *baitulmal*, mereka layak untuk menerima zakat sama ada mereka kaya atau miskin.

Seorang ulama Mazhab Maliki yang bernama Muhammad b. Al-Salih Al-Awjaliyy telah ditanya mengenai hukum kelayakan pelajar untuk menerima zakat, beliau menjawab (Al-Kharsiy, 1885: 350):

“Segala puji bagi Allah, dibenarkan pengagihan zakat kepada pelajar, orang alim, orang yang mengajar ilmu dan semua orang yang ada manfaat kepada masyarakat Islam meskipun mereka terdiri dari orang kaya, kerana mereka memberi manfaat umum dan menjaga agama, dan keharusan ini telah dinyatakan oleh Imam Ibn Rushd dan Al-Lakhmiy. Allah S.W.T. telah meletakkan mereka di antara asnaf lapan yang layak menerima zakat iaitu di bawah asnaf fi sabillah yang bermakna orang yang berjuang menegakkan agama Allah. Kelayakan ini kerana mereka memberi manfaat umum kepada masyarakat Islam meskipun mereka terdiri dari orang kaya. Dengan itu para pelajar, orang alim, orang yang mengajar ilmu dan bilal-bilal juga termasuk di dalam makna ini. Dengan pemberian zakat kepada mereka akan menjadikan Islam agama yang terpelihara, tersohor, teragung dan dapat menenangkan hati umat Islam. Maka mereka termasuk di dalam asnaf orang yang berjuang menegakkan agama Allah”.

Dapat disimpulkan di sini, bahawa ulama Mazhab Maliki turut meletakkan para pelajar di bawah asnaf *fi sabillah* yang layak menerima zakat. Namun apa yang ingin ditekan oleh mereka dalam perkara ini adalah seseorang pelajar itu layak menerima zakat sekiranya tidak mendapat sumbangan daripada *baitulmal*.

Mazhab Shafie

Satu perbahasan menurut Mazhab Syafie yang amat menarik mengenai isu ini dinukilkan oleh Imam An-Nawawiy (1995:170) dalam kitab “*Al-Majmu*”. Beliau menghimpunkan pandangan ulama fiqh Shafie mengenai kelayakan penuntut ilmu untuk menerima zakat di bawah asnaf faqir yang tidak berupaya untuk bekerja. Menurut beliau, penuntut ilmu sepenuh masa yang berpotensi layak

menerima zakat walaupun berupaya untuk mencari rezeki kerana pekerjaan itu akan mengganggu pembelajaran penuntut tersebut. Manakala pelajar yang tidak berpotensi pula meskipun menetap di asrama bersama pelajar-pelajar lain, mereka tidak layak menerima zakat. Ini merupakan pendapat yang masyhur di dalam mazhab Shafie.

Perbahasan ini lebih tertumpu kepada asnaf faqir yang tidak berupaya bekerja, termasuklah dari golongan penuntut ilmu sepenuh masa yang tiada waktu untuk bekerja juga dikategorikan sebagai faqir yang tiada perkerjaan.

Imam An-Nawawiy (1995:172) turut membawa pendapat lain berkenaan kelayakan pelajar untuk menerima zakat yang dibahagikan kepada tiga pandangan:

Pertama: Penuntut ilmu layak menerima zakat meskipun berupaya untuk bekerja.

Kedua: Penuntut ilmu tidak layak menerima zakat sekiranya berupaya untuk bekerja.

Ketiga: Penuntut ilmu layak menerima zakat sekiranya berpotensi untuk menjadi orang berilmu dan boleh memberi manfaat kepada masyarakat Islam.

Berdasarkan dari tiga pandangan ini, pendapat popular yang dipilih oleh majoriti ulama Mazhab Shafie ialah pendapat ketiga yang menegaskan bahawa penuntut ilmu layak menerima zakat sekiranya berpotensi untuk menjadi orang berilmu dan boleh memberi manfaat kepada masyarakat Islam.

Jika ditinjau dalil yang digunakan oleh mazhab Shafie di dalam mengemukakan dan memilih pendapat ini, nescaya didapati sebab utama pemilihan tersebut adalah kerana menuntut ilmu merupakan satu kewajipan yang diwajibkan oleh Islam kepada sesebuah masyarakat sehingga menjadi tanggungjawab bersama untuk memikul bebanan ini. Kewajipan ini dinamakan oleh ulama sebagai fardhu kifayah yang bermaksud sebahagian dari masyarakat wajib melaksanakan kewajipan ini dan mereka akan berdosa jika tiada orang yang menunaikannya.

Di dalam Al-Quran ada menyebutkan bahawa tidaklah menjadi keperluan untuk semua orang turun ke medan perang untuk menunaikan kewajipan berperang sebaliknya perlulah ada sebahagian golongan memperdalam ilmu agama sebagai peringat dan penasihat kepada kaumnya apabila pulang.

“Tidaklah sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat mengambil peringatan.”

(Surah At-Taubah : Ayat 122)

Imam Al-Sharbiniyy (t.th:430) juga ada membincangkan isu pemberian zakat kepada pelajar dalam kitab Mughniyy Al-Muhtaj Ila Ma’rifah Alfaz Al-Minhaj berdasarkan nassnya:

“(Orang yang menuntut ilmu) syarak seperti dalam kitab Rawdhah – yang berpotensi untuk berjaya – seperti yang disebut dan disokong oleh Al-Darimiyy – (dan pekerjaan menghalangnya) kerana menuntut ilmu maka dia (dikira sebagai orang fakir) maka haruslah dia menuntut ilmu dan menerima zakat kerana disebabkan menuntut ilmu adalah perkara yang termasuk di dalam fardhu kifayah. Tetapi bagi orang yang tidak berpotensi untuk menuntut ilmu maka dia tidak layak untuk menerima zakat sekiranya dia mampu untuk bekerja”.

Dapat difahami dari kata-katanya: (Pekerjaan menghalangnya) adalah jika pekerjaan tidak menghalangnya dari menuntut ilmu maka dia tidak layak menerima zakat. Sekiranya pekerjaan tersebut sesuai dengan kedudukannya yang biasa seperti pekerjaan menyalin buku.

Perhatian: Difahami dari alasan tersebut bahawa orang yang sibuk dengan belajar Al-Quran atau ilmu alat kepada ilmu syarak yang lain juga berhak

menerima zakat sekiranya dia seorang yang berpotensi dan pekerjaan lain boleh menghalangnya dari menuntut ilmu.

Pendapat ini telah dijelaskan dalam kitab Al-Anwar yang menyebut: jikalau mampu untuk bekerja di tempat penyalinan buku atau tempat lain tetapi dia sibuk untuk mempelajari Al-Quran atau ilmu fardhu kifayah atau mengajarnya namun pekerjaannya boleh menghalangnya dari menuntut ilmu atau mengajarnya maka haruslah dia menerima zakat”.

Pandangan lain daripada mazhab Shafie oleh Imam Qalyubiy (1998:197):

“Kata-katanya: (dan pekerjaan yang tidak sesuai dengan kedudukannya) atau sesuai tetapi tiada orang yang menawarkan pekerjaan itu, sekiranya dia berasal dari keluarga yang tidak biasa dengan pekerjaan, maka dia layak menerima zakat walaupun dia mampu untuk bekerja kerana dia tidak sesuai untuk bekerja menurut adat. Dan katanya: (dengan ilmu syarak) walaupun berkaitan ilmu kerohanian seperti tasawwuf, ilmu alat seperti nahu dan juga hafalan al-Quran yang bukan hanya bacaannya sahaja, begitu juga menunaikan nazar berpuasa sepanjang tahun yang dibenarkan. Dan katanya (maka dia menuntut ilmu) sekiranya dia berpotensi untuk berjaya dalam ilmu itu. Dan tidak layak menerima zakat jika dia tidak berpotensi. Dan katanya (dan dia mengambil) apa yang mencukupi untuk dirinya dan nafkah orang dibawah tanggungannya seperti bapanya, anaknya, hambanya yang memerlukan kecuali isterinya menurut apa yang disebut oleh guru kami Ar-Ramli, boleh dirujukannya.

Secara umumnya mazhab Shafie membincangkan isu kelayakan seseorang pelajar itu menerima zakat dalam asnaf fakir dan miskin. Perbincangan mereka sedikit mendalam kerana mereka membahagikan 3 kategori untuk melayakkan seseorang pelajar itu menerima zakat.

Mazhab Hambali:

Satu perbahasan menurut mazhab Hambali mengenai isu ini dinukilkan oleh Imam Al-Bahutiyy (1997:314). Beliau membawa pandangan ulama fiqh Hambali mengenai kelayakan penuntut ilmu untuk menerima zakat di bawah asnaf miskin.

“Jika seseorang itu menghabiskan sepenuh masa untuk menuntut ilmu syarak walaupun berupaya untuk mencari rezeki dan tidak menjadi kewajipan ke atas dirinya dan dia tidak mampu untuk mengabungkan antara ilmu dan kerja, maka dia layak untuk menerima zakat bagi keperluan dirinya. Manakala zakat tidak boleh diberikan kepada orang yang beribadat sepenuh masa dan dia berupaya untuk mencari rezeki, kerana ibadatnya itu hanya untuk dirinya sahaja, berbeza dengan penuntut ilmu”.

Kesimpulan menurut beliau, penuntut ilmu syariat sepenuh masa layak menerima zakat walaupun berupaya untuk mencari rezeki kerana tidak mampu untuk mengabungkan antara ilmu dan kerja. Manakala orang yang beribadat sepenuh masa, mereka tidak layak menerima zakat, kerana ibadat hanya untuk dirinya sahaja, berbeza dengan penuntut ilmu yang boleh menyebarkan ilmunya kepada orang lain.

Perbincangan ini lebih tertumpu kepada asnaf miskin yang tidak berupaya bekerja, termasuklah dari golongan penuntut ilmu sepenuh masa yang tiada waktu untuk bekerja juga dikategorikan sebagai miskin yang tiada perkerjaan. Dinyatakan juga di dalam kitab tersebut bahawa penuntut ilmu boleh menerima zakat untuk membeli buku-buku rujukan sebagai keperluan agama dan dunianya.

Dapat disimpulkan di sini, bahawa mazhab Hanbali membincangkan kelayakan seseorang pelajar zakat itu tergolong dalam asnaf fakir dan miskin. Di samping itu juga mereka juga menjelaskan bahawa seseorang pelajar itu layak menerima zakat sekiranya dia mengambil jurusan agama atau ilmu-ilmu Islam..

PANDANGAN ULAMA KONTEMPORARI

Imam Al-Maraghiyy:

Pendapat Imam Al-Maraghiyy (1985:145) bahawa beliau menyatakan:

“Fi Sabilillah merupakan kalimah yang memberi laluan kepada setiap jalan yang boleh mencapai keredaan Allah S.W.T. serta mendapat ganjaran-Nya.

Ini bermakna, kalimah ini bermaksud, setiap aktiviti yang bertujuan mendekati Allah S.W.T. seperti seorang pejuang jihad, mengerjakan haji dan pelajar yang memerlukan bantuan. Mereka harus menerima agihan dana zakat fi sabilillah”.

Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawiyy:

Beliau menjelaskan bahawa penuntut ilmu sepenuh masa layak menerima zakat jika tidak mampu bekerja dalam masa yang sama. Pendapat ini telah dikemukakan dalam kitabnya “*Fiqh al-Zakat*”:

“Penuntut ilmu sepenuh masa layak menerima zakat. Jika seseorang itu belajar sepenuh masa dalam sesuatu ilmu yang bermanfaat dan dia tidak mampu untuk menggabungkan antara pekerjaan dan pelajaran maka dia layak untuk menerima Zakat mengikut kadar yang boleh membantunya untuk menyelesaikan tugasannya dan keperluannya seperti buku-buku yang digunakan untuk kebaikan agama dan dunia.

Pemberian zakat kepada pelajar adalah kerana mereka melaksanakan kewajipan fardhu kifayah dan manfaatnya tidak terbatas untuk dirinya seorang tetapi untuk kebaikan umat seluruhnya. Maka dia berhak dibantu dari harta zakat kerana zakat diberikan kepada dua golongan: Pertama kepada orang yang memerlukan dari kalangan orang Islam dan kedua kepada orang yang diperlukan oleh umat Islam dan penuntut ilmu mempunyai kedua-dua ciri ini.

Sebahagian ulama mensyaratkan mestilah pelajar itu seorang yang berpotensi untuk berjaya dalam pelajarannya dan boleh memberi manfaat kepada umat. Jika tidak, maka dia tidak layak untuk menerima zakat sekiranya dia mampu untuk bekerja. Ini merupakan pendapat yang berhujah. Ia merupakan amalan negara-negara maju yang membiayai pelajar-pelajar cemerlang untuk diberikan pengajian khas atau dihantar belajar di dalam dan luar negara”. (1997:560-561)

Dr. Yusuf al-Qardhawiyy turut menghimpunkan beberapa pandangan ulama fiqh dalam pelbagai aliran mazhab mengenai isu yang berkaitan dengan asnaf *fi sabilillah* yang terdiri dari golongan mahasiswa. Dalam membicarakan isu

berkaitan pandangan ulama mazhab terhadap definisi *fi sabillillah*, penulis telah membawa pendapat ulama yang menghadkan definisi *fi sabillillah* hanya untuk penuntut ilmu.

Prof. Dr. Umar Sulaiman Al-Asyqar:

Beliau berpendapat penuntut ilmu layak menerima zakat jika mereka tergolong dalam asnaf fakir miskin atau amil atau berjuang *fi sabillah*. Jika tidak, mereka tidak layak menerima zakat atas nama penuntut ilmu, beliau menyebut:

"Pendapat yang benar dalam perkara ini adalah tidak dibenarkan pemberian zakat kepada para pelajar, mufti, guru dan ulama kecuali jika mereka tergolong dalam asnaf fakir miskin atau amil atau berjuang fi sabillah.

Adapun jika pemberian zakat kepada mereka disebabkan mereka ulama atau pelajar atau mufti atau guru, maka ini adalah tidak diharuskan. Kerana mereka bukan terdiri dalam asnaf yang disebutkan dalam ayat asnaf zakat. Tetapi ini tidak menafikan pemberian kepada mereka dari baitulmal bukan dari harta zakat".

Prof. Dr. Saud b. Abdullah Al-Fanisan:

Beliau merumuskan bahawa penuntut ilmu sepenuh masa layak menerima zakat di bawah asnaf *fi sabillah* meskipun mereka terdiri dari kalangan orang kaya dan melebihi keperluan asasi mereka, beliau menyatakan:

"Jika sekiranya sebahagian ulama salaf membenarkan pemberian zakat kepada penuntut ilmu sepenuh masa di bawah asnaf fi sabillah meskipun mereka terdiri dari kalangan orang kaya dan melebihi keperluan asasi mereka, maka pemberian zakat untuk kebaikan umat dan kebajikan masyarakat juga tidak kurang pentingnya dari pemberian zakat kepada para pelajar". (2003:155)

Prof. Dr. Sabri Abd. Rauf:

Beliau menegaskan bahawa para pelajar layak menerima zakat di bawah asnaf *fi sabillah* kerana mereka tergolong di dalam pemberian zakat kepada kebajikan umat. Beliau menyatakan :

“Dan termasuk dalam asnaf ini (fi sabilillah): penuntut ilmu, pembinaa hospital, masjid dan pembaikan jalanraya, kerana semua ini dikategorikan dalam kebajikan umat”. (2008:175)

FATWA BERKAITAN PEMBERIAN ZAKAT KEPADA PELAJAR

Prof. Dr. Ali Jumaah Muhammad:

Beliau menegaskan bahawa ulama dari empat mazhab bersepakat dalam mengharuskan pemberian zakat kepada penuntut ilmu kerana menuntut ini termasuk di dalam asnaf *fi Sabilillah*.

Pendapat ini telah dinyatakan dalam *مجلة دار الإفتاء* 2007 yang menyebut:

*“Dan para fuqaha’ telah bersepakat mengharuskan pemberian zakat kepada penuntut ilmu. Pendapat ini telah dijelaskan oleh ulama mazhab Hanafi, Syafie dan Hambali serta pendapat dalam Mazhab Maliki. Di antara dalil yang dinyatakan oleh ulama dalam mengharuskan pemberian zakat kepada penuntut ilmu adalah kerana pembiayaan menuntut ilmu termasuk di dalam asnaf *fi sabillah*. Dan ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Timizi yang dikelaskan sebagai hadis hasan bahawa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda: “Barangsiapa yang keluar untuk menuntut ilmu maka dikira sebagai *fi sabillah* sehingga dia kembali.”*

Markaz Fatwa Islamweb:

Para ulama dalam Markaz Fatwa Islamweb telah meletakkan beberapa syarat bagi kelayakkan pelajar untuk menerima zakat. Pendapat ini telah diwartakan dalam fatwa no. 32863. Syarat-syarat ini adalah seperti yang berikut:

“Adapun pemberian zakat kepada pelajar atas cirinya sebagai penuntut ilmu hendaklah mengikut syarat berikut:

1. *Mestilah ilmu tersebut merupakan ilmu-ilmu syarak dan ilmu alat yang berkaitan dengannya seperti Nahu dan Usul;*
2. *Mestilah pelajar tersebut tergolong dalam golongan orang fakir yang memerlukan. Tidak boleh diberikan zakat kepada orang kaya. Tujuan syarat ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W.: Tidak halal*

zakat kepada orang kaya dan orang yang mampu bekerja. Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Daud dll. Ini adalah pendapat dalam Mazhab Syafie dan Hanbali; dan

3. *Mestilah pekerjaan untuk mencari rezeki menghalangnya dari menuntut ilmu.*

Fatwa Majlis Al-Islamiyy Lil Ifta Bait Al-Muqadis:

Harus pemberian zakat kepada penuntut ilmu dari asnaf fakir dan miskin sekiranya mereka tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk makanan, minuman, tempat tinggal, pakaian dan pembelian buku.

AGIHAN ZAKAT KEPADA PELAJAR OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

Jika diperhatikan kebanyakan pusat zakat negeri dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia telah meletakkan para pelajar dan penuntut ilmu sebagai salah satu asnaf yang berhak menerima zakat sama ada di bawah asnaf fakir dan miskin atau *fi sabilillah*. Mereka diberikan bantuan zakat sama ada yang belajar di dalam ataupun luar negara, khususnya di negara-negara timur tengah dan negara-negara lain amnya. Pemberian Zakat ini tidak hanya tertumpu kepada pelajar bidang agama sahaja, malahan penuntut dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan bidang-bidang yang lain juga diberikan bantuan zakat.

Secara umumnya setiap negeri memberikan bantuan zakat kepada pelajar dalam bentuk kewangan bagi menampung pembelajaran mereka di sesebuah institusi pengajian tinggi. Namun begitu, jumlah bantuan yang diberikan pada kebiasaannya berbeza di antara setiap negeri. Terdapat negeri yang mempunyai pungutan zakat yang tinggi dalam tempoh satu tahun tertentu memberikan kadar zakat yang agak tinggi kepada pelajar. Di samping itu juga, kadar sesuatu jumlah zakat yang diberikan juga mengambil kira kos pengajian sesuatu bidang termasuk juga negara di mana tempat mereka belajar.

Pada kebiasaannya seseorang pelajar yang ingin memohon bantuan zakat daripada institusi zakat perlu membuat permohonan dengan mengisi borang yang telah disediakan. Sebarang kelulusan tertakluk kepada keputusan daripada pihak tersebut. Pelajar perlu memahami prosedur permohonan

bantuan zakat serta syarat-syarat yang melayakkan mereka untuk menerima zakat. Setiap negeri berbeza dari segi syarat dan prosedur permohonannya yang perlu diketahui oleh pelajar agar tidak menyalahkan institusi zakat sekiranya permohonan mereka tidak diluluskan. Umumnya kita mengetahui bahawa pengurusan dan pentadbiran zakat setiap negeri berbeza antara satu sama lain, sudah pasti terdapat perbezaan dari segi peraturan yang ditetapkan bagi mendapatkan sesuatu permohonan.

Jelas di sini bahawa, institusi zakat di Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam memberi bantuan zakat kepada pelajar untuk menyambung pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi lagi. Seharusnya pemberian zakat ini digunakan sebaik mungkin kerana duit zakat berbeza daripada sumber kewangan yang lain disebabkan Islam telah menetapkan hanya lapan golongan sahaja yang berhak menerima zakat termasuk golongan pelajar sama ada termasuk dalam asnaf fakir dan miskin atau *fi sabilillah*.

PENUTUP

Setelah meneliti pandangan ulama dahulu dan terkini berkenaan kelayakkan pelajar untuk menerima zakat, di sini boleh disimpulkan beberapa perkara:

1. Ulama bersepakat bahawa penuntut ilmu yang fakir atau miskin layak untuk menerima zakat di bawah asnaf fakir dan miskin.
2. Mereka berselisih pendapat bagi pemberian zakat kepada pelajar di bawah asnaf *fi sabilillah*.
3. Mazhab empat bersetuju pemberian zakat kepada pelajar ilmu syariat sepenuh masa yang tidak mampu bekerja dan belajar dalam masa yang sama.
4. Mereka berselisih pendapat bagi pemberian zakat kepada pelajar yang belajar ilmu selain ilmu syariat.

RUJUKAN

Al-Asyqar, Umar Sulaiman. 2010. *Abhath Fiqhiyyah Fi Qhadaya Al-Zakat Al-Mua'sarah*. Jordan: Dar Al-Nafais.

Al-Bahutiyy, Mansur Ibn Yunus Ibn Idris. 1982. *Kashshaf Al-Qina' 'An Matn Al-Iqna'*. Beirut: Dar Al-Fikr.

Al-Fanisan, Saud bin Abdullah. 2003. *Masraf Wa Fi Sabilillah*. Riyadh: Maktabah Al-Taubah.

Al-Husainiyy, Abu Tayyib Sidq bin Hasan bin Ali. T.th. *Al-Rawdah Al-Nadiyah Sharh Al-Darar Al-Bahiyah*. Kaherah: Maktabah Dar Al-Turath.

Al-Kharsiyy, Muhammad bin Abdullah. 1885. *Sharh Mukhtasar Khalil Lil Kharsiyy*. Mesir: Muhammad Afandi Mustafa.

Al-Maraghiyy, Ahmad Mustafa. 1985. *Tafsir Al-Maraghiyy*. Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabiyy.

Al-Mu'jam Al-Arabiyy Al-Asasiyy. T.th. Al-Munazamah Al-Arabiyyah Lil Tarbiyah Wa Shaqafah Wa Al-Ulum.

Al-Nawawiyy, Muhyi Al-Din Abu Zakariya Yahya B. Sharf. 1995. *Kitab Al-Majmu' Syarah Muhazzab lil-Syiraziyy*. Kaherah: Dar Al-Ehya' Turath Al-'Arabiyy.

Al-Qalyubiyy, Shihabudin Ahmad bin Ahmad. 1998. *Hasyiah Qalyubiyy*. Beirut: Dar Al-Fikr.

Al-Qaradawiyy, Yusof. 1999. *Fiqh Al-Zakat Dirasah Muqaranah li-Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' Al-Qur'an wal-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah Al-Risalah.

Al-Quran Al-Karim.

Al-Sharbiniyy, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Al-Khatib. 2000. *Mughni Al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*. Beirut: Dar Al- Kutub Al-'Ilmiyah.

Fatwa Agihan Zakat Selangor, 1994.

<http://www.dar-alifta.org/viewFatwa.aspx?ID=474/>. Telah dilayari pada 14 Mac 2011.

<http://www.fatawah.com/Fatawah/201.aspx/>. Telah dilayari pada 14 Mac 2011.

<http://www.islamweb.net/ver2/fatwa/ShowFatwa.php?Option=Fatwald&lang=A&Id=32863/>. Telah dilayari pada 14 Mac 2011

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. t.th. *Hasyjah Ibn 'Abidin*. Beirut: Dar Al-Fikr.

Ibn Manzur, Jamal Al-Din Muhammad bin Makram. T.th. *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar Al-Sadir.

Ibn Nujaim, Zainudin bin Ibrahim. T.th. *Al-Bahr Al-Ra'iq Sarh Kanzu Al-Daqa'iq*. Beirut: Dar Al-Makrifah.

Ibrahim Mustafa *et. al.* 1985. *Mu'jam Al- Wasit*. Istanbul: Maktabah Islamiyyah.

Kamus Dewan. 2002. Cet. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Sabri Abd. Rauf. 2008. *Nazrat Fi Fiqh Al-Zakat*. Mesir: Dar Al-Kutub Al-Misriyah.

PRESTASI PENGENDALIAN OPERASI HAJI TANAH AIR BAGI MUSIM 1431H/2010M¹

Oleh:

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh²
Ahmad Azhan Mohd Noh³

ABSTRAK

Kredibiliti Lembaga Tabung Haji (LTH) sebagai peneraju dalam bidang pengurusan dan pengendalian operasi haji tidak dapat disangkal lagi. Ianya terus mendapat pujian dari Kerajaan Arab Saudi yang mengiktiraf prestasi pengurusan jemaah haji Malaysia oleh LTH sebagai yang terbaik dalam kalangan negara-negara Islam yang lain. Bahkan, Negara-negara Islam telah disaran supaya mencontohi pendekatan yang diambil oleh LTH dalam pengurusan jemaah dan pengendalian operasi haji di Tanah Suci. Manakala, pemantauan dan cadangan-cadangan penambahbaikan terhadap aspek-aspek pengurusan dan pengendalian jemaah haji Malaysia dibuat secara berterusan oleh JAWHAR selaras dengan fungsi Jabatan ini sebagai jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab memantau, mengawal selia dan mengkaji sistem pengurusan dan operasi haji. Bagi musim haji 1431H/2010M, JAWHAR sekali lagi telah mengadakan Kajian Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji yang merangkumi pemantauan terhadap pelaksanaan Kursus Haji Perdana dan Operasi Pelepasan Jemaah Haji Malaysia ke Tanah Suci Bagi Musim 1431H/2010M. Laporan kajian ini merupakan hasil maklum balas jemaah haji terhadap borang soal selidik JAWHAR, pemerhatian secara langsung dan perbincangan dengan pasukan petugas yang terlibat dalam operasi pelepasan jemaah bagi tahun 2010.

Perkataan Teras : Lembaga Tabung Haji, Jemaah Haji 2010, Pengurusan dan Pengendalian

Klasifikasi JEL : N40, L20, L50, Z12

¹ Artikel ini merupakan ringkasan daripada Laporan Kajian Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji bagi Musim Haji Tahun 1431H/2010M oleh JAWHAR.

² Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

³ Pengarah Bahagian Haji, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

PENGENALAN

Ibadat haji yang merupakan salah satu rukun Islam adalah teras kepada kesempurnaan iman yang mampu menzahirkan mukmin sejati, khusyu' dan tawaddu' dalam menjalani kehidupan. Dalam hal ini, terdapat pelbagai dalil yang menekankan kepentingan haji dalam Islam, antaranya:

Dari Abu Hurairah R.A. katanya:

“Rasulullah S.A.W. ditanya orang mengenai amal yang paling utama, jawabnya: “Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya”. Tanya orang itu lagi: “Kemudian apa?” Jawabnya: “Kemudian Jihad, berjuang di jalan Allah”. Ditanya pula lagi: “Setelah itu apa?” Jawabnya: “Setelah itu haji yang mabrur”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

SOROTAN LITERATUR

Ibadah haji telah difardhukan ke atas setiap umat Islam di muka bumi melalui Rukun Islam. Oleh yang demikian, bagi individu-individu yang telah memenuhi syarat-syarat wajib haji, maka mereka tidak seharusnya berlengah-lengah untuk menunaikan ibadah haji. Nilai-nilai kemuliaan dan keistimewaan tersendiri yang terdapat dalam ibadah haji hanya dapat diperolehi oleh mereka yang benar-benar faham dan melaksanakan ibadah ini mengikut rukun-rukun yang telah ditetapkan. Di antara keistimewaan dan hikmat ibadah haji ialah:

- a) Perbelanjaan yang dikeluarkan untuk ibadat haji adalah seperti perbelanjaan *Fisabilillah*, satu dirham digandakan dengan 700;
- b) Para jemaah haji dan orang yang melakukan Umrah semuanya adalah tetamu Allah S.W.T., jika mereka berdoa kepada-Nya akan diperkenankan, jika mereka pohonkan keampunan akan diampunkan dosa-dosa mereka;
- c) Setiap hari Allah S.W.T. menurunkan 120 rahmat untuk orang yang menunaikan Haji ke Baitullah, 60 rahmat untuk orang yang bertawaf, 40 rahmat untuk yang bersolat dan 20 rahmat untuk yang memandang Ka'abah; dan

- d) Baitullah ini adalah tunjang Islam, sesiapa yang keluar kerana mengunjunginya untuk mengerjakan Haji atau Umrah, dia dijamin oleh Allah S.W.T. sekiranya meninggal dunia, dia akan dimasukkan ke dalam syurga-Nya dan jika pulang semula dia pulang dengan ganjaran paha la dan harta.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- a. Menenal pasti aspek-aspek bimbingan, perkhidmatan, pengurusan dan pengendalian jemaah haji yang memerlukan penambahbaikan supaya kualiti pengurusan dan perkhidmatan haji dapat ditingkatkan ke taraf dunia;
- b. Memerhati secara terus ke atas perkhidmatan LTH dalam memberi bimbingan dan perkhidmatan pengurusan haji yang terbaik demi kemanfaatan para jemaah;
- c. Memberi pengalaman dan pendedahan kepada pegawai JAWHAR mengenai bimbingan haji, operasi pengurusan dan pengendalian haji; dan
- d. Mendapatkan maklum balas secara terus daripada para jemaah haji dan LTH mengenai operasi pengurusan jemaah haji yang dilaksanakan di pusat-pusat pelepasan jemaah haji.

SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Kajian ini telah dilaksanakan dengan persetujuan Lembaga Tabung Haji bagi mengumpul maklum balas secara terus daripada jemaah haji musim 1431H/2010M. Sebanyak 500 borang soal selidik telah diedarkan kepada para jemaah haji sepanjang tempoh kajian yang bermula pada 25 September 2010 sehingga 29 Oktober 2010.

Kajian mengenai Prestasi Pengurusan Dan Pengendalian Operasi Haji Tanah Air Bagi Musim 1431H/2010M dijalankan di 6 lokasi terpilih yang merupakan lokasi bagi Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri dan Pusat Pelepasan Jemaah Haji untuk ke Tanah Suci iaitu:

Lokasi	Tarikh	Jumlah Jemaah
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor.	25-26 Sept. 2010	4,200 orang
Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan, Pahang.	25-26 Sept. 2010	1,847 orang
Lapangan Terbang Kuching, Sarawak	15 Okt. 2010	356 orang
Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, Terengganu.	19 Okt.2010	356 orang
Kompleks Jemaah Haji Kelana Jaya, Selangor.	25 Okt. 2010 dan 29 Nov. 2010	806 orang
Kompleks Jemaah Haji Bayan Lepas, Pulau Pinang.	29 Okt. 2010	450 orang

Kajian Pemantauan Pelaksanaan Kursus Haji Perdana Bagi Musim 1431H/2010M adalah berdasarkan skop-skop seperti berikut:

- i. Sumber manusia (perkhidmatan petugas);
- ii. Pendaftaran dan pembahagian kumpulan;
- iii. Pengisian program;
- iv. Kemudahan prasarana;
- v. Perkhidmatan kesihatan;
- vi. Penyediaan makanan;
- vii. Tahap kepuasan hati peserta kursus; dan
- viii. Persiapan peserta untuk mengerjakan ibadah haji.

Skop bagi Kajian Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji di pusat-pusat pelepasan jemaah haji merangkumi tahap persiapan diri dan kepuasan jemaah haji sewaktu berada di pusat pelepasan jemaah berdasarkan aspek-aspek berikut:

- a. Faktor-faktor dan sumber menunaikan haji;
- b. Penjagaan kesihatan;
- c. Pengetahuan jemaah mengenai ibadah haji; dan
- d. Perkhidmatan di pusat-pusat pelepasan jemaah haji.

METODOLOGI DAN ANALISA KAJIAN

Kajian Pemantauan Pelaksanaan Kursus Haji Perdana Bagi Musim 1431H/2010M dilaksanakan melalui kaedah temu bual dengan petugas-petugas LTH, guru-guru pembimbing dan peserta-peserta kursus serta melalui pemerhatian lapangan oleh pegawai-pegawai JAWHAR yang terlibat sewaktu kursus tersebut dijalankan. Manakala bagi mendapatkan penilaian jemaah haji terhadap pengurusan dan pengendalian operasi haji di pusat-pusat pelepasan jemaah haji, borang soal selidik yang diedarkan kepada jemaah haji digunakan sebagai instrumen utama kajian ini. Daripada 500 borang soal selidik yang telah diedarkan kepada para jemaah di pusat pelepasan jemaah haji, sejumlah 417 borang didapati lengkap dan dapat dianalisa manakala 83 borang lagi didapati tidak lengkap dan sukar dianalisa. Responden yang ditemui bagi kajian pengurusan dan pengendalian operasi haji di empat pusat pelepasan jemaah haji merupakan jemaah haji daripada lima penerbangan bagi musim haji 1431H/2010M iaitu KT22, KT38, KT55, KT68 dan KT83.

Selain itu, kaedah temu bual secara langsung dengan jemaah dan petugas haji serta pemerhatian juga turut digunakan. Ringkasnya, Kajian Prestasi Pengurusan Dan Pengendalian Operasi Haji Tanah Air Bagi Musim 1431H/2010M melibatkan kaedah-kaedah berikut:

- a. Mengedarkan borang soal selidik kepada jemaah haji;
- b. Pemerhatian secara fizikal oleh pegawai-pegawai JAWHAR; dan
- c. Temu bual dengan jemaah haji, pegawai dan petugas-petugas haji.

Bagi tujuan analisa kajian pula, perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 15 digunakan.

PENEMUAN DAN HASIL PEMERHATIAN

A. Pelaksanaan Kursus Haji Perdana

Berikut ialah hasil pemerhatian bagi Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri yang diadakan di Negeri Selangor dan Pahang.

i. Sumber Manusia: Petugas

Petugas-petugas yang terlibat mengendalikan Kursus Haji Perdana yang diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor terdiri daripada kakitangan TH negeri, kakitangan TH *Contact Center*, guru pembimbing bertauliah TH dan sukarelawan TH@Universiti. Manakala bagi Kursus Haji Perdana di Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan, Pahang, petugas-petugas terdiri daripada kakitangan TH negeri Pahang, guru pembimbing bertauliah TH dan ahli-ahli Persatuan Bulan Sabit Merah. Sebelum kursus dimulakan, petugas-petugas diberikan taklimat mengenai pelaksanaan kursus. Taklimat tersebut turut merangkumi pelan-pelan kontingensi perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk menangani kemungkinan-kemungkinan yang mungkin berlaku sepanjang tempoh kursus.

ii. Pendaftaran dan Pembahagian Kumpulan

Proses pendaftaran dan pembahagian peserta di Negeri Selangor yang mencecah angka 4,200 orang berjalan dengan lancar di mana peserta-peserta bebas mendaftar di 7 kaunter pendaftaran yang telah disediakan. Para peserta dibahagikan kepada 7 kumpulan yang dipanggil maktab bagi menggambarkan keadaan jemaah sepanjang tempoh mengerjakan haji di mana setiap pergerakan dijalankan mengikut maktab yang telah ditetapkan.

Sementara itu di Negeri Pahang, pendaftaran bagi peserta-peserta dari kawasan di luar daerah Kuantan dijalankan di pusat-pusat pengumpulan peserta di daerah masing-masing iaitu sebelum mereka menaiki bas

(disediakan oleh TH) yang membawa mereka ke Masjid Sultan Ahmad 1. Bagi peserta peserta dari daerah Kuantan dan yang menghadiri kursus tersebut dengan kenderaan sendiri, pendaftaran dibuat di kaunter pendaftaran di perkarangan pintu masuk Masjid Sultan Ahmad 1. Pembahagian peserta kepada dua maktab dibuat berdasarkan zon daerah masing-masing. Sejumlah 1,847 orang jemaah haji terlibat dalam Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri Pahang bertempat di Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan.

iii. Pengisian Program

Secara keseluruhannya, kesemua aktiviti yang dirancang bagi kursus ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan tidak terdapat perubahan yang besar terhadap jadual kursus yang telah ditetapkan oleh penganjur.

Di Negeri Selangor, aktiviti kursus dimulakan dengan taklimat pelaksanaan program kursus kepada para peserta oleh TH. Bagi memudahkan pergerakan, para peserta telah diminta untuk berkumpul di dalam dewan masjid mengikut kumpulan maktab masing-masing. Sepanduk digunakan bagi membezakan di antara satu maktab dengan maktab yang lain. Di peringkat awal kursus, didapati sedikit rungutan di kalangan peserta kursus terhadap kawasan dan ruang di dalam masjid iaitu tiada pengasingan kawasan bagi peserta lelaki dan wanita. Ini menyebabkan agak sukar bagi peserta terutama bagi peserta lelaki apabila mereka diminta menukar pakaian kepada ihram. Pemerhatian mendapati kebanyakan peserta lelaki menukar pakaian kepada kain ihram di tempat asal mereka. Hal ini telah menyebabkan ketidakselesaan bukan sahaja kepada mereka, malahan kepada peserta wanita berhampiran mereka.

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti kursus yang lain dijalankan dengan pemantauan rapi oleh petugas-petugas dan pembimbing haji yang terlibat. Berdasarkan pemerhatian, pergerakan peserta-peserta kursus adalah teratur dan terkawal. Peserta-peserta yang uzur dari kalangan warga emas diberi kelonggaran untuk berehat di kawasan masjid. Aktiviti di luar masjid seperti latihan tawaf, Sa'ie, mengutip batu dan melontar Jamrah sentiasa diiringi dengan penerangan oleh guru pembimbing yang telah ditetapkan bagi membantu setiap maktab. Selain itu, setiap maktab juga dibantu oleh dua orang petugas haji (jurupandu) bagi mengawal pergerakan setiap aktiviti peserta. Kawasan masjid yang telah dibahagikan mengikut lokasi-lokasi utama seperti di Tanah Suci Mekah iaitu Safa dan Marwah bagi latihan Sa'ie, Muzdalifah dan Mina bagi latihan mengutip batu dan wukuf serta replika Jamrah bagi latihan melontar memberikan gambaran kepada para peserta menjalankan aktiviti yang dijadualkan. Guru pembimbing yang telah ditugaskan bagi sesebuah maktab menggunakan alat pembesar suara supaya penerangan yang diberi adalah jelas dan difahami oleh para peserta kursus.

Berdasarkan pemerhatian, terdapat sedikit masalah semasa latihan mengutip batu dan melontar Jamrah. Tempoh masa pelepasan ke lokasi latihan (Muzdalifah dan Mina) di antara satu maktab dengan maktab lain yang agak pendek di samping terdapat gangguan dari segi penyampaian penerangan oleh guru pembimbing menyebabkan berlaku kekeliruan di kalangan peserta-peserta. Apa yang berlaku ialah guru pembimbing yang menunggu di kawasan latihan melontar (Jamrah) memberi isyarat supaya mempercepatkan pergerakan kumpulan jemaah yang sedang berhenti di kawasan Mina sedangkan guru pembimbing maktab tersebut belum selesai memberi penerangan tentang aktiviti mengutip batu di Muzdalifah dan aktiviti melontar. Ini menyebabkan ada jemaah terus bergerak ke kawasan melontar tersebut dan meninggalkan kumpulan jemaah di maktab asalnya.

Selain itu, kenderaan peserta-peserta kursus yang diletakkan berhampiran dengan kawasan latihan melontar juga antara faktor

yang menyebabkan pergerakan peserta sedikit terganggu. Walaupun peringatan telah diberikan kepada peserta kursus oleh pihak urusetia untuk mengalihkan kenderaan yang diletakkan berhampiran dengan kawasan latihan melontar, tetapi sehingga latihan dijalankan, masih terdapat kenderaan yang tidak dialihkan.

Di Negeri Pahang, program dimulakan dengan taklimat perjalanan kursus dan penerangan mengenai peraturan dan peringatan mengenai pelaksanaan ibadah haji kepada peserta. Di sepanjang kursus, peserta memakai ihram mengikut waktu-waktu yang ditetapkan oleh TH. Guru pembimbing haji sentiasa memberi teguran dan memastikan bahawa jemaah akan memakai ihram dengan cara yang betul dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kursus.

Pergerakan bagi latihan semasa kursus ini dijalankan mengikut maktab. Guru pembimbing TH berperanan memberi penerangan mengenai pelaksanaan amali yang dilakukan. Selain itu, guru pembimbing dan petugas TH sentiasa memastikan kebajikan dan keselamatan para peserta sewaktu program tersebut berlangsung dijaga dan dikawal dengan sebaiknya. Khemah petugas perubatan turut disediakan di kawasan latihan supaya para peserta yang sakit dan warga emas yang uzur dapat diberi rawatan yang sewajarnya dengan segera. Bagi latihan mengutip batu kecil dan melontar Jamrah (Tahallul Awwal), kawasan yang dinamakan sebagai Muzdalifah diwujudkan di luar masjid. Seperti juga di masjid Negeri Selangor, replika Jamrah juga turut disediakan di kawasan masjid bagi membolehkan para peserta menjalankan latihan melontar. Latihan praktikal yang lain seperti bagi ibadah Tawaf dan Sa'ie berjalan seperti yang dijadualkan. Bagi peserta yang tidak dapat melaksanakan latihan tersebut akibat keuzuran, mereka tetap dibawa ke lokasi latihan bagi membolehkan mereka menyaksikan pelaksanaan ibadah tersebut.

Di akhir kursus ini, guru-guru pembimbing yang terlibat memberikan ulasan dan rumusan masing-masing terhadap perjalanan kursus secara keseluruhan. Secara umumnya, mereka berpuas hati dengan

kerjasama para peserta yang mematuhi arahan-arahan dan mengambil perhatian terhadap makluman-makluman yang disampaikan oleh LTH. Para peserta juga turut diingatkan dengan peraturan dan arahan-arahan yang perlu dipatuhi ketika berada di Tanah Suci dan perlu memastikan persiapan sewajarnya dilaksanakan sebelum berlepas ke Tanah Suci.

iv. Kemudahan Prasarana

Pemilihan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Shah Alam dan Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan sebagai lokasi kursus adalah amat sesuai. Padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 1 yang terletak berhampiran dengan Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan dijadikan kawasan bagi latihan praktikal sepanjang kursus ini. Selain itu, kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di kedua-dua masjid ini seperti tempat letak kereta, bilik-bilik untuk kemudahan urusetia kursus seperti Bilik Taklimat, Bilik Gerakan, Bilik Rawatan selain tandas yang dijaga oleh petugas masjid disediakan dalam jumlah yang mencukupi. Sistem siaraya yang baik disediakan dilengkapi dengan skrin besar. Selain itu, penggunaan van *mobile speaker* sangat membantu terutamanya semasa latihan praktikal dijalankan.

Bagi pengangkutan peserta kursus di Negeri Pahang, sebanyak 24 buah bas disediakan oleh pihak TH untuk mengambil mereka daripada setiap daerah untuk dibawa ke lokasi kursus. Di samping itu, Jabatan Penerangan Negeri Pahang membekalkan kemudahan *mobile speaker* kepada pihak TH, manakala Jabatan Bekalan Air Pahang menyediakan 2 tangki air untuk kegunaan peserta kursus.

v. Penyediaan Perkhidmatan Kesihatan

Perkhidmatan kesihatan dan pasukan perubatan juga ditugaskan sepanjang kursus ini berlangsung. Di samping itu, terdapat juga perkhidmatan suntikan pelalian *Meninggococal* ACYW 135 untuk para peserta yang disediakan oleh klinik-klinik swasta. Sebuah ambulans juga disediakan bagi tujuan kecemasan.

vi. Penyediaan Makanan

Pemerhatian mendapati, penyediaan makanan bagi peserta-peserta kursus di Negeri Selangor (oleh Tabung Haji Global Sdn. Bhd.) dan Pahang (TH Global, ED Katering dan AM Bina Jaya) adalah baik. Tiada masalah dari segi menu dan kuantiti makanan yang disediakan, tetapi timbul masalah dari aspek kebersihan iaitu kekurangan tempat membuang sampah. Ini menyebabkan plastik-plastik makanan kelihatan bertaburan di kawasan kursus selepas setiap kali waktu makan.

vi. Persiapan Peserta Untuk Mengerjakan Ibadah Haji

Hampir kesemua peserta kursus yang ditemubual menyatakan bahawa persiapan diri baik dari segi fizikal dan mental telah dibuat. Kesemua peserta yang mengikuti kursus ini adalah pemohon yang telah menerima surat pengesahan tawaran mengerjakan ibadah haji untuk tahun 2010.

viii. Tahap Kepuasan Hati Peserta Kursus

Sebilangan peserta yang ditemubual menyatakan bahawa mereka amat berpuashati dengan kursus yang dianjurkan oleh pihak TH. Bagaimanapun terdapat beberapa rungutan di kalangan para peserta di Negeri Selangor iaitu berkenaan tiada pengasingan tempat di antara peserta lelaki dan wanita sepanjang kursus dijalankan terutamanya sewaktu peserta bermalam di dalam masjid. Seorang responden wanita memaklumkan bahawa peserta-peserta yang datang berpasangan atau berkeluarga akan tidur dalam kelompok mereka menyebabkan beliau yang datang sendirian terpaksa tidur di lorong ke tandas wanita memandangkan hanya kawasan itu yang tidak dilalui oleh peserta lelaki.

Secara keseluruhan, peserta-peserta Kursus Haji Perdana bagi musim 1431H/2010M amat berpuas hati dengan perjalanan dan

segala kemudahan yang disediakan sepanjang kursus berlangsung. Kerjasama pelbagai agensi terlibat membolehkan kursus ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Selain itu, komitmen dan disiplin peserta kursus juga membolehkan penyelarasan pergerakan dapat dibuat dengan baik.

B. Pengurusan Dan Pengendalian Operasi Haji Tanah Air

i. Faktor-faktor dan Sumber Menunaikan Haji

Secara dasarnya, faktor giliran merupakan faktor utama responden yang ditemui menunaikan haji pada tahun 2010. Responden mengakui dan akur bahawa bagi seseorang yang telah mendaftarkan diri untuk menunaikan haji, mereka perlu menunggu untuk satu jangka masa sehingga tiba giliran masing-masing. Selain itu, terdapat juga faktor lain seperti faktor kewangan dan kesihatan. Hasil analisis mendapati sebahagian besar responden membiayai wang pakej haji mereka menggunakan wang simpanan sendiri di TH. Dari segi pemilihan pakej Muassasah untuk menunaikan haji, ia dipengaruhi oleh faktor harga dan kepercayaan yang tinggi terhadap perkhidmatan haji Muassasah.

ii. Penjagaan Kesihatan

Di antara masalah kesihatan yang selalu dialami oleh jemaah haji ialah masalah tekanan darah, sakit jantung, *Diabetis*, asma dan gastrik. Walaubagaimanapun, majoriti responden dalam kajian ini memaklumkan mereka adalah sihat dan tidak mengambil sebarang ubat untuk penyakit-penyakit yang khusus. Para jemaah mengambil inisiatif dengan membawa pelbagai ubat-ubatan untuk kegunaan semasa di Tanah Suci. Terdapat juga jemaah yang langsung tidak membawa sebarang ubat-ubatan dan bergantung kepada ubat-ubatan yang disediakan oleh TH. Kajian ini mendapati sebahagian besar jemaah amat peka dengan faktor kesihatan dan membuat persiapan awal dengan membawa ubat-ubatan sendiri. Namun demikian, bagi responden yang berpandangan bahawa ubat-ubatan boleh diperolehi

di klinik-klinik mahupun dibeli di Tanah Suci, mereka seharusnya sedar bahawa pelbagai kemungkinan boleh berlaku dan persiapan awal amatlah penting.

iii. **Pengetahuan Responden Mengenai Ibadah Haji**

Sebahagian besar responden kajian ini merupakan jemaah yang menunaikan haji Tamattuk. Analisa mendapati, masih terdapat jemaah haji yang tidak yakin dengan pelaksanaan rukun-rukun haji. Contohnya, masih terdapat jemaah yang memberikan jawapan yang tidak tepat apabila diajukan persoalan mengenai Miqat, manasik haji di Arafah, Muzdalifah dan Mina.

iv. **Perkhidmatan di Pusat-pusat Pelepasan Jemaah Haji**

Proses pendaftaran jemaah haji di pusat-pusat pelepasan jemaah haji berjalan dengan lancar. Petugas-petugas operasi haji di pusat pelepasan jemaah sangat membantu sewaktu urusan pendaftaran jemaah dilaksanakan. Di Terengganu misalnya, pengumuman mengenai maklumat-maklumat berkenaan urusan *check-in* jemaah haji dibuat dengan jelas bagi memudahkan jemaah dan waris membantu urusan pendaftaran di pusat pelepasan jemaah. Walaubagaimanapun, keadaan yang agak sesak di ruang pendaftaran menimbulkan ketidakselesaian kepada jemaah. Ini kerana walaupun kawasan tersebut telah dikhaskan sebagai kawasan pendaftaran jemaah, masih terdapat waris dan ahli keluarga jemaah yang berkumpul di kawasan tersebut dan ini mewujudkan keadaan yang sesak di khemah pendaftaran.

Urusan pasport dan visa jemaah haji juga dilaksanakan dengan baik. Jemaah haji diberikan pasport dan stiker perumahan untuk dilekatkan pada lencana haji masing-masing sewaktu *check-in* di pusat pelepasan. Tidak berlaku banyak masalah kerana petugas-petugas haji sentiasa peka dan bersedia membantu jemaah ketika urusan pendaftaran dilakukan.

Urusan bagasi jemaah haji di pusat pelepasan jemaah haji dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan Malaysia Airport Sendirian Berhad. Pemeriksaan terhadap bagasi jemaah melalui *scanning* dibuat untuk memastikan tiada barang-barang larangan dibawa oleh jemaah. Stiker keselamatan ditampal pada beg atau barang yang telah menjalani pemeriksaan. Layanan dan bantuan petugas-petugas haji sewaktu urusan bagasi juga amat baik dan seharusnya dipuji.


Pada hari keberangkatan jemaah, taklimat disampaikan di dewan berlepas. Secara dasarnya, taklimat sewaktu di dewan berlepas berkisar mengenai pergerakan jemaah seterusnya. Pelbagai peringatan disampaikan kepada jemaah. Antara peringatan yang diberikan ialah supaya para jemaah sentiasa memakai gelang dan tag haji masing-masing sewaktu di Tanah Suci. Jemaah juga diingatkan supaya sentiasa menjaga barangan peribadi masing-masing. Petugas-petugas LTH di dewan berlepas sangat prihatin dengan persediaan akhir jemaah sebelum berlepas.

Layanan baik yang diberikan oleh semua petugas operasi haji harus dipuji. Kesemua responden di semua lokasi kajian berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh petugas-petugas haji. Jadual di bawah menunjukkan peratusan kepuasan responden terhadap layanan petugas di pusat-pusat pelepasan jemaah haji.

Pusat Pelepasan	Jumlah Peratusan (%)
Lapangan Terbang Kuching, Sarawak	93.4
Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, Terengganu	92.4
Kompleks Jemaah Haji Kelana Jaya, Selangor	97.5
Kompleks Jemaah Haji Bayan Lepas, Pulau Pinang	96.9

Secara keseluruhannya, majoriti responden berpuas hati dengan proses pengurusan jemaah di pusat-pusat pelepasan jemaah haji tanah air. Rajah di bawah menunjukkan analisa terhadap kepuasan responden terhadap keseluruhan sistem aliran kerja bagi pelepasan jemaah di pusat-pusat pelepasan jemaah haji. Sistem pengurusan pelepasan jemaah di pusat-pusat pelepasan adalah berkesan dan membolehkan semua proses pengurusan jemaah bermula dari pendaftaran sehinggalah berlepas ke Tanah Suci berjalan dengan lancar.

Rajah : Sistem Aliran Kerja Pelepasan Jemaah



KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri Selangor dan Pahang dan operasi pengurusan pelepasan jemaah haji di pusat-pusat pelepasan jemaah berjalan dengan lancar. Proses pengurusan jemaah haji di pusat-pusat pelepasan adalah berdasarkan prosedur operasi haji tanah air oleh LTH yang telah mendapat pensijilan ISO 9001:2008. Gabungan kerjasama yang mantap di samping penyelarasan tugas yang teratur di antara pelbagai

agensi yang terlibat dalam operasi haji tanah air telah berjaya menghasilkan perkhidmatan pengendalian jemaah haji yang lancar. Keprihatinan dan layanan petugas-petugas haji yang amat baik juga merupakan faktor operasi pengurusan jemaah haji di tanah air berjalan dengan lancar.

SYOR

Berdasarkan pemerhatian dan hasil penemuan kajian ini, berikut disenaraikan beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh diambil kira dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan:

- i) Pengasingan tempat untuk peserta lelaki dan wanita khususnya tempat tidur peserta;
- ii) Mengadakan kaunter tempat pertemuan (Jabal Rahmah) bagi peserta yang kehilangan ahli keluarga atau sahabat;
- iii) Membuat penyelarasan pergerakan dan pemberian taklimat ketika pelaksanaan aktiviti bagi mengelakkan berlakunya masalah pertindihan arahan atau makluman;
- iv) Model Kaabah yang disediakan perlu dilekatkan perincian nama bagi setiap bucunya supaya para peserta dapat mengetahuinya dengan lebih jelas.
- v) Petugas wanita perlu lebih proaktif dalam membantu para peserta khususnya golongan warga emas; dan
- vi) Tempat pembuangan sampah perlu ditambah bagi mengelakkan sampah sarap bertaburan di kawasan masjid.

Bagi pengurusan dan pengendalian jemaah haji di pusat-pusat pelepasan, JAWHAR mencadangkan supaya:

- i) Jumlah petugas di kaunter pendaftaran jemaah ditambah bagi membantu jemaah menampal pelekat di tag, beg dan

sebagainya. Ini kerana ramai jemaah terutamanya jemaah warga emas yang mengalami kesukaran menampal pelekat-pelekat yang diberikan kepada mereka kerana keliru. Bagi jemaah di Kuala Terengganu, seorang waris dari kalangan keluarga jemaah dibenarkan menemani jemaah sewaktu pendaftaran untuk membantu melekatkan pelekat yang mengandungi maklumat jemaah tersebut;

- ii) Carta aliran kerja yang jelas disediakan bagi semua proses di pusat pelepasan untuk rujukan jemaah di pusat pelepasan jemaah. Carta aliran kerja yang jelas untuk setiap proses di pusat pelepasan dapat membantu jemaah sewaktu di pusat-pusat pelepasan; dan
- iii) Pengendalian jemaah haji di Kompleks-kompleks khas seperti Kompleks Jemaah Haji Kelana Jaya dan Kompleks Jemaah Haji Bayan Lepas merupakan antara faktor kelancaran pengurusan jemaah di pusat pelepasan. Ini kerana masalah limitasi ruang dapat dikurangkan terutamanya apabila melibatkan jumlah jemaah dan waris yang ramai. Justeru, langkah menyediakan kompleks jemaah haji khas di setiap negeri yang mengendalikan penerbangan haji seperti mana di Selangor dan Pulau Pinang adalah dicadangkan.

PENUTUP

Pasukan Kajian Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji Bagi Musim Haji 1431H/2010M berpuas hati dan berbangga dengan perkhidmatan yang disediakan oleh LTH sepanjang operasi Haji di pusat-pusat pelepasan jemaah pada musim 1431H ini. Amanah dan tanggungjawab yang dipikul oleh LTH amatlah besar dalam memastikan kesempurnaan ibadat, kelancaran pengurusan serta keselesaan semua jemaah haji. Ucapan jutaan terima kasih kepada seluruh petugas LTH yang memberikan kerjasama sepanjang kajian ini berlangsung. Semoga kerjasama dan hubungan baik ini akan berkekalan demi kemanfaatan ummah sejagat.

RUJUKAN

Al-Quran.

Ustaz Hj. Mahamad bin Che' Ngah, Ustaz Hj. Md. Daud bin Che' Ngah, 2001, *Bekalan Haji (Zadul-Hajj)*, Synergymate Sdn.Bhd.

Ustaz Hj. Md. Daud Che' Ngah, 2001, *Mabrurkah Hajiku Ini?*, Pustaka Haji Abdul Majid.

"Negara lain disaran contohi usaha Tabung Haji" di http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1228&pub=utusan_malaysia&=sec=Muka_Hadapan&pg=mh_10.htm&arc=hive. Dilayari pada 6 Mac 2011.

SENARAI PENYUMBANG ARTIKEL

- 1. HADENAN TOWPEK**
Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan,
Jabatan Agama Islam Sarawak.

- 2. DR. ZAHRI HAMAT**
Pensyarah di Bahagian Perancangan dan Pengurusan Pembangunan,
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
(USM).

- 3. DR. ALIAS AZHAR**
Pensyarah Kanan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM).

- 4. AHMAD MUNIR ISHAK**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

- 5. SANEP AHMAD**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

- 6. NUR DIYANA MUHAMED**
Pelajar Sarjana, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan
Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

- 7. DR. SHAIK ABDULLAH HASSAN MYDIN**
Pensyarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia (USM).

- 8. KHAIRUL ASFANI NASIR**
Pensyarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia (USM).

- 9. RAZALI OTHMAN**
Fellow, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia (USM).
- 10. ROHAYU ABDUL GHANI**
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM).
- 11. DR. AZMAN AB. RAHMAN**
Pensyarah Fakulti Syariah Dan Undang-Undang,
Univeristi Sains Islam Malaysia (USIM).
- 12. DR. AHMAD WIFAQ MAKHTAR**
Pensyarah Fakulti Syariah Dan Undang-Undang,
Univeristi Sains Islam Malaysia (USIM).
- 13. DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**
Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- 14. AHMAD AZHAN MOHD NOH**
Pengarah Bahagian Haji, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

- a. Artikel hendaklah berkaitan bidang wakaf, zakat, haji, mal dan pengurusan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang bersifat kritikal dan membina amatlah dialu-alukan.
- b. Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana penerbitan tempatan atau antarabangsa.
- c. Artikel hendaklah tidak melebihi 6,000 patah perkataan atau 30 halaman yang ditaip pada kertas A4 (langkau dua), menggunakan tulisan jenis Arial bersaiz 12.
- d. Artikel yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan beserta perkataan-perkataan teras dan juga kod klasifikasi JEL.
- e. Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
- f. Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
- g. Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan penulis dan JAWHAR. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.
- h. Penulis artikel akan diberi bayaran saguhati yang sewajarnya.
- i. Sumbangan, pertanyaan dan langganan boleh dialamatkan kepada:

Ketua Editor

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 03-8883 7400

Faks: 03-8883 7509

Email: jurnal@jawhar.gov.my

